

# Nilai Bersama Dihayati



LAPORAN TAHUNAN

**2019**

# FAKTA SEKILAS PANDANG

## AHLI



**14,587,811** Ahli

7,626,262 merupakan Ahli Aktif yang masih mencarum

## MAJIKAN YANG MENCARUM KEPADA KWSP

**522,297**



## CARUMAN TAHUNAN YANG DITERIMA DARIPADA PEKERJA DAN MAJIKAN

RM **75,928.08** Juta

## JUMLAH PENGELUARAN

RM **44,803.40** Juta

## JUMLAH ASET

RM **927,894.93** Juta

▲ **Meningkat 11%**

daripada RM836,542.19 juta pada tahun 2018

## KADAR DIVIDEN

### Simpanan Konvensional

**5.45%**



Bayaran Dividen

RM **41.68** Bilion

### Simpanan Shariah

**5.00%**



Bayaran Dividen

RM **4.14** Bilion

## JUMLAH PENDAPATAN KASAR

RM **49,756.59** Juta

▲ **Meningkat 1%**

daripada RM49,436.69 juta pada tahun 2018

# KANDUNGAN

## VISI

Membantu  
Ahli Mencapai  
Masa Depan  
yang Lebih  
Baik

## MISI

Melindungi  
Simpanan  
Ahli dan  
Menyediakan  
Perkhidmatan  
Terbaik

## NILAI BERSAMA KWSP

•  
Integriti

••  
Penambahbaikan  
Berterusan

•••  
Utamakan  
Pelanggan

••••  
Semangat Kerja  
Berpasukan

## Perutusan Pengerusi / Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Perutusan Pengerusi	2
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	9

## Prestasi Kami

Sorotan Lima Tahun Kewangan	12
Menyusuri Jejak Kejayaan KWSP 1951-2019	14
Struktur Korporat Kumpulan	16
68 Cawangan di Seluruh Malaysia	18
Diari Korporat 2019	22

## Tadbir Urus Kami

Pernyataan Tadbir Urus Korporat	24
Pernyataan Tadbir Urus Syariah Bagi Simpanan Shariah	31
Laporan Jawatankuasa Penasihat Shariah	36
Pengurusan Risiko	38
Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	46
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga	51
Pernyataan Audit Dalam	54
Pernyataan Pengurusan Risiko Pelaburan	57

## Pengurusan Kami

Ahli Lembaga	58
Ahli Silih Ganti Lembaga – Wakil Kerajaan	67
Ahli Panel Pelaburan	68
Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Baru Dilantik	71
Ahli Lembaga, Ahli Silih Ganti Lembaga dan Panel Pelaburan yang Menamatkan Perkhidmatan	72
Ahli Jawatankuasa Lembaga dan Panel Pelaburan	73
Ahli Jawatankuasa Penasihat Shariah 2018-2020	74
Struktur Organisasi	75
Ketua Pegawai Eksekutif/Timbalan - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan/Ketua Pegawai Teknologi Digital	76
Pengurusan Kanan	78

## Ulasan Perniagaan Mengikut Bahagian

Statistik	88
Bahagian Pelaburan	94
Kwasa Damansara – Model Perbandaran Mampan	100
Memastikan Kemampanan Melalui Impak Sosial	103
Bahagian Operasi	106
Bahagian Strategi	111

## Kewangan

Ringkasan Kewangan dan Analisis	117
Laporan Ketua Audit Negara	120
Penyata Kewangan	124
Hartanah KWSP di Malaysia	321
Glosari	322

# PERUTUSAN PENGERUSI



**TAN SRI SAMSUDIN OSMAN**  
Pengerusi

**KWSP bertuah kerana telah lama mengenal pasti keperluan sesebuah organisasi untuk mengembangkan dan mengukuhkan strategi masa depannya. Berpandukan pengalaman hampir tujuh dekad, kami berupaya merancang masa depan, mengambil iktibar daripada krisis kewangan dan kemelesetan pada masa lalu, bahawa dalam setiap tempoh sukar, yang berjaya adalah mereka yang sentiasa bersedia dan tangkas. Ini telah mendorong kami agar sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan mengambil pendekatan yang berhemah dalam menguruskan risiko dan krisis.**

Tahun 2019 merupakan tahun yang penuh cabaran ketika kami berusaha untuk mengimbangi antara keperluan memenuhi komitmen terhadap ahli, majikan, serta anggota kami, dan pada masa yang sama, merangsang usaha bagi mendorong KWSP melangkah ke dekad baharu.

## **PRESTASI MANTAP DALAM TAHUN YANG TIDAK MENENTU**

Tahun ini sememangnya tidak menentu dan mencabar, dibayangi dengan pelbagai peristiwa yang mendorong kepada ketidakstabilan pasaran. Ketegangan politik di serata dunia, termasuk isu Brexit dan protes di Hong Kong, menambahkan lagi kemelut yang timbul akibat ketegangan ekonomi yang berterusan antara Amerika Syarikat dan China. Keadaan ini telah memperlahankan ekonomi global, dan mempengaruhi hampir semua pasaran dunia.

Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang tidak stabil, KWSP telah berjaya mencapai prestasi kukuh yang membolehkan kami mengisytiharkan dividen untuk Simpanan Konvensional sebanyak 5.45% dan Simpanan Syariah 5.00%, jauh melebihi kadar minimum iaitu 2.50% yang dimandatkan oleh Akta KWSP 1991. KWSP telah mengisytiharkan kadar dividen sebenar bagi purata tiga tahun berturut-turut melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 2.00%. Dividen sebenar untuk Simpanan Konvensional adalah sebanyak 4.33%, iaitu 2.33% melebihi kadar sasaran, manakala Simpanan Syariah pula mencatat dividen sebenar sebanyak 3.93%, iaitu 1.93% melebihi kadar sasaran.

Pencapaian ini adalah hasil kejayaan strategi kami dan komitmen anggota KWSP yang berpandukan visi organisasi untuk mencapai yang terbaik demi kesejahteraan dan masa depan ahli.

Fokus dan tekad merupakan dua faktor pendorong yang memacu warga kerja KWSP untuk mendepani pelbagai cabaran sepanjang tahun 2019. Legasi mantap yang diperkukuh sepanjang 69 tahun lalu telah melengkapkan organisasi dengan pengetahuan dan kebijaksanaan yang diperlukan untuk membimbing pasukan kami.

Kami juga memperoleh sokongan berterusan daripada Lembaga KWSP yang diwakili oleh ahli berpengalaman dan berkebolehan tinggi, yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan utama, iaitu daripada pekerja, majikan dan kerajaan. Kami amat berterima kasih kerana mereka telah memperkasa kami dengan kebebasan untuk membuat sebarang keputusan yang diperlukan dalam menghadapi keadaan yang rumit dan mencabar.

Namun, pendorong utama kami untuk mencapai matlamat organisasi biarpun berhadapan dengan pelbagai cabaran, sebenarnya adalah seluruh ahli KWSP. Dengan kepercayaan dan keyakinan yang mereka berikan, kami sentiasa memfokuskan komitmen untuk tidak mengecewakan mereka dengan memenuhi mandat yang telah ditetapkan.

Kedua-dua faktor dalaman dan luaran ini telah membolehkan kami mendepani krisis yang timbul pada tahun 2019 serta merebut dan memanfaatkan setiap peluang yang muncul.

Kami juga sentiasa peka akan keperluan serta desakan untuk sentiasa cekal dan berupaya untuk berkembang, agar kami



kekal relevan ketika situasi ketidakpastian dan tidak terduga menjadi norma baharu.

### **PENGAJARAN DARIPADA KRISIS SEDEKAD**

Ketika saya mula menerajui organisasi ini pada tahun 2007, KWSP sediaakalanya merupakan sebuah institusi yang mantap dan mempunyai reputasi yang stabil. Sejak itu, adalah menjadi keutamaan saya untuk memastikan kami terus mengekalkan kepercayaan ahli, terutamanya di awal dekad Krisis Kewangan Global yang bermula sejurus selepas setahun saya memulakan perkhidmatan, yang kemudiannya disusuli dengan kelembapan pertumbuhan ekonomi.

Sejak awal tahun 2000-an, pelaburan KWSP adalah berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) bagi memastikan pelaburan yang optimum selain memastikan mandat kami dipenuhi biarpun wujud ketidakpastian pasaran. Pada tahun 2019, di bawah SAA, sebanyak 51% aset pelaburan KWSP diperuntukkan dalam Instrumen Berpendapatan Tetap, 36% dalam Ekuiti, 10% dalam Hartanah dan Infrastruktur, dan 3% dalam Instrumen Pasaran Wang.

SAA ini membolehkan kami untuk kekal berdaya tahan ketika mengharungi pasaran yang bergolak pada tahun 2010-an. Dengan sebahagian besar dana dilaburkan dalam bon kerajaan dan instrumen berpendapatan tetap yang lain, kami dapat memastikan aliran pulangan pendapatan di samping memelihara modal yang disumbangkan oleh ahli kami. Pada masa yang sama, biarpun prestasi pasaran kurang memuaskan, pelaburan KWSP memberikan nilai tambah ke atas simpanan melalui pulangan yang melebihi kadar inflasi.

Pada tahun 2019, pelaburan dalam aset global sebanyak 30.3% telah menyumbang 41% kepada jumlah pendapatan pelaburan kasar, seterusnya mengimbangi penurunan dan prestasi rendah pasaran domestik. Kami juga percaya bahawa strategi kepelbagaian pelaburan dalam pasaran global yang mula dilaksanakan pada tahun 2006 terus menjadi penyumbang utama kepada kejayaan kami ketika melalui tempoh mencabar. Walau bagaimanapun, kami tetap menjadi pelabur utama dalam pasaran Malaysia dengan hampir 70% daripada jumlah aset pelaburan kami dilaburkan dalam negara.

## PERUTUSAN PENERUSI

Dalam usaha kami untuk mempelbagaikan strategi pelaburan, kami juga telah menyalurkan sebanyak 14.4% daripada jumlah aset pelaburan kami kepada pengurus dana luaran melalui pelbagai mandat domestik dan global dalam ekuiti serta aset pendapatan tetap.

Sukacita saya nyatakan bahawa tahun 2019 merupakan tahun ketiga berturut-turut KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar melebihi RM50 bilion yang memberikan manfaat kepada 14.60 juta ahli kami. Catatan ini adalah bersamaan dengan pulangan pelaburan sebanyak 6.53% sepanjang tiga tahun, suatu premium ketara berbanding kadar simpanan tetap.

### KEMAMPAAN SEBAGAI LANGKAH KE HADAPAN

Sejak pertengahan dekad yang lalu, terdapat peningkatan persetujuan pendapat di peringkat global yang menyokong pelaburan mampan sebagai pilihan yang lebih baik dalam menyediakan ketahanan terhadap krisis jangka panjang.

Pada tahun 2016, kami telah memperkenalkan Simpanan Syariah sebagai pilihan kepada ahli yang ingin mengembangkan simpanan mereka melalui pelaburan beretika dan yang patuh syariah, tanpa unsur *riba* (faedah), *maysir* (perjudian) dan *gharar* (ketidakpastian dalam kontrak) yang sering wujud dalam pelaburan perbankan dan insurans konvensional. Di bawah Seksyen 43A, Akta KWSP 1991, kami telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus syariah untuk mengawasi aspek-aspek pematuhan syariah dalam skim ini.

Dalam tempoh hanya tiga tahun, kaedah pelaburan patuh syariah ini telah mendapat sambutan baik apabila seramai 880,375 ahli telah memilih untuk beralih kepada Simpanan Syariah, dan memperoleh purata dividen sebenar berturut-turut sebanyak 3.93%.



Seiring dengan perkembangan semasa berkaitan isu-isu seperti perubahan iklim, tadbir urus baik dan tanggungjawab sosial yang semakin meraih perhatian, kami telah menandatangani Prinsip-Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI) pada April 2019. Ini menunjukkan komitmen kami terhadap pelaburan yang bertanggungjawab dan amalan terbaik Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) di samping melindungi kepentingan jangka panjang ahli. Kami amat berbangga kerana prinsip-prinsip beretika kami kini diperakui sebagai panduan kepada pelaburan dan amalan tadbir urus asas bagi syarikat penerima pelaburan kami.

### MEMPERKASA AHLI UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN KEWANGAN

Di samping memastikan setiap keputusan pelaburan yang dibuat adalah berpaksikan perlindungan simpanan persaraan ahli, kami juga peka tentang keinginan sebilangan besar ahli yang ingin menguruskan sendiri urusan pelaburan simpanan KWSP mereka. Sejak beberapa tahun lalu, Skim Pelaburan Ahli KWSP (MIS) telah diperkenalkan untuk memberi kelonggaran kepada ahli untuk mengurus sendiri sebahagian daripada simpanan mereka. Setakat akhir tahun

2019, terdapat 0.96 juta ahli di bawah skim ini dengan jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) sebanyak RM53.6 bilion.

Pada bulan Ogos tahun lalu, kami telah mengambil kesempatan untuk memanfaatkan teknologi kewangan dengan memperkenalkan i-Invest, suatu platform dalam talian layan diri yang membolehkan ahli untuk melabur dalam dana unit amanah melalui i-Akaun sebagai satu penambahbaikan kepada Skim Pelaburan Ahli sedia ada. Langkah ini juga melengkapkan usaha berterusan kami dalam meningkatkan celik kewangan ahli di samping memastikan mereka terus dibimbing untuk mencapai tahap Simpanan Asas yang diperlukan untuk persaraan.

### MEMBANGUNKAN KWSP UNTUK MASA DEPAN

Sepanjang perkhidmatan saya, saya berasa bertuah dapat menyaksikan KWSP berkembang menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab ke atas lebih 14.60 juta ahli dan lebih setengah juta majikan, serta jumlah simpanan yang kini menghampiri RM1 trilion. Meskipun KWSP meraih manfaat kerana beroperasi pada skala yang besar, wujud juga risiko

nyata yang boleh menjadikan KWSP tidak fleksibel atau terlalu besar untuk melakukan perubahan. Oleh itu, kami sentiasa peka akan pentingnya mengembangkan kebolehsuaian dan keperluan untuk kekal tangkas agar kami sentiasa relevan.

Sehubungan itu, kesediaan dan komitmen kami untuk beralih kepada penyelesaian digital yang dipacu oleh Agenda Transformasi Operasi telah membuahkan hasil. Kemudahan i-Akaun yang diperluaskan menjadi aplikasi mudah alih pada tahun 2013 telah membolehkan ahli dan majikan melakukan transaksi serta memantau caruman mereka secara dalam talian. Sukacita saya laporkan bahawa setakat bulan Disember 2019, sebanyak 52.06% ahli dan 99.36% majikan telah berdaftar dengan i-Akaun.

Inisiatif untuk mendigitalkan perkhidmatan tradisional kami telah membuka peluang kepada anggota kaunter untuk meningkatkan kemahiran mereka sebagai pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS), seterusnya memanfaatkan anggota barisan hadapan kami untuk membantu dan membimbing ahli merancang kewangan mereka. Transformasi ini adalah unik kepada KWSP dan saya bersyukur kerana bukan sahaja ia telah memberi nilai tambah kepada kehidupan ahli, malah kepada anggota KWSP juga. Sejak diperkenalkan pada Julai 2014, RAS kini berada di 52 cawangan, diwakili oleh 83 pegawai RAS yang berkecualan di seluruh negara. Pada tahun 2019, seramai 82,958 ahli telah menerima nasihat kewangan daripada pegawai RAS kami.

### **MENTAKRIF SEMULA MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK**

Bagi kami, mandat KWSP merupakan suatu tanggungjawab moral untuk mewujudkan persaraan yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia. Ketika rakyat sedang berhadapan dengan kenaikan kos sara

hidup, hutang isi rumah yang tinggi dan gaji yang tidak berkembang, peningkatan simpanan persaraan bukanlah matlamat utama untuk memastikan kesejahteraan hidup, tetapi merangkumi perkara lain termasuk keperluan luar jangka seperti tempat tinggal, penjagaan kesihatan dan pemakanan, serta membuat peralihan fokus kepada isu jangka panjang dan lebih meluas berhubung ekonomi, persekitaran, dan masyarakat yang memerlukan perhatian segera.

Sehubungan itu, kami telah menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019 (ISWC 2019) dengan tema *Shaping Destiny - Between Hope and Extinction*, bagi membincangkan pelbagai topik kesejahteraan yang berkaitan dengan cabaran dunia sebenar, termasuk ekonomi berasaskan amanah, strategi tenaga kerja, penuaan populasi dan takrif kesejahteraan. Persidangan tersebut merupakan evolusi Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa yang telah dianjurkan sebelum ini, yang memberi penekanan kepada keperluan untuk mentakrif semula perlindungan sosial dalam persekitaran kerja yang semakin kompetitif dan dipacu secara digital.

Kami juga telah mengambil langkah untuk mentakrif semula definisi golongan yang perlu disimpan dengan KWSP. Menurut data kami, sekitar 60% rakyat Malaysia tidak mempunyai sebarang perlindungan daripada mana-mana sistem keselamatan sosial kerana mereka bekerja sendiri atau bekerja di sektor tidak formal. Kami yakin bahawa sumbangan mereka kepada ekonomi wajar diiktiraf dan mendapat akses kepada manfaat keselamatan sosial.

Dalam beberapa tahun yang lepas, sukacita saya maklumkan bahawa usaha kami untuk memperluas perlindungan kepada kumpulan pekerja ini telah mula mendapat sambutan, berdasarkan peningkatan jumlah pendaftaran skim i-Suri dan i-Saraan. Pada

tahun 2019, kami telah mencatatkan peningkatan tahunan pendaftaran i-Suri sebanyak 28.78% kepada 81,511, dan 120,738 untuk i-Saraan, iaitu peningkatan sebanyak 22.11% berbanding pada tahun 2018.

### **BERSAMA MENDEPANI DUNIA YANG PANTAS BERUBAH**

Semasa saya menulis perutusan ini, dunia semakin bergolak tatkala banyak negara melaksanakan pelbagai sekatan ekonomi bagi membendung penyebaran COVID-19. Negara-negara yang pernah dianggap kukuh dan berkuasa kini mengalami kesukaran untuk menguruskan segala sumber yang ada dan merombak polisi kesihatan demi menyelamatkan nyawa rakyat mereka. Perniagaan telah terjejas teruk dan seluruh industri pelancongan, perhotelan dan penerbangan telah tergendala sepenuhnya apabila negara-negara menutup sempadan mereka, demi mengutamakan keperluan kesihatan dan keselamatan rakyat berbanding keperluan pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengawal pandemik telah memberi kesan teruk kepada seluruh ekonomi dunia. Dalam keadaan krisis sebegini, kemampuan untuk bertahan bergantung kepada tahap kesiapsiagaan serta kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan pantas dan memperbetulkan hala tuju, sekiranya diperlukan.

KWSP bertuah kerana telah lama mengenal pasti keperluan sesebuah organisasi untuk mengembangkan dan mengukuhkan strategi masa depannya. Berpandukan pengalaman hampir tujuh dekad, kami berupaya merancang masa depan, mengambil iktibar daripada krisis kewangan serta kemelesetan pada masa lalu, bahawa dalam setiap tempoh sukar, yang berjaya adalah mereka yang sentiasa bersedia dan tangkas. Pengalaman ini telah mendorong

## PERUTUSAN PENERUSI

kami agar sentiasa berada dalam keadaan bersedia serta mengambil pendekatan yang berhemah dalam menguruskan risiko dan krisis.

KWSP telah memulakan langkah transformasinya sejak beberapa tahun yang lepas dan memahami bahawa dunia digital bakal memberi kesan kepada ahli KWSP. Sehingga kini, kami telah mengaktifkan sistem, peralatan dan keupayaan yang diperlukan untuk mengharungi masa depan yang mencabar ini. Bagi memastikan semua anggota mendapat peluang yang sama untuk terus maju, kami telah memperkasa tenaga kerja KWSP melalui inisiatif peningkatan kemahiran dan menyediakan infrastruktur sokongan untuk kebolehsuaian kerjaya mereka.

Saya amat berbangga dengan semangat dan iltizam pasukan KWSP yang

mbolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Ini telah membantu mengukuhkan lagi ketahanan KWSP dalam menghadapi dan menangani cabaran yang mendatang.

### SEKALUNG PENGHARGAAN

Dekad baharu ini jelas mempamerkan ketidaktentuan yang berterusan, dan dalam persekitaran inilah saya menyerahkan kepimpinan KWSP kepada rakan-rakan saya yang lebih muda tetapi yang pastinya sangat berkebolehan. Saya telah berkhidmat dengan KWSP sejak tahun 2007, dan tempoh 13 tahun ini merupakan perjalanan untuk berbakti kepada negara serta pencapaian peribadi yang paling istimewa buat saya. Saya akan sentiasa mengingati saat-saat ketika bersama rakan kerja yang kini telah menjadi sahabat saya. Saya amat menghargai kepercayaan yang

diberikan kepada saya untuk menerajui organisasi yang hebat ini.

Kepada anda semua yang saban hari bekerja keras demi memberikan masa depan yang lebih baik untuk semua ahli, terima kasih saya ucapkan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada semua ahli, majikan dan pihak berkepentingan atas kepercayaan dan sokongan mereka, serta Ketua Pegawai Eksekutif, pasukan Pengurusan dan Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan, yang mendorong kami untuk mencapai matlamat mulia ini.

Saya mengimbau kenangan lalu dengan penuh rasa bangga dan melihat ke hadapan dengan penuh yakin, bahawa KWSP akan terus tabah dan menjadi mercu kestabilan untuk dekad-dekad yang akan datang.

### TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

*Pengerusi*

*Februari 2007 – April 2020*



# PERUTUSAN PENGGERUSI



**TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**

Pengerusi

**Saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2019 selaku Pengerusi baharu KWSP, sebuah organisasi yang mempunyai sejarah pencapaian yang membanggakan dan masa hadapan yang mengujakan.**

Pertama sekali, saya ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan Pengerusi yang kita sanjungi, Tan Sri Samsudin Osman, atas khidmat bakti, usaha gigih dan pencapaian hebat beliau selama ini yang menjadi penanda aras kepada pemimpin selepasnya. Kepimpinan Tan Sri sememangnya mantap, berkeyakinan dan pragmatik, dan saya akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan usaha beliau ketika kita melangkah ke dekad baharu.

Peralihan tugas ini berlaku ketika kita memasuki era baharu tatkala wujudnya perubahan dan ketidakpastian. Sebelum dunia dilanda wabak COVID-19, kita masih lagi di peringkat awal dalam memahami kesan yang dibawa oleh revolusi perindustrian keempat (IR4.0) terhadap cara hidup kita. Kemajuan teknologi yang pesat memacu kita ke arah masa depan dunia digital yang mengujakan namun tidak menentu, malah pada masa yang sama kita masih berdepan dengan isu-isu perubahan iklim, ketegangan politik dan cabaran ekonomi global.

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, telah timbul hasrat agar wujudnya sumber yang dapat mengekalkan kestabilan. Sepanjang beberapa dekad yang lalu, KWSP merupakan tunjang kekukuhan dan kestabilan bagi rakyat Malaysia. Sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana simpanan persaraan dan memberi perkhidmatan kepada lebih 14.60 juta ahli, mandat KWSP untuk melindungi simpanan mereka dalam apa jua keadaan akan membantu ahlinya untuk mencapai masa depan yang lebih baik.

## PERUTUSAN Pengerusi

Saya sentiasa yakin bahawa KWSP mampu memenuhi hasrat dan harapan pihak berkepentingan kami – ahli, majikan dan seluruh anggota KWSP, dan secara tidak langsung rakyat Malaysia amnya.

Kejayaan yang diraih selama ini merupakan hasil usaha gigih dan komitmen berterusan oleh seluruh warga KWSP yang amat berkebolehan dalam mengharungi pelbagai cabaran, yang terdiri daripada ahli-ahli Lembaga yang berwibawa, pihak Pengurusan yang berdedikasi dan wira kami yang sebenar – iaitu seluruh warga kerja kami. Dalam kita mengorak langkah ke hadapan, saya yakin KWSP mampu memperkukuh kekuatan sedia ada untuk menguasai keupayaan serta hala tuju baharu ke arah mencapai visi organisasi.

Khidmat cemerlang kami harus diteruskan, ditambah baik dan diperlengkap dengan inovasi yang seiring dengan perkembangan terkini, demi memenuhi hasrat dan aspirasi negara dan ahli. Di samping itu, langkah-langkah yang wajar harus diteruskan bagi memastikan piawaian tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti sentiasa berada pada tahap tertinggi. Bersama-sama, kami pasti mampu menjulang KWSP ke mercu kejayaan yang lebih gemilang.

### **TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**

*Pengerusi*

*Mulai 1 Mei 2020*

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



## **ALIZAKRI ALIAS**

Ketua Pegawai Eksekutif

**Penularan pandemik COVID-19 yang bermula pada akhir tahun 2019 dan masih belum ada penawarnya telah mendedahkan dunia kepada krisis baharu. Justeru, KWSP mengakhiri tahun 2019 dalam keadaan berwaspada dalam mendepani era baharu yang dibayangi persekitaran tidak menentu, tiada kepastian, kompleks dan kabur (VUCA) yang pastinya penuh dengan cabaran namun sarat dengan pelbagai peluang.**

Seperti tahun-tahun sebelumnya, 2019 penuh dengan pelbagai peristiwa dan cabaran. Ketegangan di Timur Tengah, isu Brexit yang mencetuskan ketidakpastian di Eropah dan perang dagang AS-China yang terus meruncing, merupakan sebahagian daripada faktor yang menyumbang kepada pergolakan ekonomi serta politik dunia yang berpanjangan. Perubahan politik yang sering berlaku, ketidakstabilan ekonomi serta kegelisahan sosial yang meningkat, menambahkan lagi kebimbangan dalam melalui dekad baharu.

### **PEMBAHARUAN MISI UNTUK DEKAD BAHARU**

Di penghujung dekad 2010-an, KWSP telah menyedari akan keperluan untuk memperluas tumpuan strategik organisasi agar dapat mencapai visinya untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik, terutamanya dalam persekitaran yang mencabar. Oleh itu, fokus organisasi hari ini tidak hanya tertumpu kepada aspek keselamatan sosial semata-mata, tetapi merangkumi aspek kesejahteraan sosial ahli secara keseluruhan.

Penularan pandemik COVID-19 yang bermula pada akhir tahun 2019 dan masih belum ada penawarnya telah mendedahkan dunia kepada krisis baharu. Justeru, KWSP mengakhiri tahun 2019 dalam keadaan berwaspada dalam mendepani era baharu yang dibayangi persekitaran tidak menentu, tiada kepastian, kompleks dan kabur (VUCA) yang pastinya penuh dengan cabaran namun sarat dengan pelbagai peluang.

Dalam era yang bergolak ini, kami juga lebih bertekad untuk memberi nilai tambah serta jaminan masa depan yang bermakna, sejahtera dan mampan kepada setiap ahli kami.

### **MEMPERSEDIA OPERASI BAGI MENDEPANI PERSEKITARAN TIDAK MENENTU**

Dalam mendepani persekitaran tidak menentu yang dijangka akan berlanjutan, KWSP telah melipatgandakan usahanya untuk melaksanakan transformasi di samping memperkasa budaya kerja dan penyampaian perkhidmatan kepada ahli demi memenuhi mandat untuk melindungi simpanan persaraan ahli. Tahun 2019

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

menyaksikan pasukan Operasi dan Digital KWSP melaksanakan inisiatif operasi yang seiring dengan keperluan masa kini ahli, di samping memanfaatkan teknologi dalam membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas produk serta kualiti perkhidmatan kami.

Salah satu inisiatif utama KWSP adalah melaksanakan usaha pendigitalan berterusan terhadap model perniagaan kami yang merupakan sebahagian daripada proses evolusi organisasi seiring dengan peningkatan jumlah ahli daripada golongan muda yang lebih celik teknologi serta mengambil kira perkembangan pesat sektor ekonomi gig. Di samping itu, kami komited untuk melaksanakan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2019-2023 melalui penerapan aspek celik kewangan dalam menyampaikan setiap produk dan perkhidmatan kami kepada ahli. Inisiatif ini akan memastikan ahli mempunyai kefahaman dan pengetahuan kewangan yang diperlukan untuk membuat keputusan demi masa depan mereka sendiri.

Pada bulan Ogos 2019, lantaran perancangan rapi, KWSP telah melancarkan platform i-Invest yang merupakan inisiatif untuk memperkasa ahli dengan keupayaan untuk menguruskan simpanan KWSP mereka sendiri di bawah Skim Pelaburan Ahli (MIS). Platform i-Invest yang disediakan melalui i-Akaun ini adalah MIS yang dinaiktaraf kepada platform digital. Kemudahan ini ditawarkan kepada ahli dengan hampir tanpa kos, di samping membolehkan mereka membuat pelaburan dalam dana unit amanah tanpa melalui ejen. Platform i-Invest menerima sambutan yang baik daripada ahli, dengan transaksi bernilai RM81.8 juta direkodkan sehingga Disember 2019.

Sementara itu, program i-Saraan yang disasarkan kepada golongan yang bekerja sendiri terus mendapat sambutan dengan 120,738 pendaftaran baharu diterima, termasuk daripada golongan pekerja gig yang berkhidmat secara kontrak atau menjalankan kerja secara bebas. Jumlah pendaftaran i-Saraan meningkat sebanyak 22.1% dan perkembangan ini dijangka berterusan seiring dengan perubahan model

perniagaan serta peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang memilih untuk bertukar dari sektor formal ke sektor ekonomi gig.

Begitu juga dengan program i-Suri yang disasarkan untuk memberikan perlindungan sosial dan menjaga kesejahteraan hidup golongan suri rumah. Program i-Suri telah menerima sebanyak 81,511 pendaftaran pada tahun 2019 dan jumlah ini dijangka akan meningkat dalam beberapa tahun akan datang apabila KWSP menggiatkan lagi usaha untuk mengembangkan capaian program tersebut.

Selain daripada usaha penambahbaikan prosedur operasi standard dan pengemaskinian teknologi yang berterusan, inisiatif-inisiatif seperti ini akan menjadi fokus utama usaha kami bagi tempoh 10 tahun yang akan datang.

### **MENSTABILKAN PELABURAN BAGI PULANGAN YANG MAMPAN**

Walaupun wujud ketidakpastian dalam persekitaran domestik dan global sepanjang tahun 2019, kami perlu memastikan pulangan dana pelaburan kami kekal mampan. Pada tahun ini, pelaburan KWSP terus mencatatkan jumlah yang kukuh hasil daripada pelaksanaan Alokasi Aset Strategik (SAA) serta kewaspadaan pasukan dan Panel Pelaburan kami yang berkebolehan.

Di samping itu, KWSP juga telah menjalankan kajian mendalam ke atas keadaan ketidakstabilan pasaran yang berlanjutan sama ada di peringkat domestik mahupun global dan langkah ini disusuli dengan usaha untuk mengubah pendekatan kami dalam menguruskan risiko kewangan serta bukan kewangan organisasi.

Pada bulan April 2019, kami telah menandatangani Prinsip-Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI), yang menyatakan komitmen kami terhadap pelaburan bertanggungjawab serta amalan terbaik berkaitan Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG), dan pada masa yang sama berteraskan kepentingan jangka panjang ahli kami. KWSP juga mempertimbangkan isu-isu semasa berkaitan perubahan iklim, masalah

alam sekitar dan cabaran sosio-ekonomi yang sering diketengahkan sepanjang tahun dalam membuat keputusan pelaburan. Sehubungan itu, sebarang keputusan pelaburan yang diambil oleh KWSP dan syarikat penerima pelaburan adalah berpandukan penghasilan impak positif yang melangkaui keuntungan.

Inisiatif ESG kami telah membuahkan hasil yang memberangsangkan; ternyata syarikat yang mematuhi ESG lebih mudah menyesuaikan diri dan bersedia untuk menghadapi masa depan, lebih berdaya tahan dan mampu memberikan pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang. Ketika kemuncak penularan COVID-19 baru-baru ini, perintah kawalan pergerakan di seluruh dunia telah memperlambatkan ekonomi global, syarikat-syarikat yang berpegang kepada prinsip ESG muncul sebagai syarikat paling berdaya tahan ketika berlakunya krisis. Keadaan ini meyakinkan kami bahawa keputusan untuk memberikan tumpuan kepada pelaburan bertanggungjawab adalah satu langkah yang tepat.

Walaupun keadaan pasaran tidak menentu pada tahun 2019, saya berpuas hati kerana kami masih berjaya mengumumkan kadar dividen yang kukuh sebanyak 5.45% dengan pembayaran berjumlah RM41.68 bilion bagi Simpanan Konvensional, manakala 5.00% bagi Simpanan Syariah dengan pembayaran berjumlah RM4.14 bilion. Pencapaian ini membuktikan bahawa KWSP mempunyai asas-asas yang mantap, perancangan yang strategik dan yang paling utama adalah pengurusan yang berhemat.

Setakat 31 Disember 2019, jumlah keseluruhan aset pelaburan KWSP adalah RM924.75 bilion (termasuk baki tunai dan bank). Sebanyak 37% daripada jumlah ini mewakili portfolio syariah yang merupakan inisiatif kami dalam menyokong aspirasi negara untuk menjadi hab kewangan Islam. Pegangan kami di luar negara adalah sebanyak 30.3% dan menyumbang 41% kepada keseluruhan pendapatan pelaburan kasar berjumlah RM50.91 bilion, hasil pelaksanaan strategi kepelbagaian aset KWSP di pelbagai lokasi. Tahun 2019 juga merupakan tahun ketiga berturut-turut KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar melebihi RM50 bilion.

## PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



### MELAKSANAKAN TRANSFORMASI UNTUK DEKAD AKAN DATANG

Meskipun KWSP merupakan salah satu tabung simpanan persaraan tertua dan paling berjaya di dunia, KWSP sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan prestasinya dari semasa ke semasa. Kami terus meningkatkan kedudukan dalam kalangan organisasi simpanan persaraan di peringkat global dengan melonjak ke kedudukan 16 daripada kedudukan 20 dalam *Melbourne Mercer Global Pension Index (MMGPI)* pada tahun 2019.

Di samping mempersiapkan organisasi untuk mengharungi dekad yang akan datang, adalah penting untuk kami mengkaji setiap kejayaan dan kegagalan pada masa lalu serta memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan transformasi ke arah yang lebih baik. Tahun-tahun mendatang pastinya akan dipenuhi dengan ketidakpastian. Bahkan ketika perutusan ini ditulis, kita masih lagi belum bebas daripada gelombang pertama wabak COVID-19 yang berkemungkinan disusuli oleh gelombang kedua di peringkat global yang mampu menggugat dan menghalang pemulihan ekonomi.

Di samping itu, kita harus menerima hakikat bahawa Malaysia sedang menuju ke arah populasi menua menjelang tahun 2025. Jumlah populasi dijangka akan meningkat kepada hampir 33.3 juta pada tahun ini, dengan 7.5% daripada mereka adalah berusia 65 tahun ke atas. Menurut kajian

Institut Kajian Khazanah yang terkini, walaupun mempunyai jangka hayat yang lebih panjang, rakyat Malaysia kehilangan lebih seperlima tahun jangka hayat mereka disebabkan oleh masalah kesihatan seperti penyakit tidak berjangkit dan gangguan mental. Oleh sebab sebilangan besar rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi, situasi penuaan populasi ini pastinya akan mempengaruhi kualiti kehidupan ahli semasa menjalani hari tua mereka.

Berdasarkan faktor-faktor ini, ditambah pula dengan keadaan ekonomi global yang semakin tidak menentu, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia tempatan serta kelembapan industri perniagaan baru-baru ini, KWSP akan melipatgandakan usahanya untuk membantu ahli mencapai jumlah simpanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupan apabila mereka meninggalkan alam pekerjaan.

Persekitaran kerja yang pantas berubah, pertumbuhan ekonomi gig dan peralihan model perniagaan serta rantaian bekalan global adalah antara faktor yang dipertimbangkan dalam merangka strategi jangka panjang KWSP. Pada masa ini, keutamaan kami adalah jelas, iaitu mengukuhkan hala tuju organisasi berpandukan matlamat, berteraskan nilai-nilai asas dan berkembang daripada sebuah organisasi keselamatan sosial kepada satu ekosistem kesejahteraan sosial yang lebih inklusif. Kemampuan akan menjadi teras

kepada rangka kerja ini, bukan hanya dari segi pulangan kewangan kepada ahli malah dari nilai impak positif organisasi terhadap alam sekitar dan masyarakat umum. Dalam hal ini, kami akan meletakkan penanda aras yang tinggi sebagaimana yang dipraktikkan dalam pengurusan pelaburan kami.

Sesuatu perubahan mesti dimulakan dengan peralihan minda. Tatkala persekitaran VUCA mentakrifkan norma baharu dalam sesebuah organisasi, KWSP pula berusaha menerapkan penghayatan kami sendiri mengenainya, iaitu berdasarkan visi dan nilai, kesefahaman, rasa perikemanusiaan dan kebolehsesuaian. Justeru, kami akan terus menghidupkan dan memelihara budaya korporat kami melalui nilai-nilai bersama yang telah bertunjang sepanjang beberapa dekad yang lalu, iaitu Mengutamakan Pelanggan, Penambahbaikan Berterusan, Integriti dan Semangat Kerja Berpasukan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi, Lembaga dan anggota KWSP yang sentiasa bersemangat dan berkebolehan, serta rakan kongsi, majikan dan ahli kami kerana telah bersama-sama mengorak langkah ke arah mewujudkan kesejahteraan bagi semua rakyat Malaysia. Kami akan terus maju sepanjang dekad baharu dengan semangat dan matlamat baharu untuk membantu ahli-ahli kami mencapai masa depan yang lebih baik.

#### ALIZAKRI ALIAS

*Ketua Pegawai Eksekutif*

# SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN

	2015	2016	2017	2018 DINYATAKAN SEMULA	2019
<b>RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN (RM JUTA)</b>					
Pendapatan Pelaburan Kasar*	44,234.03	46,557.22	53,139.68	49,436.69	49,756.59
Pendapatan Pelaburan Bersih*	40,701.25	37,917.09	49,231.23	48,175.69	48,485.10
Lain-lain Pendapatan	231.71	196.31	171.82	200.05	172.51
Jumlah Pendapatan	40,932.96	38,113.39	49,403.05	48,375.74	48,657.61
Jumlah Perbelanjaan**	1,245.88	1,248.26	1,412.83	1,483.30	1,439.00
Pendapatan Bersih	39,687.08	36,865.13	47,990.22	46,892.44	47,218.61
Dividen Dikreditkan ke Akaun Ahli	38,243.40	37,076.32	48,130.15	47,312.80	45,817.42
<b>RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN (RM JUTA)</b>					
Jumlah Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli***	688,294.55	737,048.39	810,399.34	832,310.41	924,882.09
Jumlah Aset	696,113.49	742,324.48	813,425.35	836,542.19	927,894.93
Jumlah Liabiliti	7,818.94	5,276.09	3,026.01	4,231.78	3,012.84
<b>NISBAH KEWANGAN UTAMA PERATUS (%)</b>					
Pulangan Pelaburan	7.48	7.12	7.30	6.57	5.71
Jumlah Perbelanjaan ke atas Jumlah Pendapatan Kasar****	2.78	2.67	2.86	3.07	2.96
Jumlah Perbelanjaan ke atas Jumlah Aset	0.18	0.17	0.17	0.18	0.16
Pertumbuhan Pelaburan	8.42	7.34	8.96	9.87	8.50
Kadar Dividen Tahunan: Simpanan Konvensional	6.40	5.70	6.90	6.15	5.45
Kadar Dividen Tahunan: Simpanan Syariah	-	-	6.40	5.90	5.00

\* Pendapatan Pelaburan Kasar dan Pendapatan Pelaburan Bersih selepas mengambil kira Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai.


\*\* Terdiri daripada Perbelanjaan Operasi dan Caj Berkanun.

\*\*\* Terdiri daripada Akaun Caruman, Lebihan Kumulatif dan Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain.


\*\*\*\* Jumlah Pendapatan termasuk Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan dan Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dan Bersekutu.

SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN


**JUMLAH PENDAPATAN  
(RM JUTA)**




**PENDAPATAN BERSIH  
(RM JUTA)**




**DIVIDEN DIKREDITKAN  
KE AKAUN AHLI  
(RM JUTA)**




**PENDAPATAN PELABURAN  
KASAR  
(RM JUTA)**



**JUMLAH ASET  
(RM JUTA)**



**PULANGAN PELABURAN  
(%)**



# MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP 1951-2019

## 1951

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951, dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

## 1952

- Rangkaian kami berkembang dengan pendaftaran 518,948 ahli dan 11,918 majikan. Caruman dikutip berjumlah RM2.6 juta.

## 1956

- Kami telah melabur dalam pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

## 1958

- Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

## 1960

- Bangunan ibu pejabat di Petaling Jaya, Selangor dibuka dengan rasmi pada bulan November.

## 1961

- Tan Sri Dato' Abdul Jamil Abdul Rais, menjadi rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP.

## 1963

- Pindaan Ordinan KWSP mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima atau lebih pekerja.

## 1967

- Pemprosesan data berautomasi diperkenalkan dengan pemasangan komputer kerangka utama.

## 1968

- Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

## 1969

- Liputan perlindungan kami diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

## 1970

- Saiz aset kami telah meningkat kepada RM2.1 bilion, dengan ahli hampir 2 juta orang.

## 1975

- Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan. Setakat ini, KWSP terdiri daripada 2.6 juta ahli dan 75,000 majikan berdaftar.

## 1977

- Beberapa pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk:
  - Meningkatkan kadar caruman pekerja;
  - Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP; dan
  - Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

## 1980

- Jumlah ahli meningkat kepada 3.7 juta dengan majikan berdaftar hampir mencecah 110,000. Caruman diterima untuk tahun ini melepasi tahap RM1 bilion. Kadar caruman untuk pekerja dinaikkan daripada 6% kepada 9% dan majikan daripada 7% kepada 11% mulai 1 Disember.

## 1981

- Bagi menyambut ulang tahun ke-30 KWSP, Menteri Kewangan meletakkan batu asas bangunan baru KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

## 1982

- Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

## 1983

- Kami mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal sehingga tahun 1987.

## 1990

- Untuk pertama kalinya, kami melabur dalam bon korporat dan menambah bilangan pengurus portfolionya.

## 1991

- Sambutan ulang tahun ke-40 serta menggantikan Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) dengan Akta KWSP 1991, yang meliberalisasi peraturan pelaburan dan menambah baik skim pengeluaran dan memperkukuh penguatkuasaan.

## 1993

- Buat pertama kalinya kami menerokai pembiayaan projek dan usahasama, selaras dengan inisiatif usaha sama kerajaan.

## 1995

- Kursus Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini telah diperkenalkan, dihadiri oleh pegawai-pegawai dari KWSP dan organisasi keselamatan sosial dari yang lain.

## 1996

- Skim Pelaburan Ahli dilancarkan, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti.

## 1997

- Kerja pembinaan Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP di Bangi, Selangor dimulakan.

## 1999

- Jabatan Komputer KWSP berjaya memastikan semua sistem dalaman patuh Y2K.

## 2000

- Kami memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

## 2001

- Ahli KWSP meningkat kepada 10 juta dan jumlah aset mencecah RM186 bilion. Pada bulan April, Tan Sri Azlan Zainol dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.

## 2003

- Kami menubuhkan Pusat Pengurusan Panggilan Telefon dan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan KWSP (*one-stop centre*) di Pejabat KWSP Wilayah Persekutuan, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
- Projek Rekeyasa Semula Proses Perniagaan atau dikenali sebagai SERVE (Service Excellence) untuk merekabentuk dan memperkemas proses kerja utama KWSP serta sistem teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penggantian sistem terasnya.



MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP  
1951-2019

## 2004

- Kami memperkenalkan sistem pengurusan Balanced Scorecard sebagai sebahagian daripada strategi untuk menjadikan KWSP sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia dan agensi kerajaan terbaik di Malaysia.
- e-Kiosk, yang membolehkan ahli memperoleh penyata kira-kira mereka menggunakan MyKad ditempatkan di 13 pejabat KWSP negeri dan 28 cawangan di seluruh negara.

## 2007

- Kami memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga kepada dua; memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

## 2008

- Bermula 1 Februari, tanggungan untuk mencarum kepada KWSP dilanjutkan daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun. Kami juga meletakkan sasaran Simpanan Asas mengikut pelbagai peringkat umur untuk membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 menjelang usia 55 tahun.
- Kami menubuhkan Kursi Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya.
- Kami juga membuka Pejabat Wilayah bagi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa untuk negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan keselamatan sosial agensi-agensi berkaitan dalam kalangan negara ASEAN.

## 2009

- Kami memperkenalkan Polisi Anti-Fraud dan Pendedahan Maklumat.
- Kami juga telah dianugerahkan Penarafan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

## 2010

- Kami melancarkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan termasuk untuk suri rumah.
- Kami juga memperkenalkan sistem elektronik Pilihan Pelaburan Ahli yang menggantikan sistem manual permohonan pengeluaran simpanan ahli KWSP untuk melabur dalam amanah saham.

## 2011

- Kami memperluas senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55 penyakit dan turut membenarkan ahli membeli peralatan bantuan kesihatan berkuatkuasa 15 Julai 2011.

## 2012

- Kami telah menerima Penarafan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan terbaik buat kali kedua, yang dianugerahkan oleh MAMPU.

## 2013

- Kami memperkenalkan e-Caruman, kemudahan secara online yang membolehkan majikan membayar caruman KWSP melalui i-Akaun di laman web ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)).
- e-Pengeluaran diperkenalkan bagi membolehkan ahli mengemukakan permohonan pengeluaran secara dalam talian menerusi i-Akaun.
- Datuk Shahril Ridza Ridzuan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP pada 16 April 2013.

## 2014

- Kami menyemak semula Simpanan Asas kepada RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun.
- Kami memperkenalkan aplikasi mudah alih pertama yang dikenali sebagai 'EPF i-Akaun'.
- Kami turut memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan di cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

## 2015

- Kami mengumumkan hasil kaji selidik rundingan ahli yang telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah maklum balas sebanyak 96,448 responden.
- Sebanyak 65.7% responden merupakan ahli yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Ini bermakna ahli yang berumur di bawah 40 tahun semakin berminat dalam merancang masa depan persaraan mereka.

## 2016

- Kami memperkenalkan Simpanan Syariah yang merupakan satu inisiatif yang membolehkan ahli memilih untuk simpanan diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip syariah.
- Pendaftaran Simpanan Syariah dimulakan pada 8 Ogos dan ahli diberikan sehingga 23 Disember untuk memilih untuk bertukar.

## 2017

- Kami mengumumkan pengklasifikasian data melibatkan bilangan ahli KWSP dan majikan bermula laporan Operasi suku ketiga.
- Kami juga mengumumkan empat penambahbaikan ke atas skim dan polisi yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 sebagai usaha berterusan untuk menambah baik dan memenuhi jangkaan ahli.

## 2018

- Buat pertama kalinya kami mengisytiharkan 6.40% untuk Simpanan Syariah 2017 dengan jumlah agihan dividen sebanyak RM3.98 bilion.
- Kebakaran bangunan ikonik KWSP Petaling Jaya. Tiada korban dilaporkan dan anggota dipindahkan ke cawangan dan pejabat lain.
- Timbalan Perdana Menteri melancarkan Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) di Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa 2018.
- Pada bulan Ogos, Tunku Alizakri Alias memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP menggantikan Datuk Shahril Ridza Ridzuan yang dilantik sebagai Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad.

## 2019

- Menteri Kewangan melancarkan *Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan Untuk Individu & Keluarga* di Malaysia, hasil kolaborasi kami bersama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya.
- Pada bulan April, kami mengumumkan bahawa kami telah menandatangani Prinsip-Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI). Hal ini merupakan tanda komitmen kami terhadap pelaburan bertanggungjawab serta amalan terbaik Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG).
- Kami terus menambah nilai kepada ahli dalam menuju ke arah masa depan digital dengan melancarkan i-Invest pada bulan September.
- Kami menganjurkan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019, bagi mencerminkan anjakan tumpuan kepada isu-isu ekonomi jangka panjang, alam sekitar dan masyarakat.



# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN



## HARTANAH

100%	Affordable Homes Sdn Bhd
100%	Alpha Real Estate Investment Trust
100%	Common Icon Sdn Bhd
100%	Kwasa Land Sdn Bhd
100%	Kwasa Logistics Sdn Bhd
100%	Kwasa Properties Sdn Bhd
100%	Kwasa Utama Sdn Bhd
100%	Naungan Sentosa Sdn Bhd
100%	Symphony Insight Sdn Bhd
100%	Tanjung Wibawa Sdn Bhd

100%	Yarra Development Holdings (Australia) Sdn Bhd
85%	PPNK - Harta Sdn Bhd
80%	YTR Harta Sdn Bhd
40%	Nusa Gapurna Development Sdn Bhd
34%	Bandar Eco - Setia Sdn Bhd
30%	Jelas Puri Sdn Bhd
30%	Panca Pesona Sdn Bhd
29.27%	Iskandar Capital Sdn Bhd
20%	Iskandar Investment Berhad

## INSTITUSI KEWANGAN

98.33%	Rashid Hussain Berhad <sup>^</sup>
64.48%	Malaysia Building Society Berhad
41.69%	RHB Capital Berhad <sup>^</sup>
41.55%	RHB Bank Berhad
20%	FWD Takaful Berhad (dahulu dikenali sebagai HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad)

**Nota:**

- <sup>1.</sup> <sup>^</sup> Syarikat ini di dalam proses penggulungan.
- <sup>2.</sup> <sup>\*</sup> Syarikat ini baru ditubuhkan pada tahun 2019.
- <sup>3.</sup> Rujuk Nota 40 dan 41 kepada Penyata Kewangan KWSP 2019 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari, bersekutu dan kepentingan usahasama KWSP.

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN



PEMBINAAN

35.85% Malaysian Resources Corporation Berhad

INFRASTRUKTUR/  
PENGELUARAN

100% Ekuiti Merdu Sdn Bhd  
100% Kwasa Suria Sdn Bhd\*  
100% Melati Infrastruktur Sdn Bhd\*  
100% Pinggiran Ventures Sdn Bhd  
49% PLUS Malaysia Berhad  
40% Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn Bhd

GLOBAL

100%	ADF Kwasa Korea Professional Investment Private Real Estate Investment LLC	100%	Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd.
100%	Kwasa Asia	100%	KWASA US
100%	Kwasa Capital Limited	99.50%	Merbau Investors Offshore, L.P.
100%	KWASA Capital Partners Limited	99.18%	Merbau Investors Offshore, II L.P.
100%	Kwasa Emerald	99.01%	Merbau Investors Offshore, III L.P.
100%	KWASA Europe S.à r.l.	99.50%	Cengal Private Equity Investments plc
100%	KWASA Europe-I	99.47%	Cengal Private Equity Investments II plc
100%	KWASA Global (Jersey) Limited	99.35%	Cengal Private Equity Investments III plc
100%	KWASA Global-I (Jersey) Limited	99.25%	Meranti Fund L.P.
100%	Kwasa Infrastructure I	99.25%	Meranti Fund II L.P.
100%	Kwasa Infrastructure Alpha	99%	Jati Private Equity Fund L.P.
100%	Kwasa Infrastructure Beta	99%	Jati Private Equity Fund II L.P.
100%	Kwasa Infrastructure Sapphire*	99%	Jati Private Equity Fund III L.P.
100%	KWASA Invest Limited		
100%	KWASA Korea Limited		
100%	Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd.		
100%	Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd.		

# 68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA

## PULAU PINANG

- Bayan Baru
- Georgetown
- Seberang Jaya

## PERAK

- Ipoh
- Kuala Kangsar
- Manjung
- Parit Buntar
- Taiping
- Teluk Intan

## SELANGOR

- Gombak
- Kajang
- Klang
- Kuala Selangor
- Petaling Jaya
- Puchong
- Rawang
- Shah Alam

## WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- Jalan Raja Chulan
- Kepong
- Kuala Lumpur
- Seri Petaling
- Wangsa Maju

## NEGERI SEMBILAN

- Bahau
- Nilai
- Seremban

## MELAKA

- Alor Gajah
- Bandar Melaka
- Jasin

## PERLIS

- Kangar


## KEDAH

- Alor Setar
- Kulim
- Langkawi
- Sungai Petani

## JOHOR

- Batu Pahat
- Johor Bahru
- Kluang
- Kulai
- Mersing
- Muar
- Segamat

68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA



## 68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NOMBOR TELEFON
<b>Perlis</b>	Kangar	Tingkat Bawah, Blok Podium, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis	04-9761190
<b>Kedah</b>	Alor Setar	Aras Bawah, Mezzanine, 8 & 9, Bangunan KWSP Peladang, No. 33, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar, Kedah	04-7332506
	Kulim	No. 33 & 34, Persiaran 7, Kulim Avenue, Kulim Hi-Tech Park, 09000 Kulim, Kedah	04-4034600
	Langkawi	No 25 (GF-1), Langkawi City, Mukim Kuah, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah	04-9671405
	Sungai Petani	Tingkat Bawah & 1, Wisma Keladi, No. 11A, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah	04-4225800
<b>Pulau Pinang</b>	Bayan Baru	Tingkat Bawah & Tingkat 1, Blok F-2, Lorong Bayan Indah 1, Bay Avenue, 11900 Bayan Baru, Pulau Pinang	04-6442841
	Georgetown	Menara KWSP, Tingkat 3 & 4, No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Georgetown, Pulau Pinang	04-2261000
	Seberang Jaya	Bangunan KWSP, Tingkat 1-5, No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2, 13700 Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang	04-3992000
<b>Perak</b>	Ipoh	Tingkat Bawah, 6, 7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak	05-2420000
	Kuala Kangsar	No. 8B, Tingkat Bawah & 1, Jalan Raja Chulan, 33000 Kuala Kangsar, Perak	05-7767484
	Manjung	No. 260 & 261, Jalan PPMP 3/4, Pusat Perniagaan Manjung Point 3, 32040 Seri Manjung, Perak	05-6883800
	Parit Buntar	No. 2 & 4, Jalan Wawasan 1, Taman Wawasan Jaya, 34200 Parit Buntar, Perak	05-7162428
	Taiping	No. 37 (GF-2) & No. 39 (GF), Persiaran TBC, Taiping Business Centre Jalan Tupai, 34000 Taiping, Perak	05-8085889
	Teluk Intan	No. 1-3G, Jalan Intan 2, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan, Perak	05-6215600
<b>Selangor</b>	Gombak	Lot 5, Sunway Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor	03-61850780
	Kajang	No. 1, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor	03-87375223
	Klang	Tingkat Bawah & 1, Unit B-G-1, North Tower (Tower B), BBT One The Towers, Lebuh Batu Nilam 1, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor	03-33251626

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NOMBOR TELEFON
<b>Selangor</b>	Kuala Selangor	Tingkat GF & 1, No. 1, Jalan Medan Niaga 6, Medan Niaga 45000 Kuala Selangor, Selangor	03-32896504
	Petaling Jaya	Lot A, Ground Level, Menara PJX-HM Shah Tower, No. 16 A, Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor	03-79322913
	Puchong	No.19, Jalan Bandar Lapan Belas, Pusat Bandar Puchong, 47160 Puchong, Selangor	03-80754747
	Rawang	No. 3S-10-G & 3S-10-1, Rawang One, Jalan Pintas Rawang, 48000 Rawang, Selangor	03-60910286
	Shah Alam	Tingkat G, 1 & 2, Corporate Tower IDCC Shah Alam, Jalan Pahat L 15/L, 40200 Shah Alam, Selangor	03-55451577
<b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b>	Jalan Raja Chulan	Tingkat Bawah, Mezzanine & 1, No. 3, Bangunan KWSP, Changkat Raja Chulan, 50200 Off Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur	03-20786788
	Kepong	No. 1 & 3, Jalan Laman Rimbunan Raya 1, Laman Rimbunan, 52100 Kepong, Kuala Lumpur	03-61794569
	Kuala Lumpur	Tingkat Bawah, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	03-26946566
	Seri Petaling	No. 2, Jalan Radin Bagus 6, Bandar Baru Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur	03-90545249
	Wangsa Maju	No. 32A, Dataran Wangsa, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur	03-41499499
<b>Negeri Sembilan</b>	Bahau	No. 4, 5 & 6, Pusat Perniagaan Kiara, 72100 Bahau, Negeri Sembilan	06-4542846
	Nilai	D'Nilai Convention Mall, No. G-6 & M-6, PT 9946, Jalan BBN 1/3F, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan	06-7953323
	Seremban	No. 1 Jalan Dato' A.S. Dawood, 70100 Seremban, Negeri Sembilan	06-7663500
<b>Melaka</b>	Alor Gajah	8670-Lot 10, Kompleks Perniagaan Alor Gajah, Jalan Besar, 78000 Alor Gajah, Melaka	06-5565919
	Bandar Melaka	Bangunan KWSP, Jalan MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka	06-2853200
	Jasin	JC 538, Tingkat Bawah & 1, Jalan Bestari 5, Bandar Jasin Bestari Seksyen 2, 77200 Bemban, Melaka	06-5216080

## 68 CAWANGAN DI SELURUH MALAYSIA

NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NOMBOR TELEFON	NEGERI	CAWANGAN	ALAMAT	NOMBOR TELEFON	
<b>Johor</b>	Batu Pahat	No. 6 & 8, Jalan Sulaiman, 83000 Batu Pahat, Johor	07-4325436	<b>Sarawak</b>	Bintulu	Lot 6 & 7, Jalan Court, 97000 Bintulu, Sarawak	086-312909	
	Johor Bahru	Tingkat 1, 12-17, Bangunan KWSP, Jalan Dato' Dalam, 80000 Johor Bahru, Johor	07-2225234		Kuching	Bangunan KWSP Kuching, Jalan Uplands, Beg Berkunci 2089, 93598 Kuching, Sarawak	082-240331	
	Kluang	No. 8 & 10, Tingkat Bawah, 1 & 2, Jalan Haji Manan, 86000 Kluang, Johor	07-7724276		Limbang	Lot 1565, Tingkat Bawah, Jalan Buangsiol, 98700 Limbang, Sarawak	085-213051	
	Kulai	No. 259 & 260, Jalan Kenanga 29/8, Indahpura, 81000 Kulai, Johor	07-6625919		Miri	Lot 1255 & 1256, Blok 10, MCLD Centre Point, Jalan Melayu, 98008 Miri, Sarawak	085-418418	
	Mersing	Lot. No. 2, Tingkat Bawah, 1 & 2, Bandar Tepian Sungai, Jalan Jemaluang, 86800 Mersing, Johor	07-7982633		Sarikei	Tingkat GF & 1, No. 5, Jalan Nenas, 96100 Sarikei, Sarawak	084-655499	
	Muar	Tingkat Bawah, 1, 2 & 3, No. 9, Jalan Petrie, 84000 Muar, Johor	06-9539288		Sibu	No. 10-12, Tingkat Bawah & 1, Lorong Kampung Datu 5, Jalan Kampung Datu, 96000 Sibu, Sarawak	084-310611	
	Segamat	No. 5 & 6, Jalan Genuang Perdana, Taman Genuang Perdana, 85000 Segamat, Johor	07-9437166		Sri Aman	Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 654, Blok 3, Daerah Bandar Simanggang, Jalan Hospital, 95000 Sri Aman, Sarawak	083-327357	
<b>Pahang</b>	Jerantut	Tingkat Bawah, No. 7, Jalan Inderapura, 27000 Jerantut, Pahang	09-2667105		<b>Wilayah Persekutuan Labuan</b>	Labuan	Tingkat Bawah, Lot E004 Financial Park, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan	087-424963
	Kuantan	Pejabat KWSP Kuantan, Bangunan KWSP Kuantan, Persiaran KWSP, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang	09-5739666			<b>Sabah</b>	Beaufort	Tingkat GF & FF, Unit No. A-005, Blok A, Beaufort Square Avenue 2, Jalan Binunuk, 89800 Beaufort, Sabah
	Pekan	No. 10, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lorong Peramu Permai 1, Taman Peramu Permai, 26600 Pekan, Pahang	09-4264404	Keningau	Beg Berkunci 20, Jalan Masak, 89009 Keningau, Sabah		087-337820	
	Raub	No. 79, Jalan Tun Razak, 27600 Raub, Pahang	09-3551188	Kota Kinabalu	Blok A, Bangunan KWSP, Beg Berkunci 2019, 88598 Kota Kinabalu, Sabah		088-520100	
	Temerloh	No 128B (GF, 1F & 2F) & No 128A (GF), Persiaran Damai 1, Damai Court, 28000 Temerloh, Pahang	09-2962948	Kota Marudu	Lot No. 2, Taman WTK Fasa II, Jalan Tandek, 89100 Kota Marudu, Sabah	088-662842		
<b>Kelantan</b>	Kota Bharu	Tingkat 2, 3 & 5, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan	09-7445191	Kudat	Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 1, Blok G, Jalan Mawar, Pekan Tomborungus, 89058 Kudat, Sabah	088-622819		
	Kuala Krai	Lot PT 5556, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Taman Yani, 18000 Kuala Krai, Kelantan	09-9606629	Lahad Datu	Bangunan KWSP, MDLD 3330, Lot 65, Fajar Centre, Jalan Segama, Peti Surat 61828, 91126 Lahad Datu, Sabah	089-880801		
	Tanah Merah	Lot 655, Jalan Hospital, 17500 Tanah Merah, Kelantan	09-9554200	Sandakan	Lot 3A & 5, Midtown Plaza, Beg Berkunci 36, Jalan Lintas Utara, 90000 Sandakan, Sabah	089-210681		
<b>Terengganu</b>	Dungun	Tingkat GF & 1, Lot PT 15824 (Unit 22), Sura Gate Commercial Centre, Jalan Sura Jeti, 23000 Dungun, Terengganu	09-8443269	Tawau	Tingkat Bawah & 1, TB- 308, Blok 35, Kompleks Fajar, Jalan Perbandaran, 91000 Tawau, Sabah	089-779740		
	Jerteh	Tingkat GF & 1, Lot 226, Jalan Dato Kamaruddin, 22000 Jerteh, Terengganu	09-6903778					
	Kemaman	Tingkat Bawah & Tingkat 1, PT 10720 & 10721, Taman Cukai Utama Fasa 4, Jln Kubang Kurus, 24000 Kemaman, Terengganu	09-8592132					
	Kuala Terengganu	Bangunan KWSP, Jalan Kemajuan, Padang Hilliran, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu	09-6225866					

# DIARI KORPORAT 2019

## JANUARI

- 07 Townhall bersama Ketua Pegawai Eksekutif di Sabah
- 16 Majlis Pelancaran Inisiatif Operasi KWSP 2019



## FEBRUARI

- 14 Majlis Sambutan Tahun Baru Cina



- 15 Taklimat Dividen KWSP 2018 kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
- 16 Taklimat Khas dan Pengumuman Dividen KWSP 2018
- 18 Taklimat Media Dividen KWSP 2018
- 25 Lawatan daripada Menteri Perdagangan Korea H.E. Kim Hyun Chong



## MAC

- 04 Perasmian Belanjawanku



- 08 Sambutan Hari Wanita 2019
- 27 Majlis Tahunan Pengurus Dana Portfolio Luaran

## APRIL

- 16 Perasmian KWSP Taiping



- 24 Persidangan Pengurusan KWSP 2019
- 27 Lawatan daripada Centre for Financial Sector Policy Agency, Ministry of Finance Indonesia
- 30

## MEI

- 14 Lawatan daripada TNB Global Business Solution Division (TGBS)
- 15 Majlis Berbuka Puasa di Ibu Pejabat KWSP
- 16 Pelancaran Laman Web Baharu KWSP



## JUN

- 19 Majlis Sambutan Hari Raya di Ibu Pejabat KWSP



- 20 Perasmian Pejabat Baharu Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC) KWSP



- 23 Perasmian KWSP Langkawi

## JULAI

- 19 Lawatan daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)
- 23 Lawatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- 30 Persidangan Lembaga Perubatan KWSP 2019



## SEPTEMBER

- 20 Lawatan daripada *Government Employees Pension Service (GEPS)* Korea
- 23 Lawatan daripada Pejabat Menteri Besar Melaka
- 24 Perasmian i-Invest



- 27 Lawatan daripada Jabatan Kehakiman Syariah, Negeri Sembilan

## NOVEMBER

- 21 Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019 (ISWC) dan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *National Pension Service (NPS)* Korea



- 26 Lawatan daripada Jabatan Insolvency Malaysia
- 27 Majlis Sambutan Deepavali
- 30 *EPF Challenge Run 2019*

## OGOS

- 06 Lawatan daripada *Employees Provident Fund Nepal*
- 17 *EPF Challenge 2019 - Obstacle*



## OKTOBER

- 01 Ulang Tahun KWSP ke-68
- 09 *EPF Knowledge Fair 2019*
- 10



- 09 Lawatan daripada Bank Negara Malaysia (BNM)
- 10 Lawatan daripada Badan Penyelenggara Jaminan Sosial (BPJS) Indonesia

## DISEMBER

- 06 Majlis Makan Malam Ibu Pejabat KWSP 2019



# PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

**Kami percaya bahawa tadbir urus korporat yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap dan amalan pengurusan yang baik dapat menyumbang kepada peningkatan integriti, akauntabiliti dan ketelusan. Kami akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mempraktikkan tadbir urus korporat yang baik. Sebagai institusi simpanan persaraan terbesar di Malaysia dengan aset pelaburan berjumlah RM924.75 bilion, kami berusaha menjadi peneraju dalam pelaburan lestari berlandaskan prinsip Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam pertimbangan pelaburan kami.**

Pada tahun ini, KWSP meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran tadbir urus korporat dan amalan tadbir urus korporat yang baik menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

## **PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT)**

KWSP telah membangunkan mekanisme Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management*) melalui sistem *Q-Radar*. Ia merupakan salah satu inisiatif antirasuah yang dilaksanakan oleh KWSP bagi menyokong usaha Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencegah amalan rasuah dan komitmen Pengurusan di bawah Ikrar Integriti Korporat yang telah ditandatangani pada 7 Disember 2015. Sebanyak 10 jabatan yang telah melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah adalah seperti berikut:

JABATAN
Jabatan Perbendaharaan
Jabatan Pasaran Persendirian
Jabatan Ekuiti Domestik
Jabatan Ekuiti Luar Negara
Jabatan Pasaran Modal
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Infrastruktur Digital
Jabatan Pengurusan Harta
Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan
Jabatan Perkhidmatan Pelaburan

## **PROGRAM KOMUNIKASI DAN OUTREACH INTEGRITI**

KWSP telah memperluaskan program komunikasi dan kesedaran kepada anggota berkaitan integriti dan antirasuah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada anggota mengenai aspek integriti menerusi Video Edu Promo Integriti, *SmartFAQ* Integriti, Portal Integriti, Program *Integrity Fact Check* dan *Integrity Outreach Dashboard*. Program secara bersemuka juga telah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Program Dimensi Integriti
  - (i) Taklimat Integriti Kehidupan oleh Encik Syamsul Amri (Syamsul Debat) yang diadakan pada 1 Oktober 2019;
  - (ii) Taklimat Tatacara Mencukupi Liabiliti Korporat Seksyen 17(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang diadakan pada 11 November 2019, disampaikan oleh Y.Bhg Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC); dan
  - (iii) Taklimat Integriti oleh Pegawai daripada Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) kepada lapan jabatan dan 11 cawangan.

- (b) Program Refleksi Integriti

Program Refleksi Integriti ini melibatkan beberapa penceramah seperti Edika Yusof, Ameng Spring dan Ras Adiba Radzi untuk berkongsi pengalaman hidup bagi menyemai nilai-nilai murni di kalangan anggota KWSP.

PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

**PELAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KWSP**


Kerajaan telah melancarkan *National Anti-Corruption Plan* (NACP) 2019–2023 pada awal tahun 2019 bagi mencapai aspirasi “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Semua kementerian, jabatan, agensi dan organisasi perlu membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam tempoh setahun dan melaporkan status kepada Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Kewangan setiap suku tahun.

Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU), berpandukan *National Anti-Corruption Plan* (NACP) telah membangunkan OACP dengan nama **Pelan Integriti dan Antirasuah KWSP** yang merangkumi aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Pelan Integriti

dan Antirasuah KWSP ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh dalam organisasi yang melibatkan semua pihak termasuk Lembaga, Pengurusan, jabatan, cawangan dan anggota KWSP. Pelan Integriti dan Antirasuah ini akan dibentangkan kepada Lembaga KWSP untuk diluluskan pada tahun 2020.

**PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH**

Selaras dengan arahan SPRM supaya semua Unit Integriti Organisasi mempunyai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), KWSP mempunyai dua orang Pegawai Integriti Bertauliah di Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU). Semua pegawai di JITU disasarkan akan mempunyai pentauliah *Certified Integrity Officer* (CeIO) daripada SPRM dalam tempoh dua tahun.



## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### PROSES PELANTIKAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan serta Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dilantik oleh Menteri Kewangan. Menteri Kewangan hanya melantik mereka yang telah terbukti mempunyai rekod integriti, kebolehan dan kebolehpercayaan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Setiap lantikan adalah untuk penggal dua tahun.

### KOMPOSISI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa keahlian Lembaga tidak boleh melebihi 20 orang ahli, termasuk Pengerusi dan KPE. Pada 2019, terdapat 18 ahli Lembaga yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan iaitu:

- Pengerusi;
- Lima ahli mewakili Kerajaan termasuk wakil daripada Kementerian Kewangan yang juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi;
- Empat ahli mewakili Majikan;
- Empat ahli mewakili Pekerja;
- Tiga ahli Profesional dari pelbagai latar belakang; dan
- KPE sebagai ahli ex-officio.

Panel Pelaburan yang diketuai oleh Pengerusi KWSP terdiri daripada tujuh anggota:

- Pengerusi;
- Seorang ahli mewakili Kementerian Kewangan yang juga turut dilantik sebagai Timbalan Pengerusi;
- Seorang ahli mewakili Bank Negara;
- Tiga ahli Profesional dari pelbagai latar belakang; dan
- KPE sebagai ahli ex-officio.

Ahli Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan terdiri daripada individu yang berprestasi tinggi, kemahiran dan kompetensi yang pelbagai serta pengalaman yang luas.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga memikul beberapa tanggungjawab tertentu seperti menyelia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan operasi KWSP, mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus risiko ini, serta mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

Lembaga juga bergantung kepada nilai integriti dan ketekunan wajar Pengurusan Kanan, juruaudit luar dan penasihat untuk menyelia prestasi keseluruhan, inisiatif utama operasi, pelan

kewangan dan bajet tahunan, ulasan prestasi kewangan, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat.

Akta KWSP 1991 memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menyediakan hala tuju strategik berkaitan pelaburan. Panel Pelaburan menentu dan meluluskan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko dan alokasi aset.

### Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif diasingkan selaras dengan amalan terbaik dan untuk memastikan keseimbangan kuasa, penyeliaan pengurusan, serta peningkatan akauntabiliti dan kebebasan.

Pengerusi mengetuai dan memastikan perbincangan yang efektif dan komprehensif mengenai perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga dan Panel Pelaburan. Hal ini termasuk isu-isu strategik serta perancangan pelaburan. Pengerusi juga berperanan memantau keputusan Lembaga dan Panel Pelaburan agar diterjemahkan ke dalam tindakan eksekutif.

Peranan utama Ketua Pegawai Eksekutif adalah untuk menguruskan operasi dan pelaburan KWSP secara berkesan, sejajar dengan strategi dan polisi serta menyediakan pengawasan, bimbingan, nasihat dan kepimpinan kepada Pengurusan Kanan.

### Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/ IPEE)

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan Lembaga dan Panel Pelaburan (BEE/IPEE) untuk menilai prestasi Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga, Jawatankuasa Strategi KWSP dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan termasuk ke atas Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Penilaian ini adalah tambahan kepada penilaian ahli Lembaga secara individu dan penilaian oleh rakan kumpulan. Penilaian ini dijalankan sekali setiap dua tahun oleh badan profesional yang bebas.

### Kepelbagaian Lembaga dan Panel Pelaburan

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, KWSP bertekad dalam memastikan kepelbagaian dalam Lembaga dan Panel Pelaburan agar berfungsi dengan cekap. Lembaga dan Panel Pelaburan berusaha untuk membawa bersama-sama pelbagai pengalaman, kemahiran, pengetahuan, latar belakang industri, etnik dan jantina untuk mencapai objektif pelaburan dan prestasi tadbir urus.

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

## Kehadiran Lembaga dan Panel Pelaburan

Sebanyak lapan mesyuarat Lembaga dan 20 mesyuarat Panel Pelaburan telah diadakan pada tahun 2019. Butiran kehadiran ahli di mesyuarat ini adalah seperti berikut:

	LEMBAGA	JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA	JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA	JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN	JAWATANKUASA STRATEGI	JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN DAN PERKHIDMATAN	JAWATANKUASA TATERTIB LEMBAGA	JAWATANKUASA RAYUAN TATERTIB LEMBAGA	LEMBAGA PEROLEHAN
Tan Sri Samsudin Osman ( <i>Pengerusi</i> )	8/8	-	-	4/4	-	-	-	1/1	-
Datuk Siti Zauyah Md Desa ( <i>Timbalan Pengerusi</i> ) ( <i>Tamat perkhidmatan pada 14 November 2019</i> ) Hazim Jamaluddin ( <i>Ahli Silih Ganti</i> ) ( <i>Tamat perkhidmatan pada 14 November 2019</i> )	5/6	6/6	-	3/3	-	-	-	-	-
Tan Sri Borhan Dolah ( <i>Dilantik pada 8 Oktober 2018 dan tamat perkhidmatan pada 9 September 2019</i> ) Datuk Dr. Roslina Ahmad Mokhtar ( <i>Ahli Silih Ganti</i> ) ( <i>Dilantik pada 1 Jun 2019 dan tamat perkhidmatan pada 9 September 2019</i> )	1/5	-	-	-	-	1/1	-	1/1	-
Dato' Amir Omar Dato' Lim Eng Hock ( <i>Bersara pada 26 Julai 2019</i> )	5/8	-	-	-	1/2	-	1/1	-	-
Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani ( <i>Tamat perkhidmatan pada 12 Ogos 2019</i> ) Datu Dr. Sabariah Putit ( <i>Ahli Silih Ganti</i> ) ( <i>Tamat perkhidmatan pada 12 Ogos 2019</i> )	4/4	-	1/2	-	-	-	1/1	-	-
Datuk Amar Jaul Samion ( <i>Dilantik berkuatkuasa pada 13 Ogos 2019</i> ) Datu Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki ( <i>Ahli Silih Ganti</i> ) ( <i>Dilantik berkuatkuasa pada 13 Ogos 2019</i> )	3/4	-	1/2	-	-	-	-	-	-
Datuk Seri Panglima Hashim Pajjan ( <i>Tamat perkhidmatan pada 2 November 2019</i> ) Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai ( <i>Ahli Silih Ganti</i> ) ( <i>Tamat perkhidmatan pada 2 November 2019</i> )	3/6	-	-	-	-	1/2	-	-	-
Tan Sri Azman Shah Haron	6/8	-	4/4	1/2	1/1	-	-	-	-
Datuk Mohd Hasnol Ayub	7/8	-	-	2/2	-	1/2	-	-	5/5
Datuk Abang Haji Abdul Karim Tun Abang Haji Openg ( <i>Tamat perkhidmatan pada 31 Mei 2019</i> )	3/4	4/5	-	-	1/1	-	-	1/1	-
Datuk Dr. Ting Ding Ing ( <i>Dilantik berkuatkuasa pada 1 Jun 2019</i> )	3/4	3/3	-	-	1/1	-	-	-	3/3
Tan Sri Dr. Lim Wee Chai	3/8	-	-	-	-	1/1	-	-	-
Dato' Abdul Halim Mansor	8/8	-	-	-	2/2	-	-	1/1	-
Tuan Haji Adnan Mat	7/8	-	-	3/4	-	1/1	-	-	8/8
Hadijah Leen	8/8	7/8	-	-	1/2	-	1/1	-	5/5
Catherine Jikunan	8/8	-	3/4	-	-	1/1	-	1/1	3/3
Datuk Thomas George M.S. George	8/8	5/5	2/2	-	2/2	1/1	-	1/1	3/3
Khalid Haji Sufat	8/8	8/8	-	4/4	-	1/1	-	-	5/5
Zainal Abidin Mohd Kassim	7/8	3/3	2/2	-	2/2	-	1/1	-	-
Alizakri Alias	8/8	-	4/4	4/4	2/2	2/2	-	-	6/8

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

	PANEL PELABURAN	JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN
	KEHADIRAN	KEHADIRAN
Tan Sri Samsudin Osman (Pengerusi)	20/20	-
Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir	9/20	-
Adnan Zaylani Mohamad Zahid	15/20	-
David Lau Nai Pek	18/20	3/3
Rossana Annizah Ahmad Rashid	17/20	3/3
Dato' Md Agil Mohd Natt	20/20	3/3
Alizakri Alias	20/20	3/3

## IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dibayar Elaun Tetap Bulanan (ETB) dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang dihadiri. Butiran imbuhan bagi setiap ahli Lembaga dan Panel Pelaburan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

## Elaun Tetap Bulanan (ETB) dan Elaun Kehadiran Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan

JENIS ELAUN	LEMBAGA (RM)	PANEL PELABURAN (RM)	LEMBAGA/PANEL PELABURAN/ JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA/ JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA/JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN/JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA (RM)	JAWATANKUASA LEMBAGA LAIN (RM)
Elaun Tetap Bulanan	5,000	5,000	-	-
Pengerusi Mesyuarat	-	-	2,000	1,500
Kehadiran Mesyuarat termasuk Ahli Silih Ganti	-	-	1,500	1,300

Pada tahun 2019, jumlah bayaran Elaun Tetap Bulanan (ETB) dan Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi setiap ahli Lembaga dan Panel Pelaburan adalah sebanyak RM1,851,752.00.

## Emolumen Pengurusan Kanan

JAWATAN	EMOLUMEN (RM)
Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	9,400,145.52

## KUALITI DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Untuk membantu ahli Lembaga dan ahli Panel Pelaburan mengikuti perkembangan terkini prestasi operasi dan kewangan KWSP, isu-isu utama, cabaran, dan peluang, Pengurusan KWSP telah mengeluarkan laporan operasi dan pelaburan serta penyata kewangan secara berterusan dan menepati masa kepada Lembaga dan Panel Pelaburan.

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

## JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan untuk mengawal selia perkara-perkara spesifik berkaitan dengan operasi organisasi dan pelaburan. Setiap jawatankuasa melaksanakan tanggungjawab mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan.

JAWATANKUASA	KOMPOSISI	FUNGSI UTAMA
Jawatankuasa Audit	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu Lembaga dalam menilai keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko (kecuali dalam aktiviti membuat keputusan pelaburan) dan proses tadbir urus KWSP.</li> <li>Mengawasi proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan penyata kewangan tahunan dan suku tahunan KWSP.</li> <li>Mempertimbangkan kesesuaian polisi perakaunan KWSP dan perubahan-perubahan kepada polisi ini.</li> <li>Sebanyak lapan mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019 bagi membincangkan laporan juruaudit dalaman dan juruaudit luar, serta mengawasi perkara-perkara berkaitan fungsi audit dalam dan pelan audit untuk tahun semasa.</li> <li>Mempunyai hubungan profesional dan rasmi dengan juruaudit luar dan telah mengadakan satu mesyuarat bersama juruaudit luar pada tahun 2019 tanpa kehadiran pihak Pengurusan.</li> </ul>
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab membantu Lembaga dalam mengawasi semua aktiviti pengurusan risiko operasi, kecuali aktiviti dalam membuat keputusan pelaburan.</li> <li>Sebanyak empat mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan	Empat orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengawasi risiko pelaburan termasuk mencadangkan tahap risiko pelaburan, meluluskan polisi, had serta metodologi pengukuran risiko pelaburan serta menyediakan hala tuju berhubung dengan amalan pengurusan risiko dalam fungsi pelaburan.</li> <li>Sebanyak tiga mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan	Enam orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab untuk meluluskan belanjawan tambahan tidak melebihi 5% daripada jumlah belanjawan tahunan yang diluluskan oleh Lembaga.</li> <li>Membantu Lembaga dalam meluluskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesan kewangan seperti hapuskira kerugian (selain yang berkaitan dengan pelaburan).</li> <li>Sebanyak empat mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Strategi KWSP	Lapan orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji secara terperinci cadangan pindaan dan perubahan dasar yang berkaitan dengan Skim KWSP.</li> <li>Memperakukan apa-apa cadangan dan perubahan dasar untuk kelulusan Lembaga.</li> <li>Memantau prestasi organisasi dan pencapaian inisiatif-inisiatif strategik.</li> <li>Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Perjawatan, Pelantikan dan Perkhidmatan	Tujuh orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab untuk membantu Lembaga dalam mempertimbangkan dan meluluskan hal-hal berkaitan perjawatan termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan.</li> <li>Sebanyak dua mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Tatatertib Lembaga	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab ke atas apa-apa prosiding tatatertib dan mengenakan apa-apa bentuk hukuman kepada anggota KWSP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah dan Peraturan KWSP (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.</li> <li>Sebanyak satu mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga	Tujuh orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab untuk mempertimbangkan sebarang rayuan oleh anggota terhadap keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib.</li> <li>Sebanyak satu mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Lembaga Perolehan	Lima orang ahli termasuk Pengerusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan melainkan pelantikan perkhidmatan perunding berkaitan pelaburan.</li> <li>Sebanyak lapan mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>

## PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

### JAWATANKUASA PENGURUSAN

Selain daripada jawatankuasa utama Lembaga dan Panel Pelaburan, jawatankuasa pengurusan yang lain telah ditubuhkan dan melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan yang berkaitan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN	FUNGSI UTAMA
Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencadangkan aktiviti pelaburan sejajar dengan garis panduan, polisi risiko kawalan dan alokasi aset kepada Panel Pelaburan.</li> <li>Terdiri daripada 12 orang ahli termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (atau Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif semasa ketiadaan Ketua Pegawai Eksekutif) sebagai Pengerusi Mesyuarat.</li> <li>Sebanyak 54 mesyuarat diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>
Jawatankuasa Perolehan Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan dengan perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan barangan melainkan pelantikan perkhidmatan perunding berkaitan pelaburan.</li> <li>Terdiri daripada Pengurusan Kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Pengerusi mesyuarat.</li> <li>Sebanyak 12 mesyuarat telah diadakan pada tahun 2019.</li> </ul>

### KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

#### Pelaporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyediakan penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif terhadap prestasi kewangan dan prospek KWSP melalui penyata kewangan tahunan. Hal ini adalah tambahan kepada pembekalan pernyataan yang telus dan terkini mengenai prestasi kewangan dan prospek melalui pengumuman keputusan suku tahunan kepada pihak yang berkepentingan. Sila rujuk halaman 117 hingga 321 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga dan Pengurusan komited kepada sistem kawalan dalaman, polisi dan prosedur yang teguh untuk memastikan kepentingan pihak-pihak berkepentingan dan aset KWSP dilindungi. Sila rujuk halaman 46 hingga 50 dalam Laporan Tahunan ini untuk mendapatkan Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

#### Tanggungjawab Korporat

KWSP percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara penciptaan nilai dan tanggungjawab korporat.

### KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

KWSP percaya bahawa komunikasi dengan pihak berkepentingan membentuk satu bahagian penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat dan mengakui keperluan untuk berurusan secara telus. KWSP menerbitkan laporan suku tahunan mengenai aktiviti pelaburan yang terdiri daripada maklumat alokasi aset, hasil pendapatan daripada setiap kelas aset dan jumlah saiz dana. Dokumen ini juga melaporkan 30 syarikat teratas pelaburan ekuiti setiap suku tahun untuk memastikan ketelusan dan memberikan pihak berkepentingan maklumat mengenai pegangan KWSP dalam syarikat tersenarai awam di Malaysia.

KWSP akan terus mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat pelaburan. Pada tahun 2019, Pengurusan telah melawat sebanyak 39 syarikat (tempatan: 11, luar negara: 28). KWSP juga telah menghadiri dan mengundi secara aktif dalam 120 mesyuarat agung tahunan dan 18 mesyuarat agung luar biasa syarikat yang mana KWSP melabur.

Selaras dengan KWSP yang kini memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengawal selia pelaburannya, KWSP telah melantik wakil-wakilnya ke dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai dan tidak tersenarai. Setakat 31 Disember 2019, KWSP mempunyai wakilnya dalam 11 syarikat tersenarai dan 24 syarikat tidak tersenarai.


# PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Simpanan Syariah merupakan suatu pilihan simpanan untuk ahli yang diuruskan dan dilaburkan oleh KWSP mengikut prinsip syariah.

Suatu rangka kerja tadbir urus syariah diwujudkan bagi memastikan Simpanan Syariah diuruskan mengikut prinsip syariah sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 43A Akta KWSP 1991.

## STRUKTUR TADBIR URUS SYARIAH

Struktur tadbir urus syariah di bawah rangka kerja ini adalah seperti berikut:



KOMPONEN	FUNGSI BERKAITAN SIMPANAN SHARIAH
Lembaga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) yang merupakan pihak berkuasa bagi penentuan perkara syariah bagi tujuan menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah.</li> <li>Merujuk kepada JKPS mengenai sebarang perkara berhubung dengan syariah dan sebarang perkara yang memerlukan penentuan prinsip syariah. Lembaga adalah terikat dengan nasihat yang diberikan oleh JKPS.</li> <li>Mewujudkan rangka kerja patuh syariah seperti yang dijelaskan di bawah.</li> </ul>
Panel Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merujuk kepada JKPS mengenai sebarang perkara berkaitan pelaburan yang berhubung dengan syariah dan sebarang perkara yang memerlukan penentuan prinsip syariah. Panel Pelaburan adalah terikat dengan nasihat yang diberikan oleh JKPS.</li> </ul>

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

KOMPONEN	FUNGSI BERKAITAN SIMPANAN SHARIAH
Jawatankuasa Penasihat Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menentukan penggunaan prinsip syariah mengenai perkara yang berhubung dengan Simpanan Syariah.</li> <li>Menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan mengenai perkara berkaitan syariah dan tafsiran prinsip syariah berhubung Simpanan Syariah.</li> <li>Menentusahkan dan meluluskan Laporan Pematuhan Syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah bagi Laporan Tahunan KWSP.</li> </ul>
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan operasi dan pelaburan Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah sepenuhnya dengan merujuk kepada JKPS untuk mendapatkan nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan syariah dan melaksanakan setiap ketetapan JKPS.</li> </ul>
Rangka Kerja Patuh Syariah	<p>Terdapat empat fungsi diwujudkan oleh Lembaga di bawah rangka kerja ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Penyelidikan dan Penasihatatan Syariah</b> bertanggungjawab ke atas penyelidikan syariah dan penasihatatan syariah;</li> <li><b>Pemantauan dan Semakan Syariah</b> bertanggungjawab ke atas pemantauan dan semakan pematuhan syariah bagi maksud penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah;</li> <li><b>Pengurusan Risiko Syariah</b> bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko ketidakpatuhan syariah bagi tujuan mengurangkan kemungkinan berlakunya ketidakpatuhan syariah berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi KWSP; dan</li> <li><b>Audit Syariah</b> bertanggungjawab ke atas pengauditan syariah termasuk penilaian bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, sistem pengurusan risiko, proses tadbir urus dan jaminan objektif ke atas pematuhan polisi dan garis panduan syariah yang diluluskan oleh JKPS.</li> </ul>

## PELANTIKAN AHLI JKPS

Lembaga hendaklah melantik tidak kurang daripada tiga orang sebagai ahli JKPS yang mempunyai kelayakan dalam bidang syariah, atau yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam syariah dan perbankan, kewangan, undang-undang atau bidang lain yang berkaitan.

Lembaga juga menetapkan bahawa ahli JKPS hendaklah mempunyai minimum lima tahun pengalaman berkaitan kewangan Islam dan dua pertiga daripada ahlinya hendaklah mempunyai ijazah dalam syariah termasuk *Fiqh al-Muamalat* atau *Usul al-Fiqh*. Setiap pelantikan adalah untuk tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

## KEHADIRAN MESYUARAT JKPS

Sebanyak 13 mesyuarat JKPS (termasuk satu mesyuarat khas) telah diadakan dalam tahun 2019. Perincian kehadiran ahli JKPS adalah seperti berikut:

Ahli JKPS	KEHADIRAN MESYUARAT
Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (Pengerusi)	13/13
Prof. Madya Dr. Aznan Hasan (Timbalan Pengerusi)	13/13
Dr. Zaharuddin Abdul Rahman	13/13
Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	13/13
Dr. Kamaruzaman Noordin	13/13

Pengurusan KWSP telah melantik Jabatan Undang-Undang sebagai Sekretariat JKPS.

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

### HONORARIUM DAN ELAUN JKPS

Ahli JKPS dibayar honorarium dan elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat yang dihadiri sepanjang tahun 2019 seperti berikut:

- (a) Honorarium (sebulan): RM5,000.00
- (b) Kehadiran Mesyuarat: RM1,500.00

### AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN DOKUMEN

Bagi membantu JKPS dalam melaksanakan fungsinya, Pengurusan KWSP telah memberikan JKPS akses kepada semua maklumat dan dokumen yang diperlukan, dan JKPS dikehendaki melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen tersebut.

### PENILAIAN KEBERKESANAN JKPS

KWSP melaksanakan Penilaian Keberkesanan JKPS bagi menilai prestasi JKPS. Penilaian ini dijalankan sekali setiap dua tahun oleh badan profesional bebas.

### LIBAT URUS JKPS DENGAN LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

JKPS terlibat sama dalam beberapa sesi perbincangan dengan Lembaga dan Panel Pelaburan dalam perkara-perkara yang melibatkan Simpanan Syariah.


### LAPORAN JKPS

Bagi setiap tahun kewangan, satu Laporan Pematuhan Syariah berhubung dengan pengurusan Simpanan Syariah yang diluluskan oleh JKPS, akan dikemukakan di dalam Laporan Tahunan KWSP.

### POLISI SYARIAH UNTUK SIMPANAN SHARIAH

Rangka kerja tadbir urus syariah diperkukuhkan oleh polisi dan prosedur terperinci untuk memastikan pelaksanaan setiap transaksi mematuhi keperluan syariah. JKPS telah merumuskan polisi syariah untuk Simpanan Syariah yang berkaitan dengan aspek operasi, pelaburan, kewangan dan pengendalian pendapatan tidak patuh syariah, antaranya adalah seperti berikut:

#### 1. Model Operasi Simpanan Syariah



## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

Simpanan Syariah menggunakan model pengurusan berasaskan portfolio seperti berikut:

- (a) Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional wujud bersama di bawah satu kumpulan wang yang diuruskan oleh Lembaga.
- (b) Ahli yang memilih Simpanan Syariah adalah tertakluk kepada akad *Wakalah* di mana ahli bersetuju melantik Lembaga KWSP sebagai wakil dan pemegang amanah untuk mengurus dan melaburkan kesemua kredit (simpanan) di dalam akaun ahli mengikut prinsip syariah.
- (c) Selain tadbir urus korporat KWSP, Simpanan Syariah juga tertakluk kepada rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi syariah berkaitan operasi dan pelaburan yang ditetapkan oleh JKPS dari semasa ke semasa.
- (d) Aset-aset pelaburan KWSP diasingkan kepada dua portfolio, iaitu portfolio syariah dan portfolio konvensional. Simpanan Syariah hanya melabur di dalam portfolio syariah.
- (e) Simpanan Syariah memanfaatkan struktur dan tenaga kerja sedia ada dengan penambahbaikan aspek perundangan, proses operasi dan sistem teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan-keperluan syariah sepertimana yang ditetapkan oleh JKPS.

### 2. Pelaburan Patuh Syariah

Selain daripada pelaburan beretika yang melarang daripada melabur dalam sektor yang menghasilkan dan mempromosikan alkohol, perjudian, hiburan dewasa, tembakau dan senjata ketenteraan, semua aset pelaburan KWSP juga akan melalui proses saringan syariah berdasarkan kriteria dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh JKPS yang bertujuan bagi menyingkirkan elemen tidak patuh syariah seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian dalam kontrak), *maysir* (perjudian) dan lain-lain elemen terlarang antaranya barangan dan perkhidmatan tidak halal.

Untuk memastikan pematuhan syariah menyeluruh ke atas pelaburan Simpanan Syariah, JKPS telah menetapkan polisi syariah berkaitan pematuhan dan pemantauan pelaburan patuh syariah yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Setakat 31 Disember 2019, sebanyak 37.1% atau RM342.96 bilion daripada pelaburan KWSP adalah dalam portfolio syariah. Kesemua aset bagi portfolio syariah adalah pelaburan patuh syariah manakala portfolio konvensional mengandungi kedua-dua aset patuh syariah dan tidak patuh syariah. Memandangkan jumlah baki simpanan ahli bagi Simpanan Syariah adalah lebih rendah berbanding jumlah aset dalam

portfolio syariah, kedua-dua Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional bersama-sama melabur dalam portfolio syariah. Pendapatan yang terhasil daripada portfolio syariah dialokasikan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya di dalam portfolio tersebut.

### 3. Pengkelasan Semula Pelaburan Patuh Syariah

Pelaburan KWSP seperti ekuiti tersenarai dan persendirian, hartanah dan infrastruktur adalah tertakluk kepada saringan syariah berkala yang bertujuan untuk menyemak status syariah bagi pelaburan tersebut.

Untuk pelaburan dalam ekuiti tersenarai, saringan syariah akan dijalankan berdasarkan semakan berkala oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (MPS SC) bagi pasaran domestik dan pembekal indeks syariah dilanggan oleh KWSP bagi pasaran global.

Saringan syariah ke atas pelaburan dalam ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur akan dijalankan secara dalaman setiap tahun berdasarkan kriteria dan garis panduan saringan syariah yang ditetapkan oleh JKPS.

Mana-mana pelaburan di atas yang gagal melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan tidak patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio konvensional.

Sebaliknya, mana-mana pelaburan di dalam portfolio konvensional yang berjaya melepasi saringan syariah akan dikelaskan semula sebagai pelaburan patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio syariah.

Bagi mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar, sebarang instrumen patuh syariah yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh syariah akan dilupuskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MPS SC.

### 4. Pengendalian Pendapatan Tidak Patuh Syariah

Pada tahun 2019, sebahagian besar pendapatan tidak patuh syariah diperolehi daripada caj lewat bayar yang dikenakan ke atas majikan gagal mencarum; dan lebihan keuntungan daripada pengkelasan semula ekuiti patuh syariah kepada tidak patuh syariah yang diperolehi daripada mandat pelaburan patuh syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar.

Caj lewat bayar dan/atau dividen yang dikenakan ke atas majikan dan pihak-pihak lain yang lewat membayar caruman atau sebarang obligasi kewangan yang perlu dibayar kepada

## PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH BAGI SIMPANAN SHARIAH

KWSP bertujuan untuk melindungi kepentingan ahli dan sebagai langkah pencegahan.

Bagi Simpanan Syariah, JKPS membenarkan caj tersebut dikenakan sebagai langkah pencegahan dan penalti kepada pihak yang mungkir, sama ada dalam bentuk *ta'widh* (pampasan) atau *gharamah* (penalti melebihi kadar *ta'widh*). *Ta'widh* yang diluluskan oleh JKPS boleh direkodkan sebagai pendapatan patuh syariah, manakala sebarang amaun melebihi kadar *ta'widh* adalah pendapatan tidak patuh syariah.

Sebarang transaksi yang disyaki tidak patuh syariah juga dilaporkan kepada JKPS untuk menentukan status syariah transaksi tersebut termasuk sebarang pendapatan yang diperolehi daripadanya.

JKPS menetapkan bahawa pendapatan tidak patuh syariah hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu aktiviti kebajikan seperti bayaran caj berkanun (manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi), dan sebarang lebihan pendapatan tidak patuh syariah (jika ada), boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pelaburan tidak langsung.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, jumlah pendapatan tidak patuh syariah adalah sebanyak RM41.92 juta dan digunakan kesemuanya untuk kebajikan ahli melalui bayaran caj berkanun.

## 5. Dividen

Polisi Dividen bagi Simpanan Syariah dikemukakan kepada JKPS bagi mendapatkan pandangan dan perakuan syariah.

Dividen tahunan bagi Simpanan Syariah adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh syariah KWSP di bawah portfolio syariah, iaitu pendapatan nyata pelaburan patuh syariah dan bukan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan, yang diperuntukkan kepada Simpanan Syariah mengikut bahagiannya di dalam portfolio syariah.

Dividen Simpanan Syariah yang diisytiharkan oleh Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah sebanyak 5.00%.

## 6. Penyucian Dividen

Ahli beragama Islam yang telah memilih Simpanan Syariah dikecualikan daripada keperluan melakukan penyucian terhadap dividen KWSP yang diterima sebelum Simpanan

Shariah mula ditawarkan, iaitu dividen bagi tahun kewangan 2016 dan sebelumnya. Selain itu, sebarang dividen Simpanan Konvensional yang dikreditkan ke akaun ahli selepas memilih Simpanan Syariah (kerana akaun Simpanan Syariah belum berkuatkuasa) juga dikecualikan daripada disucikan kerana ahli tidak mempunyai hak untuk menentukan tarikh kuatkuasa akaun Simpanan Syariah.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah diadakan pada 18 Ogos 2015 juga telah memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke Simpanan Syariah.

Walau bagaimanapun, ahli beragama Islam yang baru memilih untuk menukar akaun ke Simpanan Syariah dinasihatkan untuk melakukan penyucian ke atas dividen Simpanan Konvensional berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009:

*“Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:*

- (a) Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya; atau*
- (b) Diserah kepada golongan fakir miskin.”*

Kadar penyucian dividen Simpanan Konvensional 2019 adalah sebanyak 71% daripada jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

**Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.**

**Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta pengikut-pengikut mereka.**

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS) telah menyemak pelaburan dan operasi KWSP berhubung Simpanan Syariah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan telah memberikan pandangan sama ada Simpanan Syariah mematuhi prinsip syariah dan ketetapan berkenaan perkara berkaitan syariah yang dibuat oleh kami. Dengan ini, kami membentangkan laporan kami bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019:

- (a) Kami telah menasihati Lembaga dan Panel Pelaburan berkenaan perkara-perkara syariah yang dikemukakan kepada kami oleh Pengurusan KWSP melalui keputusan-keputusan syariah yang telah dibuat oleh JKPS berhubung operasi dan pelaburan Simpanan Syariah bagi memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah termasuk ketetapan dan piawaian syariah di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh kami.
- (b) Pengurusan KWSP dipertanggungjawabkan untuk memastikan Simpanan Syariah diuruskan mengikut prinsip syariah dengan merujuk kepada JKPS bagi mendapatkan nasihat mengenai perkara syariah dan melaksanakan segala ketetapan dan polisi syariah yang ditentukan oleh JKPS.
- (c) Dalam menasihati KWSP mengenai perkara syariah, kami telah menerima semua maklumat dan penjelasan daripada Pengurusan KWSP yang kami anggap perlu dalam membuat keputusan syariah. Pengurusan KWSP juga telah mengatur sesi lawatan JKPS ke beberapa aset patuh Syariah KWSP.
- (d) Kami juga disokong dengan fungsi penyelidikan dan penasihat syariah serta pemantauan dan semakan syariah yang menyediakan pengawasan pematuhan syariah harian bagi Simpanan Syariah. Selain daripada itu, audit dalaman melaksanakan penilaian sistem kawalan dalaman dan pematuhan ke atas semua polisi dan prosedur yang diputuskan oleh JKPS secara berkala.
- (e) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, sebanyak 13 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perkara-perkara berikut:
  - (i) Saringan dan isu-isu syariah berhubung cadangan pelaburan patuh syariah dan pelaburan sedia ada KWSP termasuk dokumen-dokumen berkaitan;
  - (ii) Isu-isu syariah berhubung operasi Simpanan Syariah termasuk pelaksanaan Simpanan Syariah dalam talian melalui aplikasi mudah alih i-Akaun;
  - (iii) Kajian-kajian syariah yang dilaksanakan oleh Seksyen Perkhidmatan Syariah;
  - (iv) Pengemaskinian rangka kerja tadbir urus syariah dan polisi serta garis panduan pematuhan syariah bagi pelaburan dan operasi Simpanan Syariah, termasuk perkara-perkara syariah yang berkaitan dengan pelaporan kewangan dan polisi dividen; dan
  - (v) Laporan pengkelasan semula pelaburan patuh syariah dan laporan pendapatan tidak patuh syariah.
- (f) Kami juga telah menerima dan membincangkan laporan semakan syariah yang dikemukakan oleh Seksyen Perkhidmatan Syariah pada setiap suku tahun berdasarkan pelan pemantauan dan semakan syariah yang telah diluluskan oleh kami bagi tahun 2019. Hal ini dilaksanakan bagi tujuan penilaian berterusan ke atas tahap pematuhan syariah bagi Simpanan Syariah berhubung saringan syariah tahunan ke atas pegangan KWSP dalam pelaburan aset alternatif dan saham tawaran awam permulaan (IPO) serta pengendalian pendapatan tidak patuh syariah.

## LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH

- (g) Jabatan Audit Dalam telah melaksanakan semakan ke atas aktiviti operasi dan aktiviti pelaburan berkaitan dengan Simpanan Shariah. Keputusan semakan telah dimaklumkan kepada Pengurusan KWSP dan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga. Jabatan Audit Dalam juga melaksanakan pemantauan ke atas penemuan yang dikenalpasti untuk memastikan tindakan penyelesaian telah diambil. Penemuan audit dan status tindakan penyelesaian telah dimaklumkan kepada JKPS.
- (h) Kami juga mengambil maklum segala usaha yang wajar telah diambil untuk memperbetulkan jurang yang dikenalpasti dan tindakan pengurusan untuk mencegah jurang yang serupa daripada berulang.
- (i) Pada pendapat kami:
- (i) Kontrak, transaksi, urusniaga yang telah dimasuki oleh Lembaga berhubung Simpanan Shariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 yang telah disemak oleh kami adalah mematuhi prinsip syariah;
  - (ii) Pengagihan keuntungan dan kerugian bagi Simpanan Shariah seperti yang didedahkan di bawah Nota 34.3 kepada Penyata Kewangan adalah menepati asas-asas yang telah diperakukan oleh kami mengikut prinsip syariah; dan
  - (iii) Semua pendapatan yang diperolehi oleh Simpanan Shariah daripada sumber atau melalui cara yang bercanggah dengan prinsip syariah berjumlah RM41.93 juta seperti yang didedahkan di bawah Nota 34.4 kepada Penyata Kewangan telah digunakan untuk aktiviti kebajikan iaitu bayaran manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi.

Kami, ahli-ahli JKPS, dengan ini mengesahkan Simpanan Shariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah diuruskan selaras dengan prinsip syariah.

Bagi pihak JKPS,



NAMA : **PROF. DR MOHAMAD AKRAM BIN LALDIN**  
JAWATAN : PENERUSI JKPS  
TARIKH : 1 Jun 2020

Bagi pihak JKPS,



NAMA : **PROF. MADYA DR. AZNAN BIN HASAN**  
JAWATAN : TIMBALAN PENERUSI JKPS  
TARIKH : 1 Jun 2020

# PENGURUSAN RISIKO

**Ketidakpastian mengenai kesan atau implikasi mana-mana aktiviti (dalaman atau luaran) di samping isu geopolitik, kelembapan ekonomi, perubahan dalam landskap politik dan apa-apa bentuk penularan wabak memerlukan pemahaman risiko baharu bagi mengukuhkan proses pengurusan risiko sedia ada di KWSP. Latihan seperti analisis senario/penilaian impak kekal bermanfaat untuk menilai secara rasional beberapa ketidakpastian baharu ini. Pengukuhan berterusan terhadap struktur tadbir urus, kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko organisasi juga penting untuk menangani sebarang risiko tambahan, jika ada.**

## RANGKUMAN

<i>Implementing Data Analytics in Internal Audit</i>
<i>MFRS 9 – Financial Instruments</i>
<i>Internal Audit Department Teambuilding</i>
<b>(B) Kursus Luaran</b>
<i>IIA Malaysia National Conference 2019 – GRC 4.0: Are You Ready?</i>
<i>Cybersecurity, IT Assurance And Governance Conference (CIAG) 2019</i>
<i>Forensic Investigation And Fraud Analytics Conference</i>
<i>International Social Well-Being Conference 2019</i>
<i>Leadership Energy Summit Asia 2019</i>
<i>EPF Thought Leadership: FutureFit 2019</i>
<i>ICLIF's Women Of The World – Be The Change</i>
<i>Attachment Program at Aztec Financial Services (Luxembourg)</i>
<i>100 Common Problems In Construction Contract</i>
<i>Applied Data Analytics</i>
<i>Balanced Scorecard Refresher</i>
<i>Data Storytelling For Business</i>
<i>Effective IT Audit Techniques</i>
<i>Forex Derivatives</i>
<i>Global Fixed Income Academy</i>
<i>ISO 9001:2015 Audit Dalaman</i>
<i>Leadership Signature</i>
<i>Masterclass On Integrated Cybersecurity Management</i>
<i>MFRS 16 Leases – Transforming Assets and Liabilities</i>
<i>MFRS Update And Refresher</i>
<i>Persidangan Pengurusan 2019</i>
<i>Premier Shariah RFP Capstone Programme</i>
<i>Private Equity Academy</i>
<i>Real Estate Academy</i>
<i>Seminar On ISO/IEC 20000:2018 IT Service Management System (ITSMS) – Upgrading</i>
<i>Shaping Shared Leadership</i>
<i>Shariah RFP Course</i>
<i>Tea Talk Session: Project Management Review</i>
<i>The Art Of Storytelling</i>
<i>The Risk Management Audit</i>
<i>Winning In The Open Source World</i>

## PROGRAM KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN

- (a) Jabatan Audit Dalam telah membangunkan dan melaksanakan program jaminan kualiti dan penambahbaikan bagi menilai operasi jabatan. Program ini juga merangkumi penilaian kualiti dalaman dan luaran secara berkala serta pemantauan dalaman yang berterusan.

Penilaian dalaman termasuk:

- (i) Penyeliaan berterusan terhadap prestasi aktiviti audit dalam; dan
  - (ii) Penilaian sendiri ke atas proses, prosedur dan dokumentasi auditan secara berkala.
- (b) Keperluan untuk membuat Semakan Semula Jaminan Kualiti adalah termaktub dalam Piagam Audit Dalam yang perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun oleh perunding bebas bertauliah.
- (c) Berdasarkan penilaian KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd. pada tahun 2014, Jabatan Audit Dalam secara keseluruhan mematuhi Piawaian Antarabangsa untuk Amalan Profesional Audit Dalam (*IIA Standards*) yang ditetapkan oleh Institut Audit Dalam.
- (d) PricewaterhouseCoopers Risk Services Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan Semakan Semula Jaminan Kualiti untuk Jabatan Audit Dalam pada Februari 2020.

# PERNYATAAN PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

## TANGGUNGJAWAB

Berdasarkan Seksyen 18 (1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Panel Pelaburan bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan pelaburan KWSP dan menggalas tanggungjawab terhadap rangka kerja pengurusan risiko pelaburan. Rangka kerja ini diwujudkan untuk memberi jaminan yang munasabah serta mengurus risiko dan bukan untuk menghapuskan risiko salah nyata atau kerugian dalam melaksanakan dasar dan objektif pelaburan organisasi.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan KWSP merangkumi struktur tadbir urus, tahap risiko, alokasi aset, pelbagai polisi dan proses. Rangka kerja ini sentiasa dikaji semula bagi memastikan ianya relevan dan berkesan.

## STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan risiko berkaitan dengan keputusan pelaburan yang dibuat oleh KWSP.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan bertanggungjawab untuk membantu Panel Pelaburan memperakukan tahap risiko dan alokasi belanjawan risiko yang sesuai. Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan sentiasa mengkaji semula pelbagai pengukuran risiko, polisi, proses dan had bagi memastikan keberkesanan berterusan.

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Pengurusan untuk memantau dan mengkaji semula aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Jabatan Pengurusan Risiko membantu Jawatankuasa Risiko Pengurusan, Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan dan Panel Pelaburan dalam hal-hal berkaitan pengurusan risiko merangkumi penilaian bebas risiko dan risiko kredit, pemantauan dan laporan bagi pendedahan risiko pelaburan KWSP.

## KAWALAN RISIKO

Pernyataan Tahap Risiko yang diluluskan oleh Panel Pelaburan menggariskan secara umum tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP dan menjadi asas kepada alokasi dana untuk pelaburan. Kajian semula terhadap alokasi aset sentiasa dilaksanakan untuk memastikan dana yang dilaburkan adalah selaras dengan tahap risiko yang boleh diterima oleh KWSP.

Pelbagai polisi dan had telah disediakan untuk memastikan risiko-risiko dipantau secukupnya bagi setiap kelas aset. Sistem Risiko dan Prestasi telah disediakan dan dipertingkatkan secara berterusan untuk memastikan risiko diukur secara sistematik dan dipantau.

## KESIMPULAN

Panel Pelaburan berpandangan bahawa amalan pengurusan risiko pelaburan adalah berkesan untuk melindungi pelaburan KWSP. Panel Pelaburan dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan yang bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mengkaji semula laporan risiko dan pematuhan daripada pihak pengurusan.

Pernyataan ini disediakan berdasarkan resolusi semua Ahli Panel Pelaburan bertarikh 29 April 2020.

# AHLI LEMBAGA

## TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

*Pengerusi, KWSP*



Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga KWSP bermula 1 Februari 2007.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Selain menjadi Pengerusi Lembaga KWSP, beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Kwasa Land Sdn Bhd dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pro Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Canselor Kolej Universiti Bestari, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

## DATUK SITI ZAUYAH MD DESA

*Timbalan Ketua  
Setiausaha  
Perbendaharaan  
(Dasar),  
Perbendaharaan  
Malaysia*



Datuk Siti Zauyah Md Desa dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 1 Mac 2016 sehingga 14 November 2019.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation, Majlis Amanah Rakyat, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurusan Aset Air Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Samalaju Industrial Port Sdn Bhd, Petroliam Nasional Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Kumpulan Wang Amanah Negara. Beliau juga merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad, Felda Holdings Berhad, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd, dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Antarabangsa) dari University of Manchester, United Kingdom. Beliau juga mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara.

**TAN SRI  
BORHAN  
DOLAH**

*Ketua Pengarah  
Perkhidmatan  
Awam, Jabatan  
Perkhidmatan  
Awam*



Tan Sri Borhan Dolah telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 8 Oktober 2018 sehingga 9 September 2019.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, beliau pernah memegang beberapa jawatan strategik utama dalam kerajaan antaranya seperti Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Setiausaha Persekutuan Sabah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) di Jabatan Perdana Menteri, dan Ketua Pengarah di Jabatan Belia dan Sukan.

Beliau juga merupakan Ahli Tetap Jawatankuasa Peringkat Eksekutif Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, dan Pengerusi Lembaga Pengarah FELCRA Asset Management.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Hartford, Amerika Syarikat.

**DATO' AMIR  
OMAR**

*Ketua Setiausaha,  
Kementerian  
Sumber Manusia*



Dato' Amir Omar telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 4 November 2018.

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1988 sebagai Penolong Pengarah Bahagian Pertanian di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Pengarah di Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, Kementerian Sumber Manusia. Sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha pada tahun 2018, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) di Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera dan Diploma Pasca Siswazah dan Sarjana Sastera Ekonomi dari Universiti Manchester, United Kingdom. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran (Ekonomi Luar Bandar) dari Universiti Malaya dan Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Takbiran Awam Negara.

## AHLI LEMBAGA

### **DATUK AMAR JAU SAMION**

*Setiausaha,  
Kerajaan Negeri  
Sarawak*



Datuk Amar Jaul Samion telah dilantik sebagai Wakil Kerajaan dalam Lembaga KWSP bermula 13 Ogos 2019 sehingga 31 Mei 2021. Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Selain menjadi Ahli Lembaga KWSP, Datuk Amar Jaul Samion juga merupakan Ahli Lembaga Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) serta sebagai Pengerusi kepada beberapa agensi badan-badan berkanun Kerajaan Negeri.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Korporat) dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat

### **DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN**

*Setiausaha,  
Kerajaan Negeri  
Sabah*



Datuk Seri Panglima Hashim Paijan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 8 Oktober 2018 hingga 2 November 2019.

Datuk Seri Panglima Hashim pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah sebelum dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2018. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbir di Kementerian Pembangunan Perindustrian, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dan Asian Supply Base.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya.

**TAN SRI  
AZMAN SHAH  
HARON**

*Presiden,  
Persekutuan  
Majikan-Majikan  
Malaysia (MEF)*



Tan Sri Azman Shah Haron telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan bermula 1 Jun 2007.

Tan Sri Azman ialah Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia. Beliau merupakan ahli Lembaga dalam pelbagai syarikat, antaranya Alangka-Suka Hotel dan Resorts Berhad, dan beberapa anak syarikat Advance Synergy Berhad termasuk Cherating Holiday Villa Berhad.

Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Perundingan bagi Industri Hospitaliti di Perbadanan Produktiviti Malaysia, Ahli Lembaga Perbadanan Produktiviti Malaysia, Ahli Lembaga dalam Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Presiden dan Ahli Lembaga Asean Tourism Association, Pengerusi Bersama Working Group Efficiency Issues dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Confederation of Asia Pacific Employers, Pengerusi Asean Confederation of Employers, Ahli Substantif Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara di Kementerian Sumber Manusia, dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Hotel daripada Holiday Inn University, Amerika Syarikat.

**DATUK MOHD  
HASNOL AYUB**

*Yang Dipertua  
Dewan  
Perniagaan  
Bumiputera Sabah*



Datuk Mohd Hasnol Ayub telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan bermula 1 Jun 2009.

Beliau merupakan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah.

Beliau berkelulusan Diploma Pasca Siswazah dan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari University of Wales Cardiff, United Kingdom.

## AHLI LEMBAGA

### **TAN SRI DR. LIM WEE CHAI**

*Presiden Emeritus  
Persekutuan  
Pengilang-  
Pengilang  
Malaysia (FMM)*



Tan Sri Dr. Lim Wee Chai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan pada 1 Julai 2015.

Tan Sri Dr. Lim ialah Pengerusi Eksekutif dan Pengasas Top Glove Corporation Bhd, yang ditubuhkan pada 1991 dan kini merupakan syarikat pengeluar sarung tangan terbesar di dunia.

Beliau terlibat dalam pelbagai Persatuan dan organisasi di Malaysia. Pada tahun 2019, beliau telah dilantik sebagai Fellow Kehormat Institut Fizik Malaysia (IFM). Di samping itu, Tan Sri Dr. Lim kini berkhidmat sebagai Presiden Kehormat Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia. Beliau juga memegang peranan Penasihat Kehormat Seumur Hidup Persekutuan Persatuan Cina Malaysia.

Tan Sri Dr. Lim juga telah memegang pelbagai jawatan sebelum ini termasuk Presiden Persekutuan Pengeluar Malaysia, Presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia, Pengarah Persatuan Industri Perubatan Malaysia dan Ahli Lembaga di Lembaga Getah Malaysia, serta Ahli Majlis-Majlis Perniagaan Asia Timur.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Fizik daripada Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Sul Ross State University, Texas, Amerika Syarikat. Pada tahun 2015, beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan dari Universiti Selangor, Malaysia. Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Pentadbiran Perniagaan oleh Oklahoma City University, Amerika Syarikat pada tahun 2016 dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Keusahawanan oleh Management & Science University, Malaysia pada tahun 2018.

### **DATUK DR. TING DING ING**

*Timbalan  
Presiden, Dewan  
Perniagaan dan  
Perindustrian  
Sarawak*



Datuk Dr. Ting Ding Ing dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP pada 1 Jun 2019. Beliau memegang jawatan Timbalan Presiden Sarawak Business Federation, dan Sarawak Chamber of Commerce and Industries.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Sarawak Multi Media Authority, Ibraco Bhd, Swinburne University Sarawak Sdn Bhd, National Bank of Abu Dhabi Bhd, Pengerusi Swinburne Innovation Sdn Bhd, dan ahli jawatankuasa Malaysian International Chamber of Commerce and Industry. Beliau juga merupakan Konsul Kehormat bagi Australia di Sarawak.

Beliau juga merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants Australia and New Zealand, ahli Chartered Accountant Malaysia, Akauntan bertauliah Malaysia, pernah dilantik sebagai rakan kongsi antarabangsa firma Arthur Andersen & Co, dan Hanafiah Raslan & Mohamad.

Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO), Malaysian Medical Foundation, dan Pengarah Urusan Kumpulan Cahya Mata Sarawak Bhd.

Datuk Dr. Ting Ding Ing memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Ijazah Kedoktoran daripada Swineburne University of Technology, Melbourne. Beliau kini merupakan Profesor Adjung di universiti tersebut.

**DATO' ABDUL  
HALIM  
MANSOR**

*Presiden,  
Kongres Kesatuan  
Sekerja Malaysia  
(MTUC)*



Dato' Abdul Halim Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja pada Januari 2017.

Dato' Abdul Halim merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sejak tahun 2016 dan merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Industri Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak tahun 1986. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO), Pengerusi Giat MARA, Presiden ASEAN Trade Union Council, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara, dan Ahli Majlis TVET ASEAN.

Selain merupakan ahli kesatuan sekerja yang aktif dengan rekod cemerlang, beliau juga memiliki pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang undang-undang buruh, dasar pekerjaan, hubungan industri, dan keselamatan pekerjaan. Beliau sebelum ini merupakan Ahli Panel Mahkamah Industri dan Ahli Lembaga Rayuan PERKESO.

Beliau kini berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd.

**TUAN HAJI  
ADNAN MAT**

*Presiden,  
Kongres Kesatuan  
Pekerja-Pekerja  
Awam Di Dalam  
Perkhidmatan  
Awam (CUEPACS)*



Tuan Haji Adnan Mat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Jun 2017.

Seorang anggota awam dengan rekod jejak kesatuan yang lama, beliau merupakan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Timbalan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia.

Beliau bertugas di Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana.

Selaku Presiden CUEPACS, beliau telah dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Beliau juga terlibat secara aktif dalam gerakan Koperasi selaras dengan pelantikan beliau sebagai Setiausaha Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad (Koop Negara No 66).

Beliau berkelulusan Diploma The Royal Society for the Promotion of Health (RSH London) dari Institut Kesihatan Umum Kuala Lumpur.

## AHLI LEMBAGA

### HADIAH LEEN

*Presiden,  
Kesatuan Pekerja  
Bank Sarawak*



Hadiah Leen telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Februari 2012.

Beliau merupakan anggota Hong Leong Bank Berhad, Cawangan Satok, Kuching. Beliau aktif dalam aktiviti kesatuan sekerja. Sejak tahun 2001, beliau juga merupakan Presiden Kesatuan Pekerja Bank Sarawak, Ketua Wanita Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Bahagian Sarawak. Beliau menjadi Ahli Eksekutif Lembaga UNI-Apro Region pada tahun 2005 dan dilantik semula pada tahun 2015. Beliau merupakan ahli mewakili panel pekerja dalam Mahkamah Perusahaan pada tahun 2010 dan dilantik semula pada tahun 2015. Beliau juga merupakan ahli International Society for Labour and Social Security Law, Malaysia.

Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur, Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work daripada the ILO Centre Turin, Italy, dan Sijil Pengurusan Anggota daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia. Beliau menyertai Program Pengarah Wanita Malaysia bersama NAM Institute for the Empowerment of Women pada 2013.

### CATHERINE JIKUNAN

*Setiausaha,  
Kongres Kesatuan  
Sekerja Malaysia  
(MTUC)*



Catherine Jikunan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Jun 2013.

Beliau merupakan Ahli Lembaga mewakili Pekerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial sejak 2009 dan Ahli Lembaga Jemaah Rayuan dari 2005. Beliau turut mewakili pekerja Sabah dalam Majlis Perundingan Gaji Negara sejak 2010 dan Panel Mahkamah Perusahaan Sabah dari 2005 hingga kini. Beliau merupakan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Sabah; Timbalan Bendahari, Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan dan Naib Presiden Union Network International Asia Pacific.

Beliau berkelulusan Diploma Perbankan dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (Kepujian), kedua-duanya daripada Universiti Teknologi Mara. Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana dalam Labour Policies and Globalisation daripada University of Kassel and Berlin School of Economy, Jerman.

**DATUK  
THOMAS  
GEORGE M.S.  
GEORGE**

*Mantan Ketua  
Setiausaha,  
Kementerian Kerja  
Raya*



Datuk Thomas George M.S. George telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula pada 1 Jun 2013.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah dan kemudiannya sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Penyelaras Projek Kanan, Pengurusan Pembangunan dan Program Kualiti, Institut Tadbiran Awam Negara. Datuk Thomas George M.S. George juga pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dari 27 Mei 2006 sehingga 21 April 2009 dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya dari 22 April 2009 sehingga beliau bersara.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam dari George Washington University, Amerika Syarikat.

**ZAINAL ABIDIN  
MOHD KASSIM**

*Pengarah dan  
Rakan Kongsi  
Kanan, Actuarial  
Partners  
Consulting Sdn  
Bhd*



Zainal Abidin Mohd Kassim telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula 1 Jun 2015.

Beliau kini merupakan Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1978 di Prudential Assurance Plc di London.

Beliau berkelulusan (Kepujian) Kelas Pertama dalam Sains Aktuari dari City University, London, dan merupakan Fellow di Institut dan Fakulti Aktuari, United Kingdom. Selain itu, beliau juga merupakan seorang Fellow Persatuan Aktuari Malaysia dan Associate of the Society of Actuaries, Amerika Syarikat serta pernah menjadi Presiden Persatuan Aktuari Malaysia.

## AHLI LEMBAGA

### **KHALID HAJI SUFAT**

*Pengarah Bebas  
Bukan Eksekutif,  
UMW Holdings  
Berhad*



Khalid Haji Sufat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula 1 Jun 2017.

Sebagai seorang akauntan, Khalid Haji Sufat berpengalaman luas dalam industri perbankan dan memegang beberapa jawatan kanan seperti Pengarah Urusan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurus Besar Perbankan Pengguna Malayan Banking Berhad, dan Ahli Lembaga Pengarah MNRB Holdings Berhad.

Beliau sebelum ini menguruskan tiga buah syarikat tersenarai iaitu Pengarah Eksekutif Tronoh Mines Malaysia Berhad, Timbalan Pengerusi Eksekutif di Furqan Business Organization Berhad, dan Pengarah Urusan Kumpulan Seacera Tiles Berhad.

Beliau juga merupakan Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk UMW Holdings Berhad dan Chemical Company of Malaysia Berhad.

Beliau merupakan Fellow Chartered Certified Accountants (UK), Ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants, dan Malaysian Institute of Accountants.

### **ALIZAKRI ALIAS**

*Ketua Pegawai  
Eksekutif KWSP*



Alizakri Alias merupakan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, jawatan yang telah disandang sejak 20 Ogos 2018.

Beliau menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi, bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan dan pengembangan bakat.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd, dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019 dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Lembaga Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan dan Inovasi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Setiausaha Jeneral Asean Social Security Association (ASSA).

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Cornell University dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada King's College, University of London. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

# AHLI SILIH GANTI LEMBAGA

WAKIL KERAJAAN



**HAZIM JAMALUDDIN**

(31.1.2017 - 14.11.2019)

**Kerajaan**

Timbalan Setiausaha  
Bahagian Pelaburan Strategik (Dasar  
Pelaburan), Kementerian Kewangan



**DATUK DR. ROSSLINA  
AHMAD MOKHTAR**

(1.6.2019 - 9.9.2019)

**Kerajaan**

Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan),  
Jabatan Perkhidmatan Awam



**DATO' LIM ENG HOCK**

(1.6.2019 - 26.7.2019)

**Kerajaan**

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Sumber Manusia



**DATU HAJI MOHAMAD  
ABU BAKAR MARZUKI**

(13.8.2019 - 31.5.2021)

**Kerajaan**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri  
Sarawak (Transformasi Sosioekonomi)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



**DATUK (DATU) ROSMADI  
DATU SULAI**

(13.8.2019 - 2.11.2019)

**Kerajaan**

Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

# AHLI PANEL PELABURAN



## TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

*Pengerusi Lembaga KWSP*

**Tan Sri Samsudin Osman telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga KWSP sejak 1 Februari 2007.**

Tan Sri Samsudin Osman pernah berkhidmat sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah, dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

Selain menjadi Pengerusi Lembaga KWSP, beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Kwasa Land Sdn Bhd dan Pengarah di Sime Darby Berhad. Beliau juga merupakan Pro Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Canselor Kolej Universiti Bestari, dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Mahathir Science Award Foundation.

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat.

## TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan*

**Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2014.**

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan berkhidmat selama hampir 31 tahun di Kementerian Kewangan serta pernah memegang beberapa jawatan kanan di kementerian tersebut termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Pengarah Belanjawan Negara, dan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik. Beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Pengarah di Asian Development Bank, Manila, Filipina.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang pelaburan strategik, pengurusan pinjaman, pasaran kewangan dan aktuari. Pada tahun 2019, beliau adalah merupakan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan juga merupakan Pro-Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti of Hull, United Kingdom, Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma dalam Pengurusan Tanah dan Harta daripada Universiti Teknologi MARA dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN).



## ADNAN ZAYLANI MOHAMAD ZAHID

*Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia*

**Adnan Zaylani telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 4 November 2018.**

Adnan Zaylani memegang jawatan sebagai Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab untuk pembangunan sektor kewangan dan insurans, pembangunan kewangan, kewangan Islam dan mengawasi jabatan perundangan. Beliau ialah Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan menganggotai pelbagai jawatankuasa dasar dan pembangunan lain di bank. Encik Adnan mewakili bank dalam Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Credit Guarantee Corporation (CGC). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Audit di INCEIF, Anggota Lembaga Labuan FSA dan merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah (BEC) International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM).

Encik Adnan merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Public Policy dari Blavatnik School of Government, University of Oxford, Sarjana Sains dalam Global Market Economics, London School of Economics dan Sarjana Muda Sains dalam Economics, London School of Economics. Beliau merupakan Ahli Financial Market Association of Malaysia.

## AHLI PANEL PELABURAN

**DAVID LAU NAI PEK**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Axiata Group Berhad*

**David Lau Nai Pek telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Jun 2009.**

David Lau mempunyai pengalaman profesional melebihi 35 tahun dalam bidang kewangan termasuk menerajui pelbagai organisasi kewangan di Australia, Brunei, China, Malaysia, New Zealand, Belanda, dan United Kingdom. Pada Ogos 2011, beliau telah bersara daripada Shell Malaysia setelah berkhidmat dengan Kumpulan Shell selama 30 tahun dan menyandang pelbagai jawatan. Antara tugas utama beliau termasuklah berkhidmat sebagai Pengarah Kewangan Shell Malaysia, Pengarah Kewangan Shell China, Pengawal Global Bahagian Eksplorasi dan Pengeluaran di Royal Dutch Shell serta Timbalan Presiden Kewangan Shell International Exploration and Production B.V. Belanda.

Beliau kini merupakan Pengarah Bukan Eksekutif serta Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Axiata Group Berhad (sebuah syarikat tersenarai awam) dan dua anak syarikatnya yang tidak tersenarai. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah KKB Engineering Berhad.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perdagangan dari University of Canterbury, New Zealand dan ahli Institut Akauntan Malaysia dan juga ahli Persatuan Akauntan Australia dan New Zealand.

**ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, IHH Healthcare Berhad*

**Rossana Annizah Ahmad Rashid telah dilantik pada 1 Jun 2015.**

Rossana Annizah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif IHH Healthcare Berhad (IHH). Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga di beberapa buah anak syarikat IHH.

Rossana telah dilantik sebagai Pengerusi Peringkat Negara bagi The Jardine Matheson Group of Companies di Malaysia dan beliau seterusnya menyertai Lembaga Pengarah Cycle & Carriage Bintang Berhad, iaitu sebuah syarikat di bawah The Jardine Matheson Group, sebagai Naib Pengerusi dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Selain berkhidmat sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Celcom Axiata Berhad serta edotco Group Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat Axiata Group Berhad.

Sebelum ini, Rossana memegang beberapa jawatan kepimpinan dalam sektor telekomunikasi dan perbankan. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan dengan TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad, dan RHB Bank Berhad setelah memulakan kerjaya perbankan beliau di Citibank Malaysia. Rossana mempunyai pengalaman luas selama 30 tahun dalam strategi perniagaan, mengenal pasti model monetisasi yang mampan, memahami pelanggan dan persaingan serta keperluan untuk mengkaji semula model monetisasi yang memfokuskan kepada pengurusan pendapatan dan pengurusan kos.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan daripada Canberra College of Advanced Education di Australia (kini dikenali sebagai University of Canberra).



## AHLI PANEL PELABURAN



### **DATO' MD AGIL MOHD NATT**

*Pengerusi Bukan Eksekutif, Affin Bank Berhad*

**Dato' Md Agil Mohd Natt telah dilantik sebagai Panel Pelaburan pada 1 Jun 2017.**

Kerjaya Dato' Md Agil bermula sebagai Pengurus Kewangan Korporat di Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum mula berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Perwakilan Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif di Aseambankers Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), dan Timbalan Presiden/Pengarah Eksekutif di Maybank.

Sebelum bersara dari dunia korporat pada tahun 2011, jawatan terakhir beliau merupakan Presiden and Ketua Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, Universiti Kewangan Islam Dunia.

Beliau kini memegang jawatan Pengerusi bukan eksekutif bebas di Affin Bank Berhad, Manulife Insurance Berhad, dan Manulife Investment Management Berhad.

Beliau memegang Ijazah Kepujian Ekonomi dari Brunel University London, Ijazah Sarjana Kewangan daripada Cass Business School London dan pernah menghadiri Program Pengurusan Advance di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

### **ALIZAKRI ALIAS**

*Ketua Pegawai Eksekutif KWSP*

**Alizakri Alias telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP pada 20 Ogos 2018.**

Alizakri Alias menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi dan bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan, dan pengembangan bakat.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019, dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Lembaga Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan & Inovasi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), dan Setiausaha Jeneral Asean Social Security Association (ASSA).

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Cornell University, dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada King's College, University of London. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di Mahkamah England dan Wales.



## AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN AHLI PANEL PELABURAN YANG BARU DILANTIK



**DATUK DR. TING DING ING**

*Dilantik pada 1.6.2019*

**Majikan**



**DATUK AMAR JAUL SAMION**

*Dilantik pada 13.8.2019*

**Kerajaan**



**DATU HAJI MOHAMAD ABU BAKAR  
MARZUKI**

*Dilantik pada 13.8.2019*

**Kerajaan**

# AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN AHLI PANEL PELABURAN YANG MENAMATKAN PERKHIDMATAN



**DATUK ABANG HAJI  
ABDUL KARIM TUN  
ABANG HAJI OPENG**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 31.5.2019*

**Majikan**



**DATO' LIM ENG HOCK**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 26.7.2019*

**Kerajaan**



**TAN SRI DATUK AMAR  
HAJI MOHAMAD  
MORSHIDI ABDUL  
GHANI**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 12.8.2019*

**Kerajaan**



**DATU DR. SABARIAH  
PUTIT**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 12.8.2019*

**Kerajaan**



**TAN SRI BORHAN  
DOLAH**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 9.9.2019*

**Kerajaan**



**DATUK DR. ROSSLINA  
AHMAD MOKHTAR**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 9.9.2019*

**Kerajaan**



**DATUK SERI  
PANGLIMA HASHIM  
PAIJAN**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 2.11.2019*

**Kerajaan**



**DATUK (DATU)  
ROSMADI DATU SULAI**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 2.11.2019*

**Kerajaan**



**DATUK SITI ZAUYAH  
MD DESA**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 14.11.2019*

**Kerajaan**



**HAZIM JAMALUDDIN**

*Tamat Perkhidmatan  
pada 14.11.2019*

**Kerajaan**

# AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

## JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

1. Tan Sri Samsudin Osman, *Pengerusi*
2. Datuk Siti Zauyah Md Desa,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Hazim Jamaluddin*
3. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Haji Adnan Mat
5. Khalid Haji Sufat
6. Alizakri Alias

## JAWATANKUASA STRATEGI KWSP

1. Zainal Abidin Mohd Kassim, *Pengerusi*
2. Dato' Amir Omar, *Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Dato' Lim Eng Hock*
3. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Datuk Dr. Ting Ding Ing
5. Dato' Abdul Halim Mansor
6. Hadiah Leen
7. Datuk Thomas George M.S. George
8. Alizakri Alias

## JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

1. Khalid Haji Sufat, *Pengerusi*
2. Datuk Siti Zauyah Md Desa,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Hazim Jamaluddin*
3. Datuk Dr. Ting Ding Ing
4. Hadiah Leen
5. Zainal Abidin Mohd Kassim

## JAWATANKUASA PERJAWATAN, PELANTIKAN & PERKHIDMATAN

1. Tan Sri Borhan Dolah, *Pengerusi*
2. Datuk Seri Panglima Hashim Paijan,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Datuk (Datu) Rosmadi*  
*Datu Sulai*
3. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai
5. Haji Adnan Mat
6. Khalid Haji Sufat
7. Alizakri Alias

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

1. Tan Sri Azman Shah Haron, *Pengerusi*
2. Datuk Amar Jaul Samion,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Datu Haji Mohamad Abu*  
*Bakar Marzuki*
3. Catherine Jikunan
4. Datuk Thomas George M.S. George
5. Alizakri Alias

## JAWATANKUASA TATATERTIB LEMBAGA

1. Dato' Amir Omar, *Pengerusi*
2. Datuk Seri Panglima Hashim Paijan,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Datuk (Datu) Rosmadi*  
*Datu Sulai*
3. Tan Sri Azman Shah Haron
4. Hadiah Leen
5. Zainal Abidin Mohd Kassim

## JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LEMBAGA

1. Tan Sri Samsudin Osman, *Pengerusi*
2. Tan Sri Borhan Dolah,  
*Timbalan Pengerusi*  
*Silih Ganti: Datuk Dr. Roslina Ahmad*  
*Mokhtar*
3. Datuk Mohd Hasnol Ayub
4. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai
5. Dato' Abdul Halim Mansor
6. Catherine Jikunan
7. Datuk Thomas George M.S. George

## LEMBAGA PEROLEHAN KWSP

1. Datuk Thomas George M.S. George,  
*Pengerusi*
2. Datuk Dr. Ting Ding Ing,  
*Timbalan Pengerusi*
3. Haji Adnan Mat
4. Catherine Jikunan
5. Alizakri Alias

## JAWATANKUASA RISIKO PANEL PELABURAN

1. David Lau Nai Pek, *Pengerusi*
2. Rossana Annizah Ahmad Rashid
3. Dato' Md Agil Mohd Natt
4. Alizakri Alias

# AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH 2018–2020



**PROF. DR. MOHAMAD AKRAM LALDIN**

*Pengerusi*

- Pengarah Eksekutif, International Syariah Research Academy for Islamic Finance
- Profesor, International Centre for Education in Islamic Finance
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, International Islamic Financial Market, Bahrain
- Timbalan Pengerusi, Majlis Pengawasan Syariah, Labuan Financial Services Authority
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Yassar Limited, United Kingdom
- Ahli Penasihat Syariah, Dar Al Takaful, Dubai
- Pengerusi, Maldives Monetary Authority Syariah Board, Maldives
- Ahli Financial Regulation Advisory Council of Experts, Central Bank of Nigeria
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



**PROF. MADYA DR. AZNAN HASAN**

*Timbalan Pengerusi*

- Profesor Madya, Jabatan Undang-Undang Islam, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Presiden, Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Hong Leong MSIG Takaful Berhad
- Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Lembaga Syariah Tertinggi, Bank Negara Abu Dhabi
- Ahli Lembaga Syariah, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (Bahrain)
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Kumpulan Maybank
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global HSBC Amanah
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global Standard Chartered
- Pengerusi, Lembaga Penasihat Syariah, Amanah Raya Berhad



**DR. ZAHARUDDIN ABDUL RAHMAN**

- Pengasas/Pengarah Urusan, Elzar Syariah Solutions & Advisory Sdn Bhd.
- Pengasas/Pengarah Urusan, MyClass Technology Sdn Bhd
- Professor Adjung, Fakulti Bisnes & Perakaunan, UNISEL
- Ahli Lembaga Pengarah, Urban Mobility Asia Plc Ltd, Singapore & Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) dan Pengerusi, Jawatankuasa Risiko & Kelestarian YAPIEM
- Ahli Lembaga, Urus Harta Jemaah Sdn Bhd
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah EXIM Bank Berhad
- Penasihat Syariah, Sedania As-Salam Capital Sdn Bhd
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis



**PROF. DR ENGPU RABIAH  
ADAWIAH ENGPU ALI**


- Profesor, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)
- Ahli Lembaga Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia
- Ahli Lembaga Syariah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM)
- Ahli Lembaga, AWQAF Holdings
- Ahli, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutian (MAIWP)
- Ahli Majlis dan Panel Syariah, Khadijah International Waqf Foundation
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



**DR. KAMARUZAMAN NOORDIN**

- Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Kenanga Investment Bank Berhad (KIBB)
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Swiss Re Retakaful
- Pengerusi, Panel Penasihat Syariah LIMRA Group of Companies
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah MUA Life Ltd, Mauritius

# STRUKTUR ORGANISASI



# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/TIMBALAN - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PEGAWAI KEWANGAN/KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DIGITAL



Dari kiri ke kanan:

**DATO' MOHAMAD  
NASIR AB LATIF**  
*Bahagian Pelaburan*

**SAZALIZA ZAINUDDIN**  
*Bahagian Kewangan &  
Perkhidmatan*

**ALIZAKRI ALIAS**  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

**DATO' MOHD  
NAIM DARUWISH**  
*Bahagian Operasi*

**MUHAMMAD AFHZAL  
ABDUL RAHMAN**  
*Bahagian Teknologi Digital*

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/TIMBALAN - TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ KETUA PEGAWAI KEWANGAN/KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DIGITAL

### ALIZAKRI ALIAS

*Ketua Pegawai Eksekutif*

Alizakri Alias merupakan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, jawatan yang telah disandang sejak 20 Ogos 2018.

Beliau menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Strategi) dan bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial, serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan dan pembangunan bakat. Beliau juga merupakan anggota *ex-officio* Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah untuk Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019, dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Lembaga Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan & Inovasi Persatuan

Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Setiausaha Jeneral Asean Social Security Association (ASSA).

Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi *The Iclif Leadership and Governance Centre*. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah dan Ketua Strategi dan Hal Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications Sdn Bhd, dan Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan di Malayan Banking Bhd.

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University, dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari King's College, University of London. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

### DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

*Bahagian Pelaburan*

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada 15 April 2013.

Dato' Mohamad Nasir memulakan kerjaya di KWSP pada tahun 1982 dan telah menyandang pelbagai jawatan sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan). Ini termasuk jawatan beliau sebagai Pegawai Penguatkuasaan Negeri (1990-1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan di Jabatan Pelaburan dan Penyelidikan Ekonomi (1995-2003) dan Pengurus Besar di Jabatan Pelaburan Ekuiti Luar Negara (Julai 2009-2013).

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga di Malaysian Resources Corporation Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, PLUS Malaysia Berhad, Yinson Holdings Berhad, BBCC Development Sdn Bhd, Battersea Project Company Limited dan Yarra Park City Pty Ltd.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan mendapat Diploma Perakaunan dan Kewangan daripada Association of Chartered Certified Accountants pada tahun 1996 serta Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari University of Stirling, United Kingdom, pada tahun 1999.

### SAZALIZA ZAINUDDIN

*Bahagian Kewangan &  
Perkhidmatan*

Sazaliza Zainuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan pada 3 April 2017.

Sazaliza mula berkhidmat di KWSP pada bulan Julai 2006 sebagai Ketua Akaun di Jabatan Kewangan dan telah memegang beberapa jawatan lain sebelum dinaikkan pangkat kepada Ketua Pegawai Kewangan. Jawatan terdahulu yang dipegang termasuk Ketua Jabatan Kewangan, Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan, dan Ketua Jabatan Audit Dalam. Beliau juga pernah berkhidmat di PricewaterhouseCoopers sebagai Pengurus Kanan sebelum berkhidmat di KWSP.

Beliau merupakan Pengarah di Malaysia Building Society Berhad dari tahun 2017 hingga 2018 dan HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad dari tahun 2013 hingga 2017. Beliau kini merupakan Lembaga Bukan Eksekutif MBSB Bank Berhad.

Beliau merupakan pemegang ACCA dan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan dari South Bank University, United Kingdom.

### DATO' MOHD NAIM DARUWISH

*Bahagian Operasi*

Dato' Mohd Naim Daruwish telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) pada 1 Oktober 2014.

Dato' Mohd Naim memulakan kariernya dengan berkhidmat di Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman sebagai Majistret dari tahun 1985 hingga 1992. Kerjaya beliau di KWSP bermula pada tahun 1992 sebagai Pengurus di Bahagian Pendakwaan / Litigasi dan pernah memegang pelbagai jawatan, antaranya sebagai Ketua di Jabatan Penguatkuasaan, Ketua di Jabatan Undang-Undang dan Ketua di Jabatan Caruman.

Mulai Disember 2011 hingga September 2014, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan kembali semula berkhidmat di KWSP sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) bermula pada 1 Oktober 2014.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Malaya.

### MUHAMMAD AFHZAL ABDUL RAHMAN

*Bahagian Teknologi Digital*

Muhammad Afhzal Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Teknologi Digital pada tahun 2019. Beliau mengetuai Bahagian Teknologi Digital dan bertanggungjawab untuk memacu strategi teknologi digital, pengaktifan perniagaan, pelaksanaan dan operasi yang terdiri daripada 281 orang pegawai teknologi.

Afhzal menyertai KWSP sebagai Pengurus Kanan di Jabatan Teknologi Maklumat pada tahun 2017.

Sebelum menyertai KWSP, beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 13 tahun bersama organisasi multinasional global seperti Maybank, Shell, T-Systems, DHL, IBM dan ExxonMobil dalam penerapan dan pelaksanaan inisiatif teknologi strategik yang menyumbang hasil kepada perniagaan.

Selain itu, Afhzal juga mempunyai pengalaman selama 22 tahun dalam pelbagai aspek teknologi dalam sektor seni bina dan strategi, transformasi dan pengaktifan perniagaan serta pelaksanaan teknologi untuk perusahaan berskala besar dalam perkhidmatan kewangan dan industri minyak dan gas.

Afhzal merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Elektrik) dari Columbia University, New York, Amerika Syarikat.

# PENGURUSAN KANAN



## ALIZAKRI ALIAS

*Pejabat Ketua Pegawai  
Eksekutif*

Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi. Beliau memberikan bimbingan, nasihat termasuk kepimpinan kepada Pengurusan Kanan untuk memastikan strategi dan polisi organisasi dapat dicapai. KPE juga menyelia pelaksanaan pelan jangka panjang dan pendek KWSP dan merupakan penghubung antara Pengurusan dan Lembaga. Jabatan-jabatan yang melaporkan secara terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam dan Jabatan Integriti & Tadbir Urus.



## DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

*Bahagian Pelaburan*

Bahagian Pelaburan menguruskan aset bernilai RM924.75b\* secara global dengan melabur di pelbagai kelas aset di sektor awam dan persendirian.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelidik dan menguruskan dana meliputi pelbagai kelas aset. Jabatan-jabatan ini adalah seperti berikut: Jabatan Ekuiti Domestik, Jabatan Ekuiti Luar Negara, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pelaburan Hartanah, Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur, Jabatan Pengurus Dana Luar, Jabatan Penyelidikan Ekuiti, Jabatan Kuantitatif & Analitik Pelaburan dan Jabatan Operasi Pelaburan.



## DATO' MOHD NAIM DARUWISH

*Bahagian Operasi*

Bahagian Operasi menyelia portfolio perkhidmatan operasi yang luas dan fungsi sokongan yang memberi keutamaan terhadap pengurusan prestasi, penyampaian perkhidmatan efektif termasuk keperluan kontraktual. Jabatan-jabatan yang diletakkan di bawah Bahagian Operasi ialah Jabatan Rangkaian Perkhidmatan, Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran, Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan, Pusat Pengurusan Perhubungan, Jabatan Pengurusan Harta, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Caruman.



## SAZALIZA ZAINUDDIN

*Bahagian Kewangan &  
Perkhidmatan*

Bahagian Kewangan & Perkhidmatan bertanggungjawab memastikan operasi keseluruhan kewangan dan perkhidmatan dapat diselaraskan melalui penyediaan perkhidmatan yang berkesan dan efisien serta mematuhi tadbir urus yang ditetapkan. Jabatan-jabatan di bawah bahagian ini ialah Jabatan Kewangan, Jabatan Undang-Undang, dan Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan.

\* Angka berdasarkan MFRS 31.12.2019

PENGURUSAN KANAN



**NURHISHAM HUSSEIN**

*Bahagian Strategi*

Bahagian Strategi memastikan pelan pertengahan dan jangka panjangnya dilaksanakan di samping mengekalkan reputasi baik KWSP. Selain itu, bahagian ini juga turut mengurus isu-isu strategik berkaitan modal insan serta pembangunan bakat.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini ialah Jabatan Pengurusan Strategi, *People Matters Department*, Jabatan Hal Ehwal Korporat, *EPF Learning Campus* dan Jabatan Ekonomi & Penyelidikan.

*Jabatan Ekonomi & Penyelidikan*

Jabatan Ekonomi & Penyelidikan memantau perkembangan ekonomi di negara-negara di mana KWSP melakukan aktiviti pelaburan. Ini akan memberi gambaran mengenai perumusan strategi pelaburan dan peruntukan portfolio dengan mengambil kira faktor risiko pasaran.



**MUHAMMAD AFHZAL  
ABDUL RAHMAN**

*Bahagian Teknologi Digital*

Bahagian Teknologi Digital menyokong perniagaan dan operasi KWSP dengan melaksanakan dan mengendalikan penyelesaian dan perkhidmatan teknologi digital yang berfokuskan pelanggan, inovatif, kukuh dan terjamin. Jabatan-jabatan di bawah seliaan Bahagian Teknologi Digital termasuk Jabatan Aplikasi Teras Digital, Jabatan Aplikasi Enterprise Digital, Jabatan Infrastruktur Digital, dan Jabatan Keselamatan Digital.



**CINDY TAN LER CHIN**

*Jabatan Pengurusan Risiko*

Jabatan Pengurusan Risiko memastikan pengurusan risiko diamalkan secara sofistikated dan bersepadu meliputi keseluruhan organisasi pada tahap yang melangkaui piawaian industri.

## PENGURUSAN KANAN



**NIK MOHAMED YUSOFF  
AFFENDI JAAFAR**

*Jabatan Integriti & Tadbir Urus*

Jabatan Integriti & Tadbir Urus bertanggungjawab memastikan operasi serta urus niaga KWSP dilaksanakan secara telus dan profesional dengan menyediakan khidmat nasihat dalam aspek integriti, tadbir urus dan antirasuah kepada Pengurusan. Selain itu, jabatan ini turut memperkasakan integriti di KWSP dengan melaksanakan Program *Outreach* pendidikan dan kesedaran integriti kepada anggota dan pemegang kepentingannya.



**ZAINI SHAARI**

*Jabatan Audit Dalam*

Jabatan Audit Dalam bertindak sebagai rakan strategik kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan dalam mencapai matlamat organisasi dengan memberikan jaminan objektif serta pandangan yang bebas terhadap keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, dan proses kawalan dalaman. Jabatan ini juga membantu KWSP dalam mendorong nilai-nilai organisasi demi mencapai objektif strategik, operasi, kewangan dan pematuhan.



**AHMAD RIDZUAN WAN  
IDRUS**

*Jabatan Operasi Pelaburan*

Jabatan Operasi Pelaburan ialah Rakan Perniagaan Bahagian Pelaburan dalam hal-hal berkaitan perkhidmatan syariah, transformasi pelaburan, teknologi maklumat dan digital, penambahbaikan proses berterusan, dan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan Bahagian Pelaburan.



**AZHAR AHMAD**

*Jabatan Pengurusan Dana Luar*

Jabatan Pengurusan Dana Luar bertanggungjawab mengawasi pengurusan dana luar berdasarkan amalan terbaik industri bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam kawalan risiko yang berpatutan melalui kepelbagaian pelaburan dengan melantik pengurus dana terbaik dalam kelas aset yang berkenaan di pasaran domestik dan global.

## PENGURUSAN KANAN

**AZIZUL ZAINOL***Jabatan Perbendaharaan*

Jabatan Perbendaharaan mengendalikan aliran tunai harian secara optimum bagi memenuhi semua komitmen KWSP dan memaksimumkan kadar pulangan melalui pelaburan Portfolio Pendapatan Tetap merangkumi Bon Terbitan Kerajaan dan yang setaraf dengannya. Selain itu, ia juga menguruskan keperluan mata wang asing KWSP dan menjalankan aktiviti lindung nilai berkaitan pendedahan mata wang asing dan kadar faedah.

**BADRUL HISHAM DAHALAN***Jabatan Kuantitatif & Analitik  
Pelaburan*

Jabatan Kuantitatif & Analitik Pelaburan bertanggungjawab ke atas Alokasi Aset Strategik termasuk alokasi pelaburan tahunan, penetapan sasaran pulangan pelaburan dan dividen KWSP, analisa aktuari, analitik data dan analisa prestasi pelaburan. Fungsi ini memastikan pulangan pelaburan dioptimumkan dalam tahap risiko tertentu, sejajar dengan objektif pelaburan KWSP. Ia juga bertanggungjawab dalam penyeliaan Institusi Pengurusan Dana di bawah Skim Pelaburan Ahli serta penambahbaikan skim tersebut bagi melindungi kepentingan ahli KWSP.

**LIM TZE SEONG***Jabatan Ekuiti Luar Negara*

Jabatan Ekuiti Luar Negara mengurus pelaburan ekuiti antarabangsa melalui pengurus portfolio dalaman berpandukan Alokasi Aset Strategik yang dinamik dan Rangka Kerja Risiko. Hala tuju strategik jabatan ini adalah mengurus pelaburan ekuiti antarabangsa secara berhemah dan menjana pulangan optimum.

**MOHAMAD HAFIZ KASSIM***Jabatan Pasaran Modal*

Jabatan Pasaran Modal menguruskan portfolio Pendapatan Tetap dan Aktiviti Kewangan Korporat. Portfolio pendapatan tetap KWSP merangkumi instrumen konvensional dan islamik merentas pasaran domestik dan global. Portfolio ini diuruskan berdasarkan alokasi aset yang dioptimumkan dan proses penilaian kredit yang komprehensif.

## PENGURUSAN KANAN



### **NOORHASLIN MOHD BASERI**

*Jabatan Perkhidmatan  
Pelaburan*

Jabatan Perkhidmatan Pelaburan memastikan pematuhan polisi dan garis panduan dalaman yang berkaitan dengan pelaburan serta undang-undang dan penguatkuasaan relevan yang mentadbir pelaburan domestik dan luar negara KWSP. Ia bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala transaksi pelaburan berpandukan kelaziman pasaran dan memastikan semua rekod dan laporan berkenaan mematuhi dasar perakaunan KWSP. Ia juga merupakan penjaga untuk Perlindungan Kehilangan Data dan *Chinese Wall Policy* untuk KWSP.



### **NOR AZAM YAHYA**

*Jabatan Penyelidikan Ekuiti*

Jabatan Penyelidikan Ekuiti menganalisa dan menilai syarikat-syarikat tersenarai awam yang dilaburkan oleh KWSP dan menjalankan pengawasan ESG ke atas syarikat-syarikat tersebut.



### **ROHAYA MOHAMMAD YUSOF**

*Jabatan Pasaran Persendirian*

Jabatan Pasaran Persendirian bertanggungjawab untuk pelaburan pasaran persendirian berpandukan alokasi aset yang diluluskan dengan mengambil kira parameter risiko yang dibenarkan. Jabatan ini menguruskan tiga kelas aset, iaitu Hartanah, Ekuiti Persendirian, dan Infrastruktur.



### **ZALINAH A HAMID**

*Jabatan Ekuiti Domestik*

Jabatan Ekuiti Domestik bertanggungjawab untuk memastikan pelaburan saham syarikat tersenarai di pasaran domestik serta instrumen berkaitan berpandukan alokasi aset yang diluluskan dengan mengambil kira parameter risiko yang dibenarkan.

## PENGURUSAN KANAN

**C. BAHARUDIN WAHAB***Jabatan Caruman*

Jabatan Caruman bertanggungjawab dalam menyediakan pelbagai saluran bayaran untuk majikan meresitkan caruman kepada pekerja mereka dengan mudah di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Caruman yang diterima diresit dan dikreditkan dalam akaun ahli secara efisien dan efektif. Jabatan ini turut bertanggungjawab mengurus, menyelenggara dan mengemaskini akaun majikan dan ahli dengan teratur dalam masa yang ditetapkan.

**DATO' KHALID HARON***Jabatan Pengurusan Operasi  
Pengeluaran*

Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran bertanggungjawab merangka prosedur dan peraturan pengeluaran agar selari dengan polisi dan peruntukan Akta KWSP dan memastikan ia diproses dan diluluskan secara cepat, tepat dan mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

**HARDIAL SINGH A/L MITT  
SINGH***Jabatan Penguatkuasaan*

Jabatan Penguatkuasaan bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat yang menyeluruh kepada majikan berhubung pematuhan undang-undang bagi memastikan caruman KWSP dibayar dengan tepat dan teratur. Di samping itu, jabatan ini juga melindungi kepentingan pekerja melalui kaedah pengurusan aduan yang efektif serta pemeriksaan pematuhan terhadap majikan.

**MAJIDAH YAHYA***Jabatan Pendaftaran & Operasi  
Sokongan*

Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan berkaitan pendaftaran ahli, majikan dan penamaan ahli mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan dokumen dan data majikan serta ahli bagi memastikan ianya tepat, berintegriti dan disimpan dengan selamat. Selain itu, jabatan ini juga memberi khidmat sokongan kepada jabatan-jabatan KWSP di Hub (Operasi) dalam urusan pentadbiran dan kewangan.

## PENGURUSAN KANAN



### MOHD RODZI ABU BAKAR

*Jabatan Rangkaian  
Perkhidmatan*

Jabatan Rangkaian Perkhidmatan bertanggungjawab untuk memberikan sokongan serta mengawasi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan KWSP menerusi semua saluran perkhidmatan seperti Saluran Elektronik, Khidmat Nasihat Ahli, Kaunter Perkhidmatan, *Mobile Team*, dan Pengurusan Operasi Cawangan. Objektif strategik Jabatan ini adalah untuk memberikan pengalaman pelanggan dan digital yang terbaik kepada ahli.



### NORIZAH HASSALLI

*Pusat Pengurusan  
Perhubungan*

Pusat Pengurusan Perhubungan menguruskan semua medium saluran komunikasi KWSP, bagi memastikan pengurusan perhubungan pelanggan KWSP berada di tahap yang cemerlang melalui pemantauan berkala tahap indeks kepuasan dan pengalaman pelanggan KWSP.



### ONG HOCK CHYE

*Jabatan Transformasi Operasi  
& Penyelarasan*

Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan bertanggungjawab melaksanakan kajian, penambahbaikan berterusan dan perubahan *breakthrough* untuk mentransformasikan proses operasi bagi memenuhi keperluan masa hadapan dalam persekitaran yang dinamik dan kompleks. Jabatan ini juga membantu menyelaras proses operasi dan memacu pelbagai inisiatif untuk menyemai budaya kualiti dan inovatif di kalangan anggota KWSP.



### TAMILWANAN A/L PALANIAPPAN

*Jabatan Pengurusan Harta*

Jabatan Pengurusan Harta bertanggungjawab menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan selamat untuk anggota dan pelanggan KWSP. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, jabatan ini memastikan semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dipatuhi.

## PENGURUSAN KANAN

**NOR AZIAN MOHD NOOR***Jabatan Kewangan*

Jabatan Kewangan mengurus dan mengawal fungsi kewangan KWSP antaranya termasuk hal ehwal bajet, bayaran, percukaian dan pelaporan kewangan.

**Z Aidatul Mazwin Idrus***Jabatan Undang-Undang*

Jabatan Undang-Undang berperanan sebagai penasihat undang-undang dan memberikan perkhidmatan sekretariat kepada Lembaga KWSP, serta bertanggungjawab mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan, ahli atau mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya.

**ZALIKAR YUSOFF***Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan*

Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan barangan dan perkhidmatan mengikut Polisi Perolehan KWSP. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan proses perolehan yang cekap, beretika dan mematuhi tadbir urus korporat yang baik bagi mendapatkan nilai terbaik wang semasa.

**BALQAIS YUSOFF***Jabatan Pengurusan Strategi*

Jabatan Pengurusan Strategi bertanggungjawab dalam menggariskan hala tuju organisasi serta memastikan strategi korporat direalisasikan mengikut pelan tindakan yang kukuh. Ia juga menguruskan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam memacu penggubalan dasar serta menambah baik produk dan perkhidmatan bagi memastikan KWSP kekal relevan di samping meningkatkan kesejahteraan dan membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

## PENGURUSAN KANAN



**MOHAMAD FAHMI ABDUL RAHIM**

*People Matters Department*

*People Matters Department* memacu sasaran perniagaan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan modal insan dan kerja-kerja transaksi yang menyokong kitaran pengurusan bakat. Melalui kolaborasi bersama pihak berkaitan, rancangan strategik jabatan ini mengambil kira aspek kesejahteraan di KWSP. Jabatan ini juga komited dalam memperkasakan modal insan supaya dapat memberi nilai mampan kepada KWSP.



**RAJA ZAFURA RAJA ZAIN**

*Jabatan Hal Ehwal Korporat*

Jabatan Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab untuk menguruskan reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman, pemasaran dan strategi dengan matlamat utama untuk memantapkan peranan KWSP sebagai organisasi keselamatan sosial.



**SUHAIZAM ISMAIL**

*EPF Learning Campus*

EPF Learning Campus (ELC) menyediakan perkhidmatan holistik melalui penyelidikan pembelajaran dan program latihan berkaitan keselamatan sosial. Memegang peranan untuk memastikan pembelajaran dan pembangunan di KWSP, ELC bertanggungjawab merangka strategi dan memacu hala tuju pembelajaran korporat, objektif dan polisi latihan. ELC juga menyediakan pembelajaran tidak formal melalui pengurusan ilmu yang disokong oleh infrastruktur dan pembelajaran yang komprehensif.



**ASHA A/P P. BHASKARAN**

*Jabatan Aplikasi Teras Digital*

Jabatan Aplikasi Teras Digital bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membangun, berintegrasi dengan aplikasi sistem lain, menguji serta melaksanakan Sistem Teras KWSP (*EPF Core Provident Fund System*) bagi memenuhi keperluan maklumat, operasi dan pengurusan KWSP secara cekap dan berkesan.

## PENGURUSAN KANAN

**JASMINE GOH WAN CHEN***Jabatan Keselamatan Digital*

Jabatan Keselamatan Digital bertanggungjawab untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dan aset kritikal KWSP dipelihara. Jabatan ini juga membangunkan dan menguatkuasa polisi dan prosedur keselamatan digital berdasarkan piawaian industri, amalan terbaik dan garis panduan agensi pengawalan yang berkaitan.

**RAVI KUMAR A/L T.  
WICKNISWASARAJAH***Jabatan Infrastruktur Digital*

Jabatan Infrastruktur Digital bertanggungjawab untuk merancang, menyediakan, mengurus dan menyenggara infrastruktur teknologi digital bagi KWSP. Jabatan ini berusaha untuk menyokong keperluan operasi perniagaan KWSP dari segi kapasiti dan prestasi IT dengan melaksanakan infrastruktur digital yang mantap, ketersediaan, tahap pemulihan yang optimum dan selamat dari ancaman siber serta mematuhi reka bentuk teknikal berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh KWSP.


**WU TZE CHYI @ EVA WU***Jabatan Aplikasi Enterprise  
Digital*

Jabatan Aplikasi Enterprise Digital bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina, menguji dan melaksanakan penambahbaikan bagi aplikasi-aplikasi bukan teras yang memenuhi keperluan maklumat, operasi dan pengurusan KWSP secara cekap dan berkesan.


# STATISTIK

## KADAR DIVIDEN

Peratus (%)



Peratus (%)



- Simpanan Konvensional
- Simpanan Shariah

**SENARAI 30 PEGANGAN EKUITI TERTINGGI BERDASARKAN PERATUS DARIPADA TERBITAN SAHAM SETAKAT  
31 DISEMBER 2019**

No	Kaunter	Jumlah%
1.	Malaysia Building Society Bhd	64.48%
2.	RHB Bank Bhd	41.55%
3.	Malaysian Resources Corporation Bhd	35.85%
4.	Telekom Malaysia Bhd	16.20%
5.	Axiata Group Bhd	16.20%
6.	IJM Corp Bhd	15.60%
7.	Tenaga Nasional Bhd	15.54%
8.	Sunway Reit Bhd	14.91%
9.	Axis Real Estate Investment Bhd	14.02%
10.	Aeon Co. (M) Bhd	13.73%
11.	Sime Darby Plantation Berhad	13.66%
12.	Kuala Lumpur Kepong Bhd	13.61%
13.	IJM Plantations Bhd	13.45%
14.	Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd	13.43%
15.	Digi.com Bhd	13.22%
16.	Alliance Bank Malaysia Bhd	12.93%
17.	Public Bank Bhd	12.82%
18.	Gamuda Bhd	12.67%
19.	CIMB Group Holdings Bhd	12.67%
20.	United Plantations Bhd	12.49%
21.	BIMB Holdings Bhd	12.45%
22.	Malayan Banking Bhd	12.44%
23.	SP Setia Bhd	12.31%
24.	PPB Group Bhd	12.30%
25.	Yinson Holdings Bhd	12.19%
26.	Malaysia Airports Holdings Bhd	12.15%
27.	MRCB-Quill REIT	12.09%
28.	Petronas Gas Bhd	12.08%
29.	Media Prima Bhd	11.73%
30.	Cahaya Mata Sarawak Bhd	11.69%

## STATISTIK

## PENGELUARAN MENGIKUT SKIM

Tahun	2019		2018	
	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)
<b>Skim Pengeluaran</b>				
55 Tahun	441,376	15,920,504,550	379,504	15,810,003,592
50 Tahun	157,291	4,617,493,415	160,751	4,712,680,608
Hilang Upaya	5,821	467,210,536	5,347	391,038,106
Meninggalkan Negara	4,132	437,102,971	4,032	392,456,135
Beli Rumah Pertama	99,280	2,326,197,915	91,074	2,149,948,937
Beli Rumah Kedua	5,216	214,896,132	5,147	214,335,855
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	2,281,335	2,237,909,683	1,748,506	2,001,339,134
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	103,110	1,271,681,009	112,518	1,447,916,201
Kesihatan	8,228	82,350,228	6,972	67,403,964
Kematian	65,747	1,961,714,928	62,658	1,715,602,371
Bayaran Berkala	516	900,993	587	1,122,730
Skim Pelaburan Ahli	556,130	5,640,324,723	851,933	9,251,295,326
Pekerja Berpencen/Pesara Pilihan	82,626	2,327,308,586	76,395	2,259,743,254
Pendidikan	101,239	1,157,231,920	140,769	1,319,456,484
Skim Bayaran Bulanan	63	79,522	61	76,842
Pengeluaran Melebihi RM1 Juta	13,565	1,553,231,588	8,018	1,518,976,786
Mengerjakan Haji	777	2,173,872	427	1,209,732
60 Tahun	289,036	4,557,680,814	238,551	4,330,245,142
Pengeluaran Rumah Prima	36	11,520	13	3,820
<b>Jumlah</b>	<b>4,215,524</b>	<b>44,776,004,907</b>	<b>3,893,263</b>	<b>47,584,855,018</b>
Dividen Tahunan*	3,114	56,401,957	2,816	56,771,016
i) Faedah Tambahan Kematian	22,186	55,465,000	21,387	53,485,571
ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya	1,033	5,165,000	883	4,415,000
<b>Jumlah (i dan ii)</b>	<b>23,219</b>	<b>60,630,000</b>	<b>22,270</b>	<b>57,900,571</b>

Tahun	2017		2016		2015	
	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)	Bilangan	Amaun (RM)
<b>Skim Pengeluaran</b>						
55 Tahun	384,795	17,757,759,010	597,771	22,292,814,380	530,459	21,400,282,188
50 Tahun	154,063	4,738,729,140	156,991	4,855,680,128	148,699	4,831,008,499
Hilang Upaya	5,117	384,862,946	4,986	360,187,080	4,659	331,060,249
Meninggalkan Negara	4,377	427,410,624	4,467	445,244,745	3,833	377,363,471
Beli Rumah Pertama	86,642	2,107,996,219	83,401	2,002,008,099	89,071	2,108,847,723
Beli Rumah Kedua	5,259	230,516,514	5,752	248,452,755	6,483	287,952,489
Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan	1,916,877	1,825,859,748	1,781,735	1,666,932,871	1,551,508	1,375,789,117
Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan	130,604	1,702,566,769	148,368	1,956,998,548	164,033	2,212,036,347
Kesihatan	6,266	58,183,038	6,101	57,000,845	5,692	51,766,353
Kematian	58,281	1,520,975,212	56,172	1,386,616,927	52,127	1,233,878,032
Bayaran Berkala	719	1,391,202	1,159	2,553,546	1,745	3,586,456
Skim Pelaburan Ahli	747,243	8,788,079,682	710,064	6,305,355,131	602,262	5,855,745,390
Pekerja Berpencen/Pesara Pilihan	118,146	2,484,663,943	51,230	2,157,264,348	48,688	1,972,703,781
Pendidikan	89,328	1,695,206,787	86,725	1,459,203,497	65,787	578,180,407
Skim Bayaran Bulanan	77	86,357	98	108,725	104	116,982
Pengeluaran Melebihi RM1 Juta	6,882	1,320,100,522	6,143	1,369,448,593	5,471	1,390,499,668
Mengerjakan Haji	705	1,965,567	415	1,151,035	390	1,044,974
60 Tahun	170,963	4,106,433,535				
Pengeluaran Rumah Prima	2	19,140				
<b>Jumlah</b>	<b>3,886,346</b>	<b>49,152,805,954</b>	<b>3,701,578</b>	<b>46,567,021,253</b>	<b>3,281,011</b>	<b>44,011,862,123</b>
Dividen Tahunan*	2,566	44,006,013	2,267	42,372,125	1,971	39,595,874
i) Faedah Tambahan Kematian	18,225	45,565,000	18,180	45,459,162	17,201	43,007,028
ii) Faedah Tambahan Hilang Upaya	864	4,320,000	821	4,105,000	771	3,857,000
<b>Jumlah (i dan ii)</b>	<b>19,089</b>	<b>49,885,000</b>	<b>19,001</b>	<b>49,564,162</b>	<b>17,972</b>	<b>46,864,028</b>

\* Pengeluaran dividen tahunan 2019 diselaraskan dengan belanja dividen tahun semasa

## PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN SIMPANAN DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2019

Lingkungan Simpanan (RM)	Bilangan Lelaki	Bilangan Perempuan	Jumlah	Simpanan (RM)
<1-1,000	190,247	193,202	383,449	184,880,073
1,001-2,000	144,224	123,284	267,508	394,398,779
2,001-3,000	115,977	98,957	214,934	534,593,186
3,001-4,000	98,538	83,220	181,758	634,419,240
4,001-5,000	89,574	76,148	165,722	744,362,644
5,001-6,000	82,710	70,534	153,244	842,021,332
6,001-7,000	76,595	65,759	142,354	924,583,448
7,001-8,000	72,875	62,590	135,465	1,015,683,771
8,001-9,000	69,087	59,031	128,118	1,088,703,366
9,001-10,000	65,145	55,746	120,891	1,147,954,487
10,001-15,000	278,662	237,813	516,475	6,401,372,059
15,001-20,000	225,496	192,127	417,623	7,278,352,678
20,001-25,000	193,277	163,998	357,275	8,019,865,404
25,001-30,000	167,048	143,199	310,247	8,511,932,500
30,001-35,000	146,927	124,005	270,932	8,793,637,107
35,001-40,000	130,401	110,067	240,468	9,005,131,470
40,001-45,000	117,617	97,731	215,348	9,144,039,279
45,001-50,000	107,379	88,002	195,381	9,272,834,368
50,001-55,000	99,762	80,730	180,492	9,469,783,846
55,001-60,000	93,809	74,771	168,580	9,692,652,153
60,001-65,000	87,331	68,523	155,854	9,736,564,057
65,001-70,000	80,910	63,025	143,935	9,712,194,062
70,001-75,000	75,704	57,833	133,537	9,676,390,137
75,001-80,000	70,312	53,786	124,098	9,613,757,011
80,001-85,000	66,226	50,515	116,741	9,627,816,201
85,001-90,000	61,730	46,422	108,152	9,459,497,081
90,001-95,000	57,943	43,471	101,414	9,378,265,936
95,001-100,000	53,947	40,600	94,547	9,215,920,502
100,001-150,000	393,480	293,856	687,336	84,189,081,885
150,001-200,000	221,773	166,650	388,423	67,127,516,187
200,001-250,000	133,360	100,360	233,720	52,095,673,507
250,001-300,000	81,928	63,089	145,017	39,609,520,529
300,001-350,000	54,120	42,451	96,571	31,232,158,615
350,001-400,000	37,678	28,958	66,636	24,884,637,219
400,001-450,000	27,530	20,883	48,413	20,512,685,166
450,001-500,000	21,242	15,258	36,500	17,294,221,642
500,001-600,000	30,228	20,680	50,908	27,786,747,473
600,001-700,000	19,504	12,418	31,922	20,630,677,346
700,001-800,000	13,691	7,978	21,669	16,183,347,133
800,001-900,000	9,865	5,382	15,247	12,923,502,630
900,001-1,000,000	7,356	3,915	11,271	10,683,318,112
> 1,000,000	34,260	13,827	48,087	81,249,221,894
<b>Jumlah</b>	<b>4,205,468</b>	<b>3,420,794</b>	<b>7,626,262</b>	<b>675,923,915,512</b>

Sumber: Sistem Business Intelligence (BI) KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2019

## STATISTIK

## KADAR CARUMAN

Tahun	Pekerja	Majikan	Jumlah
1952 - Jun 1975	5%	5%	10%
Julai 1975 - November 1980	6%	7%	13%
Disember 1980 - Disember 1992	9%	11%	20%
Januari 1993 - Disember 1995	10%	12%	22%
Januari 1996 - Mac 2001	11%	12%	23%
April 2001 - Mac 2002	9%	12%	21%
April 2002 - Mei 2003	11%	12%	23%
Jun 2003 - Mei 2004	9%	12%	21%
Jun 2004 - Disember 2008	11%	12%	23%
Januari 2009 - Disember 2010	8%	12%	20%
Januari 2011 - Disember 2011	11%	12%	23%
<b>Januari 2012 - Februari 2016</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Mac 2016 - Disember 2017</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	8%	13%	21%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	8%	12%	20%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	4%	6.5%	10.5%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	4%	6%	10%

Tahun	Pekerja	Majikan	Jumlah
<b>Januari 2018 - Disember 2018</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	5.5%	6.5%	12%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	5.5%	6%	11.5%
<b>Januari 2019</b>			
<b>Ahli berumur di bawah 60 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	11%	13%	24%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	11%	12%	23%
<b>Ahli berumur 60 tahun sehingga 75 tahun</b>			
Pendapatan RM5,000 dan kurang	-	4%	4%
Pendapatan lebih daripada RM5,000	-	4%	4%

## PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN UMUR DAN JANTINA SETAKAT 31 DISEMBER 2019

Kumpulan Umur (Tahun)	Bilangan Lelaki	Bilangan Perempuan	Jumlah Ahli	Jumlah Ahli (%)	Kumulatif (%)	Jumlah Simpanan (RM)	Jumlah Simpanan (%)	Kumulatif (%)
<16	745	473	1,218	0.02	0.02	1,058,087	0.00	0.00
16-25	974,437	821,908	1,796,345	23.55	23.57	15,724,769,831	2.33	2.33
26-30	741,386	651,197	1,392,583	18.26	41.83	45,045,881,461	6.66	8.99
31-35	620,856	504,077	1,124,933	14.75	56.58	77,823,187,678	11.51	20.50
36-40	484,690	390,131	874,821	11.47	68.05	98,482,152,800	14.57	35.07
41-45	406,013	335,379	741,392	9.72	77.77	119,169,357,952	17.63	52.71
46-50	350,951	281,887	632,838	8.30	86.07	127,665,982,142	18.89	71.59
51-55	286,685	219,319	506,004	6.64	92.71	103,684,526,960	15.34	86.93
56-60	193,962	140,240	334,202	4.38	97.09	50,099,043,466	7.41	94.34
61-65	90,417	51,182	141,599	1.86	98.95	23,005,840,107	3.40	97.75
66-70	39,933	19,049	58,982	0.77	99.72	10,108,112,414	1.50	99.24
71-75	12,973	5,173	18,146	0.24	99.96	4,102,568,482	0.61	99.85
76-80	2,234	726	2,960	0.04	100.00	956,560,334	0.14	99.99
81-85	168	43	211	0.00	100.00	50,442,721	0.01	100.00
>85	18	10	28	0.00	100.00	4,431,076	0.00	100.00
<b>Jumlah Besar</b>	<b>4,205,468</b>	<b>3,420,794</b>	<b>7,626,262</b>	<b>100.00</b>		<b>675,923,915,512</b>	<b>100.00</b>	

Sumber: Sistem Business Intelligence (BI) KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahun 2019

**PURATA SIMPANAN AHLI AKTIF YANG BERUMUR 54 TAHUN MENGIKUT JANTINA**

Tahun	Lelaki			Perempuan		
	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)
2008	35,415	5,322,180,264	150,280	17,607	1,705,344,178	96,856
2009	36,387	5,794,733,417	159,253	18,552	1,886,638,751	101,695
2010	40,542	6,507,302,076	160,508	21,486	2,360,738,881	109,873
2011	40,004	6,657,338,898	166,417	22,354	2,647,519,595	118,436
2012	43,230	7,581,549,702	175,377	24,921	3,206,896,233	128,682
2013	45,805	8,427,983,030	183,997	27,363	3,765,478,721	137,612
2014	47,135	9,385,899,753	199,128	29,289	4,382,090,266	149,616
2015	49,878	10,719,311,181	214,911	31,768	5,155,803,817	162,296
2016	50,223	11,201,215,794	223,030	32,109	5,618,243,593	174,974
2017	51,579	12,062,316,509	233,861	33,198	6,067,433,813	182,765
2018	55,250	12,858,768,219	232,738	39,010	6,922,796,631	177,462
<b>2019</b>	<b>53,955</b>	<b>14,041,957,159</b>	<b>260,253</b>	<b>40,916</b>	<b>7,575,416,308</b>	<b>185,146</b>

**PURATA SIMPANAN AHLI YANG BERUMUR 54 TAHUN**

Tahun	Ahli Aktif			Ahli Tidak Aktif		
	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)	Bilangan Ahli	Jumlah Simpanan (RM)	Purata Simpanan (RM)
2008	53,022	7,027,524,442	132,539.78	130,653	2,860,548,303	21,894
2009	54,939	7,681,372,168	139,816.38	134,556	3,055,433,736	22,708
2010	62,028	8,868,040,956	142,968.35	148,844	3,528,282,764	23,705
2011	62,358	9,304,858,493	149,216.76	146,172	3,418,820,359	23,389
2012	68,151	10,788,445,936	158,302.09	157,425	3,802,693,654	24,156
2013	73,168	12,193,461,751	166,650.20	160,131	4,203,516,072	26,250
2014	76,424	13,767,990,019	180,152.70	166,131	4,578,149,209	27,557
2015	81,646	15,875,114,998	194,438.37	169,425	5,343,743,319	31,540
2016	82,332	16,819,459,387	204,288.24	170,844	5,812,652,311	34,023
2017	84,777	18,129,750,322	213,852.23	147,160	6,456,208,469	43,872
2018	94,260	19,781,564,850	209,861.71	151,577	6,660,005,444	43,938
<b>2019</b>	<b>94,871</b>	<b>21,617,373,467</b>	<b>227,860.71</b>	<b>151,021</b>	<b>7,412,652,489</b>	<b>49,084</b>

Sumber: Sistem Business Intelligence (BI) KWSP

Nota: Jumlah Amaun Simpanan tidak termasuk dengan dividen tahunan

# BAHAGIAN PELABURAN



**DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF**

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan)*

**Tahun 2019 merupakan satu lagi tahun yang penuh dengan cabaran bagi pasaran pelaburan yang banyak dipengaruhi oleh peningkatan turun naik pasaran yang disebabkan oleh perang dagang yang berterusan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, peningkatan sentimen perlindungan perdagangan, pelonggaran dasar monetari yang agresif dan ketidakstabilan geopolitik dari Hong Kong hingga ke Iran serta rundingan sukar Brexit yang menjejaskan sentimen.**

**Pertumbuhan ekonomi global juga berada pada tahap yang paling lemah sejak krisis kewangan global 2008/2009 apabila ketidakpastian polisi perdagangan dan geopolitik menyebabkan kelembapan di China dan ekonomi maju AS, Jepun, dan Kesatuan Eropah.**

**Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, KWSP berjaya mencatatkan satu lagi prestasi tahunan yang baik dengan mengisytiharkan dividen sebanyak 5.45% bagi Simpanan Konvensional, dan 5.00% bagi Simpanan Syariah, jauh lebih tinggi daripada kadar minimum 2.50% yang dimandatkan oleh Akta KWSP 1991. Bagi purata tiga tahun berturut-turut, dividen sebenar bagi Simpanan Konvensional adalah sebanyak 4.33%, iaitu 2.33% melebihi sasaran purata tiga tahun berturut-turut kami iaitu 2.00%. Bagi Simpanan Syariah, dividen sebenar bagi purata tiga tahun berturut-turut adalah sebanyak 3.93%, lebih tinggi daripada sasaran 2.00%.**

## OBJEKTIF

Bahagian Pelaburan menguruskan dana pelaburan KWSP dengan dua objektif utama pelaburan jangka panjang:

- Untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli; dan
- Untuk memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had toleransi risiko.

## SASARAN STRATEGIK

Bagi memastikan objektif ini tercapai, KWSP menetapkan dua sasaran strategik pelaburan:

- Mengisytiharkan dividen nominal tahunan sekurang-kurangnya 2.50%; dan
- Mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2% kadar dividen sebenar (dilaraskan untuk inflasi) bagi purata tiga tahun berturut-turut.

Bagi memastikan sasaran strategik pelaburan ini tercapai, pelaburan KWSP adalah berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang dalam had toleransi risiko yang ditetapkan.

Selain daripada SAA, KWSP juga mematuhi Alokasi Aset Taktikal (TAA) yang membolehkan pengurus portfolio melabur dalam julat SAA yang dibenarkan untuk mengambil peluang ke atas keadaan pasaran semasa. Sementara itu, pandangan jangka sederhana ke atas pasaran juga diambil kira dalam Alokasi Aset Dinamik (DAA) yang dikaji semula pada setiap suku tahun.

## ALOKASI ASET STRATEGIK (SAA)

SAA KWSP, satu rangka kerja yang dikaji semula setiap tiga tahun, adalah bertujuan untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan

BAHAGIAN PELABURAN

jangka panjang dalam had toleransi risiko yang ditetapkan. Ini adalah bagi mengambil kira keadaan pasaran semasa, perubahan kepada keperluan kawal selia, polisi perakaunan, dan kekangan pelaburan.

Di bawah SAA, setiap kelas aset berperanan untuk memastikan KWSP mencapai objektif pelaburannya yang mana Instrumen Berpendapatan Tetap merupakan teras kepada keseluruhan portfolio bagi memelihara simpanan ahli dengan menyediakan aliran pendapatan yang stabil melalui bayaran faedah. Ekuiti pula menyediakan penambahan pulangan kepada portfolio dengan meningkatkan nilai simpanan ahli melalui pulangan yang melebihi kadar inflasi. Aset Hartanah dan Infrastruktur juga berfungsi sebagai instrumen lindung nilai terhadap

inflasi melalui pendapatan sewa dan penambahan nilai modal. Alokasi kepada Instrumen Pasaran Wang adalah bagi memenuhi operasi harian KWSP, termasuk pelaburan, pengeluaran simpanan ahli dan perbelanjaan operasi.

Kajian semula ke atas SAA sebelum ini dibuat pada tahun 2016, yang berkuatkuasa bagi tahun 2016 hingga 2019 dengan peruntukan sebanyak 51% daripada aset pelaburan KWSP dalam Instrumen Berpendapatan Tetap, 36% dalam Ekuiti, 10% dalam Hartanah dan Infrastruktur, serta 3% dalam Instrumen Pasaran Wang.

Pada tahun 2019, kami mengkaji semula SAA bagi tempoh efektif tahun 2020 hingga 2022. Rangka kerja hasil kajian semula ini akan memastikan objektif untuk


memelihara dan menambah nilai simpanan ahli tercapai, sejajar dengan visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

**SOROTAN PELABURAN**

Tahun 2019 menyaksikan peningkatan ketidaktentuan dan turun naik pasaran. Pertikaian perdagangan AS-China yang bertambah buruk menyebabkan bertambahnya sekatan perdagangan. Tahun ini juga menyaksikan pergolakan politik di Hong Kong yang menyebabkan ketidaktentuan pasaran dan pertumbuhan ekonomi yang negatif. Ini ditambah lagi dengan kesukaran rundingan berhubung Brexit yang menambahkan lagi ketidaktentuan dalam pasaran maju yang utama.

Faktor-faktor ini memperlambatkan aktiviti perdagangan dengan ketara, memburukkan lagi penurunan dalam sentimen dan aktiviti perniagaan, serta mengakibatkan kelembapan pertumbuhan ekonomi global yang nyata dalam ekonomi maju dan pasaran pesat membangun. Terdapat usaha yang selari oleh bank-bank pusat utama untuk mengambil langkah agresif dalam menyokong ekonomi masing-masing melalui pengurangan kadar faedah, dengan Rizab Persekutuan AS menurunkan kadar faedah mereka sebanyak tiga kali sementara Bank Pusat Eropah memulakan semula program pelonggaran kuantitatifnya. Bank Negara Malaysia juga menurunkan Kadar Dasar Semalaman kepada 3% pada bulan Mei 2019, buat pertama kalinya dalam tempoh tiga tahun.

Ketidaktentuan ini menyebabkan ketidakstabilan prestasi pasaran yang mana sebahagian besar indeks yang digunakan oleh KWSP berakhir lebih rendah daripada paras tertinggi pada tahun 2018 walaupun



- **Instrumen Berpendapatan Tetap**  
 - Pemeliharaan Modal
- **Ekuiti**  
 - Peningkatan Pulangan
- **Hartanah dan Infrastruktur**  
 - Perlindungan Inflasi
- **Instrumen Pasaran Wang**  
 - Operasi Harian

## BAHAGIAN PELABURAN

bertambah baik berbanding harga penutup pada tahun sebelumnya. Ekuiti pasaran membangun secara umumnya menyaksikan aliran keluar dana pada tahun 2019 sementara pasaran bon menyaksikan peningkatan penilaian yang disokong oleh pelabur yang mencari kestabilan dalam persekitaran turun naik pasaran.


Bagi tahun 2019, KWSP menyaksikan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM50.91 bilion, penurunan sebanyak 1% daripada pendapatan pelaburan kasar tahun 2018 sebanyak RM51.42 bilion. Instrumen Berpendapatan Tetap terus memberikan pulangan yang stabil dalam persekitaran turun naik pasaran pada tahun 2019 dengan peningkatan ketara dalam keuntungan modal disebabkan oleh kadar pulangan pasaran yang lebih rendah yang memberi peluang untuk memanfaatkan keuntungan. Portfolio Berpendapatan Tetap mengurangkan impak penurunan prestasi

portfolio Ekuiti manakala Hartanah dan Infrastruktur terus memberikan pendapatan dividen yang stabil.

Daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar, sebanyak RM32.82 bilion telah diperuntukkan kepada portfolio konvensional dan RM18.09 bilion kepada portfolio syariah. Daripada peruntukan portfolio syariah, kira-kira satu perempat dialokasikan kepada Simpanan Syariah dan selebihnya adalah kepada Simpanan Konvensional.


Pendapatan pelaburan kasar bagi tahun berkenaan adalah bersamaan dengan kadar pulangan atas pelaburan (ROI) sebanyak 5.71%, berbanding 6.57% yang dicatatkan pada tahun 2018. Prestasi KWSP kekal baik di sebalik persekitaran pasaran yang mencabar, mencatatkan ROI tahunan selama tiga tahun sebanyak 6.53% sepanjang tempoh 2017-2019.

### PULANGAN ATAS PELABURAN (ROI) DENGAN JUMLAH ASET PELABURAN (DALAM RM BILION)



## BAHAGIAN PELABURAN

Sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian pelaburan kami, KWSP terus mengembangkan aset global sepanjang beberapa tahun, dengan melabur di lebih 40 negara dan dalam 28 mata wang. Pegangan luar negara ini menyumbang sebanyak 30.3% daripada jumlah aset setakat 31 Disember 2019 dan menyumbang sebanyak 41.0% kepada pendapatan pelaburan kasar kami. ROI bagi pelaburan asing adalah sebanyak 7.78% sementara ROI pelaburan domestik adalah sebanyak 4.90% pada tahun 2019.



Terdapat rosot nilai bersih ke atas aset kewangan sebanyak RM88.78 juta bagi tahun dalam tinjauan berbanding RM26.38 juta yang diiktiraf pada tahun 2018. Mengikuti piawaian perakaunan MFRS 9, rosot nilai bagi instrumen ekuiti tersenarai yang dikelaskan sebagai nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang lain (FVOCI) tidak perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, untuk memastikan portfolio tersebut kekal sihat, KWSP mengiktiraf Turun Nilai Kos sebanyak RM1.15 bilion ke atas ekuiti tersenarainya bagi tahun 2019.

Setelah mengambil kira rosot nilai bersih ke atas aset kewangan, turun nilai ekuiti tersenarai, keuntungan atau kerugian yang belum nyata daripada urusan niaga antara syarikat, perbelanjaan pelaburan, perbelanjaan operasi, caj berkanun, serta dividen atas pengeluaran, jumlah agihan dividen bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM45.82 bilion, yang mana RM41.68 bilion adalah untuk Simpanan Konvensional dengan kadar dividen 5.45%, manakala RM4.14 bilion adalah untuk Simpanan Syariah dengan kadar dividen 5.00%.

Jumlah agihan dividen terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan simpanan ahli KWSP. Jumlah agihan dividen yang diperlukan untuk setiap 1.00% dividen pada tahun 2019 bagi Simpanan Konvensional adalah sebanyak RM7.65 bilion berbanding RM6.99 bilion pada tahun 2018. Bagi Simpanan Syariah, jumlah agihan dividen yang diperlukan untuk setiap 1.00% dividen pada tahun 2019 adalah sebanyak RM0.83 bilion berbanding dengan RM0.73 bilion pada tahun 2018.

Bagi purata tiga tahun berturut-turut, dividen sebenar bagi Simpanan Konvensional adalah sebanyak 4.33%, iaitu 2.33% melebihi sasaran purata tiga tahun berturut-turut kami pada 2.00%. Secara nominal, dividen yang diisytiharkan bagi Simpanan Konvensional juga 2.95% melebihi peratusan yang dimandatkan di bawah Akta KWSP 1991, iaitu kadar dividen nominal sekurang-kurangnya 2.50% diisytiharkan pada setiap tahun. Bagi Simpanan Syariah, dividen sebenar bagi purata tiga tahun berturut-turut adalah sebanyak 3.93%, lebih tinggi daripada sasaran 2.00%.

Pada 31 Disember 2019, jumlah aset pelaburan adalah sebanyak RM924.75 bilion (termasuk baki tunai dan bank). Daripada jumlah tersebut, 49% adalah dalam Instrumen Berpendapatan Tetap bagi tujuan pemeliharaan modal. Pendedahan dalam Ekuiti adalah sebanyak 39%. Instrumen Pasaran Wang merangkumi 7%, sementara Hartanah dan Infrastruktur merangkumi 5% lagi.

Daripada jumlah pelaburan tersebut, 63% adalah dalam portfolio konvensional dengan selebihnya dilaburkan dalam portfolio syariah.

## BAHAGIAN PELABURAN

### SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA (SKM) DAN BON SAMA TARAF

Pelaburan KWSP dalam SKM & Bon Sama Taraf sebagai sebahagian daripada portfolio Instrumen Berpendapatan Tetap terus memberi aliran pendapatan yang stabil ketika keadaan turun naik pasaran. Pulangan pelaburan bagi kelas aset ini meningkat berikutan pulangan pasaran yang lebih rendah disebabkan aliran pelaburan pasaran kepada aset yang lebih selamat seperti bon kerajaan dan bon sama taraf yang meningkatkan penilaian aset tersebut.

Pegangan KWSP dalam SKM & Bon Sama Taraf adalah berjumlah RM253.50 bilion setakat 31 Disember 2019 iaitu 9% lebih tinggi berbanding tahun 2018.

SKM & Bon Sama Taraf mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM11.04 bilion iaitu 15% lebih tinggi daripada tahun 2018. ROI dicatatkan adalah sebanyak 4.59%, 23 mata asas lebih tinggi berbanding ROI pada tahun sebelumnya sebanyak 4.36%.

### PINJAMAN DAN BON

Pegangan KWSP dalam Pinjaman dan Bon yang terdiri daripada pelaburan domestik dan global meningkat sebanyak 7% kepada RM200.69 bilion berbanding tahun 2018.

Pinjaman dan Bon menyumbang sebanyak RM10.66 bilion kepada pendapatan pelaburan kasar pada tahun 2019, peningkatan sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya. ROI meningkat kepada 5.44% berbanding dengan 4.84% pada tahun 2018. Pulangan aset ini berbanding SKM & Bon Sama Taraf kekal baik dengan perbezaan pulangan sebanyak 0.85% pada tahun 2019 berbanding 0.48% pada tahun 2018.

### EKUITI

Portfolio ekuiti terdiri daripada ekuiti tersenarai dan persendirian dalam pasaran domestik dan global meningkat sebanyak 10% kepada RM360.44 bilion setakat Disember 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah selari dengan kenaikan pegangan ekuiti luar negara dan pengukuhan mata wang asing berbanding Ringgit Malaysia.

Walaupun terdapat penurunan pendapatan sebanyak 20% berbanding tahun 2018, kelas aset tersebut kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan pelaburan kasar menyumbang sebanyak 47% atau RM24.11 bilion. ROI bagi kelas aset ini adalah sebanyak 7.08% pada tahun 2019, berbanding dengan 9.74% pada tahun sebelumnya. Ekuiti terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan pulangan keseluruhan portfolio pelaburan KWSP, yang memastikan tercapainya objektif pertama pelaburan kami, "untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli".

### INSTRUMEN PASARAN WANG

KWSP menyasarkan untuk mencapai keseimbangan antara baki tunai yang baik bagi memenuhi keperluan pengeluaran ahli-ahli, perbelanjaan pentadbiran serta kegunaan pelaburan dan pada masa yang sama mengoptimumkan pulangan dengan meminimumkan pegangan dalam kelas aset ini.

Setakat hujung tahun 2019, sejumlah RM62.75 bilion atau 7% daripada aset pelaburan KWSP telah dilaburkan dalam Instrumen Pasaran Wang, baki tunai sebanyak 30% lebih tinggi daripada tahun 2018. Kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan sebanyak RM1.94 bilion atau bersamaan ROI sebanyak 3.78%.

### HARTANAH DAN INFRASTRUKTUR

Strategi jangka panjang KWSP adalah untuk terus meningkatkan pendedahan kepada pelaburan Hartanah dan Infrastruktur. Sebilangan besar pelaburan KWSP dalam kelas aset ini adalah melalui syarikat bersekutu dan anak syarikat, dengan pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat tersebut merangkumi majoriti daripada sumbangan kepada pendapatan pelaburan kasar.

Pada tahun ini, Hartanah dan Infrastruktur mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19% kepada RM47.37 bilion, atau RM7.47 bilion lebih tinggi daripada RM39.90 bilion yang dicapai pada tahun sebelumnya. Pendapatan pelaburan kasar pada tahun 2019 meningkat sebanyak 51% kepada RM3.16 bilion berbanding dengan tahun 2018.

Ini adalah bersamaan dengan ROI sebanyak 4.89% bagi 2019 berbanding dengan 4.88% yang dicatatkan pada tahun 2018 memberikan premium dengan melindungi nilai terhadap inflasi melalui pembayaran sewa dan peningkatan nilai aset-aset.

## BAHAGIAN PELABURAN

**i-INVEST DAN SKIM PELABURAN AHLI**

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah digitalisasi KWSP dan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada ahli-ahli, KWSP melancarkan i-Invest pada bulan Ogos 2019 untuk membolehkan ahli yang layak, termasuklah mereka yang berumur 55 tahun ke atas untuk melabur dalam unit amanah terus melalui i-Akaun KWSP.

Kemudahan platform dalam talian ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi Skim Pelaburan Ahli (SPA) KWSP, yang diperkenalkan pada bulan November 1996 untuk membolehkan ahli yang layak memindahkan sebahagian daripada simpanan mereka secara sukarela dari Akaun 1 dan melabur melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) lantikan KWSP yang terdiri daripada Syarikat Pengurusan Unit Amanah dan Syarikat Pengurusan Aset.

Setakat Disember 2019, SPA KWSP mempunyai 0.96 juta ahli yang melabur melalui skim ini. Jumlah dana yang diluluskan telah mencapai 387 dengan aset di bawah pengurusan telah meningkat kepada RM53.6 bilion dengan 22 IPD dilantik.

i-Invest memberikan lebih fleksibiliti, fungsi dan kemudahan kepada ahli untuk melabur, membuat transaksi, dan memantau pelaburan unit amanah mereka. Ciri-ciri lain i-Invest termasuk paparan menyeluruh pegangan ahli, amaun yang layak untuk pelaburan dan instrumen perbandingan dana. Di samping itu, ahli-ahli memperoleh manfaat daripada caj jualan yang lebih rendah pada kadar maksimum 0.5% berbanding dengan kadar semasa 3% untuk transaksi luar talian dan yang biasa melalui ejen.

Sejak pelancaran i-Invest, KWSP telah merekodkan lebih 10,000 transaksi bernilai RM81.8 juta setakat 31 Disember 2019, dan kami yakin lebih ramai lagi ahli akan memanfaatkannya.

**PELABURAN MESRA ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (PELABURAN ESG)**

Pada April 2019, KWSP menandatangani Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu peneraju utama pelaburan bertanggungjawab di dunia, dalam usaha untuk mempertingkatkan komitmen KWSP terhadap pelaburan mampan yang

mana pertimbangan terhadap ESG menjadi semakin penting dalam meningkatkan daya tahan portfolio.

Meskipun KWSP secara tradisi ialah pelabur yang beretika, iaitu tidak terlibat dengan pelaburan berunsur alkohol, tembakau, perjudian, persenjataan dan tenaga nuklear, enam prinsip panduan PRI telah memacu perjalanan kemampanan KWSP sebagai asas untuk memberi penekanan yang lebih kukuh terhadap impak pelaburan ke atas alam sekitar dan masyarakat di samping membangunkan tadbir urus korporat yang kukuh dalam kalangan syarikat penerima pelaburan KWSP.

Menyedari akan pentingnya tadbir urus korporat yang mantap dan pemilikan aktif, KWSP memperkenalkan edisi pertama Prinsip Tadbir Urus Korporat & Garis Panduan Pengundian pada tahun 2010 yang sejak itu telah dikemas kini secara berkala. Seterusnya, pada bulan Januari 2017, KWSP menjadi penandatangan kepada Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi untuk terus menggalakkan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan syarikat korporat di Malaysia.

Di ambang peralihan dunia ke era VUCA, penerapan faktor-faktor ESG dalam pertimbangan pelaburan bukan lagi sesuatu yang “baik untuk dilaksanakan, tetapi adalah suatu keperluan”, memandangkan kemampuannya untuk mengukuhkan struktur pengurusan risiko di samping membuka peluang bagi penciptaan nilai. Memandangkan telah banyak bukti yang menunjukkan saham-saham ESG berdaya tahan ketika berlakunya krisis, pertimbangan terhadap ESG akan menjadi lebih meyakinkan dalam melangkah ke dekad yang baharu. Justeru, KWSP berharap untuk mewujudkan nilai yang lebih baik kepada semua pihak berkepentingan, terutamanya ahli KWSP.

# KWASA DAMANSARA - MODEL PERBANDARAN MAMPAN

**Kwasa Land Sdn. Bhd.,** subsidiari milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang ditubuhkan pada 2010, merupakan pemaju utama bandar Kwasa Damansara dengan keluasan 2,257 ekar yang terletak di bahagian barat Kuala Lumpur.



*Penyelesaian ekologi akan menjadi asas dalam mengimbangi aktiviti komersil dan rekreasi di Kwasa Damansara.*

Bandar Kwasa Damansara yang dianggap sebagai sebuah kawasan primer terakhir di bahagian tengah Lembah Klang dirancang dengan mengutamakan kemampanan jangka panjang yang bertepatan dengan amalan korporat KWSP untuk mewujudkan portfolionya yang menitikberatkan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Objektif yang digariskan dalam Projek Pembangunan Strategik Greater Kuala Lumpur di bawah Rancangan Malaysia ke-10 yang diumumkan pada 2010 juga telah diambil kira dalam merancang bandar ini. Objektif tersebut termasuk pembangunan Kwasa Damansara sebagai sebuah bandar yang mesra alam sekitar dan dengan infrastruktur yang berhubung sepenuhnya dalam tempoh 20 hingga 25 tahun.

Prinsip pembangunan Kwasa Land iaitu 'Hijau, Berhubung & Inklusif' mencerminkan komitmen KWSP yang menetapkan kemampanan jangka panjang sebagai komponen penting dalam prinsip reka bentuk dan perancangan bandar yang menawarkan peluang untuk pertumbuhan sosial, alam sekitar dan ekonomi. Di samping itu, Kwasa

Damansara juga disasarkan sebagai sebuah lokasi pilihan untuk kediaman, kerja dan riadah dalam beberapa tahun akan datang.

Sejajar dengan matlamatnya dalam memelihara alam sekitar dan sasaran tahap karbon yang rendah, Kwasa Damansara akan dilengkapi dengan kawasan hijau seluas 259 ekar dan infrastruktur binaan mampan serta kegiatan kemasyarakatan untuk memulihara dan meningkatkan biodiversiti di kawasan tersebut.

## **PENGURUSAN SUMBER DAN EKOLOGI**

Pengurusan sumber merupakan fokus utama dalam memastikan pembangunan bandar yang mampan. Di Kwasa Damansara, BIOECODS yang merupakan sistem pengurusan air menggunakan sistem pengangkutan dua peringkat yang menyalurkan air yang dikumpulkan daripada bangunan, infrastruktur dan utiliti dengan lebih efisien dengan menyaring bahan pencemaran terlebih dahulu. Sistem ini akan digunakan sebagai penyelesaian mampan secara ekologi sekiranya berlaku banjir kilat, pencemaran sungai dan kekurangan air di keseluruhan bandar tersebut.

## KWASA DAMANSARA - MODEL PERBANDARAN MAMPAN




Saliran berumput penapisan secara bio ini dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC), menggantikan sistem saluran terbuka konvensional yang tidak lagi berkesan dalam menyelesaikan isu banjir kilat dan pencemaran air. Sistem tersebut menggunakan kaedah landskap yang strategik melalui penggunaan tumbuhan akuatik dan paya bakau untuk meningkatkan kualiti dan penyaringan air.

Kecekapan tenaga infrastruktur ini bersama pengurusan mesra alam sekitar dan penyelesaian mobiliti merupakan sebahagian daripada inisiatif perbandaran ini untuk mengurangkan pelepasan karbon dan menggalakkan kehidupan di bandar yang mampan. Beberapa alternatif lain seperti sistem penyejukan daerah juga sedang dipertimbangkan.

Bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, Kwasa Damansara dibangunkan dengan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) dengan wujudnya dua stesen Transit Aliran Massa (MRT) dan sebuah stesen Komuter di perbandaran ini yang menghubungkan penduduk dan pekerja pejabatnya dengan Kuala Lumpur serta kawasan bandar dan luar bandar di sekitarnya. Kwasa Damansara juga akan mempunyai jaringan laluan basikal dan pejalan kaki yang menyeluruh bagi memastikan kelancaran jaringan pengangkutan di dalam bandar ini.

## KWASA DAMANSARA - MODEL PERBANDARAN MAMPAN

Pelan Induk Kwasa Land bagi bandar ini merangkumi sebilangan besar kawasan hijau dan terbuka, dengan taman-taman di atas aras tanah, bumbung hijau dan taman teres. Ruang kawasan tersebut adalah sebanyak 11.5% daripada kawasan tanah yang melebihi syarat minimum 10% diperuntukkan sebagai ruang hijau. Sebuah Taman Bandar seluas 47.8 ekar akan dibuka pada penghujung 2020 bagi tujuan aktiviti hiburan dan rekreasi. Di samping itu, beberapa program telah dijalankan untuk memulihara sebilangan pokok getah yang telah berusia dalam kawasan ini, serta inisiatif untuk menggalakkan pemulihan semula hutan-hutan yang berdekatan sempadan bandar ini.



*Ibu pejabat baharu KWSP memanfaatkan kelebihan proses BIM untuk mencapai Reka Bentuk, Binaan dan Operasi yang lestari.*

### **IBU PEJABAT BAHARU KWSP**

Kwasa Damansara juga akan menempatkan ibu pejabat KWSP yang baharu yang dijangka siap menjelang suku ketiga 2021. Anggota dari bangunan ibu pejabat sedia ada di Jalan Raja Laut akan berpindah ke pejabat baharu ini secara berperingkat bermula 2022.

Demi mendukung inisiatif kemampunan dan sokongan KWSP terhadap mandat Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ibu pejabat baharu tersebut sedang dibina berdasarkan prinsip-prinsip cekap sumber dan reka bentuk yang mengurangkan pencemaran yang turut diterapkan ke arah kemampunan perbandaran tersebut. Sehubungan ini, 10.5% daripada jumlah penggunaan tenaga ibu pejabat ini akan bersumberkan panel-panel solar yang diletakkan di atas bumbung ibu pejabat.

Dalam mematuhi Indeks Kesejahteraan KWSP, ibu pejabat ini akan mempamerkan tahap komitmen tertingginya terhadap piawaian alam sekitar dari segi kualiti udara dan air, suhu, pencahayaan dan kelembapan. Ini dilaksanakan tanpa menjejaskan keselesaan dan keselamatan yang diperlukan bagi menjamin persekitaran kerja yang kondusif.

Ibu pejabat baharu ini telah diberi penarafan *Platinum* oleh GreenRE Sdn Bhd, sebuah badan pensijilan penarafan hijau yang terkemuka di Malaysia dan bertanggungjawab dalam menetapkan penanda aras yang menyeluruh bagi bangunan hijau.

# MEMASTIKAN KEMAMPUAN MELALUI IMPAK SOSIAL

**KWSP mengambil kira faktor kepentingan masyarakat dalam pelaksanaan aktiviti pelaburannya sejak beberapa tahun yang lepas selaras dengan visi dan misi KWSP sebagai sebuah organisasi dana simpanan persaraan terbesar di Malaysia.**

Di samping memastikan semua keputusan pelaburan adalah berpandukan prinsip-prinsip pelaburan mampan, KWSP turut memastikan bahawa syarikat penerima mengambil maklum kami juga menghasilkan impak positif kepada masyarakat. KWSP juga mengambil maklum bahawa syarikat yang berdaya maju adalah syarikat yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat. Oleh yang demikian, KWSP sentiasa memberi galakan kepada syarikat penerima pelaburan kami untuk mencari atau menyediakan penyelesaian kepada sebarang masalah kemasyarakatan yang dihadapi oleh negara ketika ini.

Dalam laporan khas ini, kami mengetengahkan impak sosial yang telah berjaya dilaksanakan oleh tiga syarikat penerima pelaburan utama kami pada tahun lalu.

## MBSB BANK – MEMBANTU GOLONGAN TERPINGGIR

Sebagai sebuah institusi yang memanfaatkan keberadaan akar umbinya, MBSB Bank telah mendekati dan membantu golongan kurang berkemampuan dan masyarakat luar bandar secara konsisten. Dua inisiatif utama MBSB Bank bertindak sebagai ejen perubahan komuniti tersebut adalah Program Sejahtera dan program sekolah angkat MBSB Bank.

Program Sejahtera bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup golongan ini dengan membina dan membaik pulih rumah kediaman yang memenuhi keperluan minimum piawaian keselamatan dan keselesaan. Pada tahun 2019, MBSB Bank telah membelanjakan lebih RM3 juta untuk membina, membaik pulih dan menyediakan keperluan rumah bagi sejumlah 38 keluarga di seluruh Malaysia melalui usaha sama dengan Islamic Relief Malaysia.

Program sekolah angkat MBSB Bank pula merupakan program sokongan pendidikan yang bermatlamat untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah daif di kawasan luar bandar dalam persediaan pelajar mereka menghadapi peperiksaan awam. Kumpulan pendidik juga dihantar menyertai kursus motivasi untuk membimbing dan memperkukuhkan kaedah pengajaran mereka.

Di samping itu, MBSB Bank berkolaborasi dengan Berita Harian sepanjang tiga tahun yang lalu untuk menjalankan bengkel Didik UPSR bagi membimbing pelajar berpandukan sukatan pelajaran Tahun Enam. Sejumlah RM643,480 telah dibelanjakan untuk sembilan sekolah angkat melalui penganjuran bengkel yang melibatkan pendidik dan pelajar. Program tersebut telah berjaya melonjakkan pencapaian purata nilai gred pelajar secara ketara dan menaik taraf sekolah-sekolah ini.



(Dahulu) Kediaman yang dihuni oleh penerima Sejahtera.



(Kini) Penerima Sejahtera menerima kunci untuk kediaman baharunya.



Pelajar-pelajar dari salah sebuah "sekolah angkat" yang menjalani bengkel BH Didik.

## MEMASTIKAN KEMAMPANAN MELALUI IMPAK SOSIAL

### KUMPULAN PERBANKAN RHB – MENGUKUHKAN ASAS PEMBELAJARAN BAGI GOLONGAN B40

Kumpulan Perbankan RHB (RHB) telah melaksanakan Program Kecemerlangan Akademik X-Cel dan Biasiswa X-Cel Star sejak Julai 2018 untuk memberi peluang kepada pelajar terpinggir melalui pendidikan sebagai perantara kepada usaha untuk meningkatkan mobiliti sosial sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB khususnya Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.

Kedua-dua program ini merupakan program pendidikan berstruktur dan menyeluruh yang memberi sokongan pendidikan kepada pelajar daripada golongan B40 bermula di peringkat pendidikan menengah hingga ke peringkat pengajian tinggi dan seterusnya memberi peluang kerjaya dalam RHB setelah mereka menamatkan pengajian.

Program Kecemerlangan X-Cel RHB dirangka bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5 daripada golongan B40 yang berpotensi untuk cemerlang dalam bidang pelajaran. Setakat Disember 2019, program tersebut telah memberi manfaat kepada lebih 1,200 pelajar di Malaysia dan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 28.28% dalam jumlah pelajar yang mencapai 3A ke atas untuk subjek-subjek teras SPM 2019 yang dikenal pasti oleh RHB berbanding tahun sebelumnya.

Pelajar terbaik X-Cel juga diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan melalui program Biasiswa X-Cel Star. Di samping itu, pengalaman pembelajaran mereka akan disokong melalui sesi pembinaan keupayaan seperti kursus Bahasa Inggeris, pembangunan kemahiran insaniah serta program *mentor-mentee* untuk menjadikan mereka insan yang berkebolehan dalam pelbagai aspek dan pemimpin masa depan. Apabila tamat pengajian, para penerima biasiswa ini akan diberi peluang untuk berkhidmat di RHB.

Dalam tempoh 2018 - 2019, sebanyak RM2.2 juta telah diperuntukkan untuk Program Kecemerlangan Akademik X-Cel. Bagi tahun-tahun berikutnya, sekurang-kurangnya RM1 juta setiap tahun akan diperuntukkan bagi manfaat kira-kira 1,000 pelajar. Manakala, RM4.2 juta telah diperuntukkan kepada program Biasiswa X-Cel Star bagi tempoh empat tahun akan datang yang akan mewujudkan peluang kerjaya yang cerah kepada 60 orang pelajar. Pendekatan menyeluruh ini akan memperlengkapkan pelajar dengan pelbagai keupayaan dan kemahiran yang diperlukan untuk membina masa depan yang lebih bermakna buat mereka.



Program Biasiswa X-Cel Star RHB – majlis penganugerahan biasiswa kepada kumpulan pertama pelajar-pelajar yang terdiri daripada 10 penerima di RHB Centre, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.



SPM Readiness Workshop khusus kepada para pelajar RHB X-Cel sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan SPM.

## MEMASTIKAN KEMAMPUAN MELALUI IMPAK SOSIAL

## MALAYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD – MENYEDIAKAN PELUANG KEDUA UNTUK MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) terus komited untuk mewujudkan perubahan positif. Ini dilaksanakan melalui program PEKA@MRCB yang merupakan sebahagian daripada inisiatif *Yellow Ribbon* yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia.


Inisiatif *Yellow Ribbon* dilancarkan pada bulan Ogos 2019 bertujuan memberi peluang kedua kepada banduan dan belia bermasalah yang sering dipinggirkan daripada masyarakat disebabkan rekod dan perlakuan jenayah. Ini termasuk menyediakan peluang pendidikan, latihan dan pekerjaan kepada mereka agar berupaya untuk berdikari apabila mereka kembali menyertai masyarakat.

PEKA@MRCB pula telah dilancarkan pada 26 November 2019 dengan matlamat untuk membantu banduan untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat. Objektif utamanya adalah untuk mengelakkan golongan ini daripada terlibat semula dengan aktiviti jenayah. Kebanyakan inisiatif di bawah PEKA@MRCB ditumpukan kepada membantu mereka untuk diterima semula dan kembali menyumbang bakti kepada masyarakat.

MRCB berbangga kerana menjadi organisasi korporat pertama yang menyokong inisiatif *Yellow Ribbon* ini dan sehingga kini telah menawarkan peluang pekerjaan kepada 84 banduan. Setelah menjalani proses penilaian yang menyeluruh, calon-calon program PEKA@MRCB diberikan latihan agar bersedia untuk menjalankan pelbagai tugas di tapak pembinaan termasuk dalam bidang pengimpalan, penyelenggaraan mesin dan pembaikan peralatan mekanikal.

Inisiatif *Yellow Ribbon* ini juga bermanfaat dan mampu memberi kesan yang memberangsangkan kepada masyarakat dan negara kerana ia menangani cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh golongan ini. Bagi MRCB, selain memberi impak positif kepada kehidupan insan yang telah diberi peluang kedua ini dan kesan

meluasnya terhadap masyarakat, program ini juga membantu untuk menangani keperluan pekerja mahir oleh organisasi. Berdasarkan kesejahteraan sosial positif yang terhasil dari program ini, MRCB bertekad untuk meneruskan usahanya untuk mengembangkan program ini pada masa depan.



Banduan yang diberi peluang kedua untuk menerokai pekerjaan menerusi program PEKA@MRCB.

# BAHAGIAN OPERASI



**DATO' MOHD NAIM DARUWISH**

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)*

**Seiring dengan perkembangan KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang bertanggungjawab ke atas 14.60 juta ahli dan lebih setengah juta majikan dan dalam era yang menuntut kepantasan perkhidmatan dan penggunaan teknologi terkini, adalah penting bagi kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan secara efisien bagi memenuhi peningkatan permintaan dan ekspektasi pelanggan yang semakin tinggi. Oleh itu, keperluan untuk berevolusi dan memperluaskan organisasi dengan kapasiti dan keupayaan digital bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan satu matlamat perniagaan yang penting.**

**Sebelum ini, kami telah membuktikan bahawa program transformasi operasi yang berpaksikan *customer centric*, khidmat nasihat dan perkhidmatan digital adalah langkah yang tepat dan pelanggan kami terutamanya ahli dan majikan telah memberi maklum balas positif di samping mengutarakan permintaan yang konstruktif untuk penambahbaikan seterusnya. Di samping melaksanakan langkah-langkah yang mantap untuk sealign dengan trend digital, kami juga memberi tumpuan untuk menyesuaikan dengan keperluan pelbagai segmen pelanggan.**

**Kami melihat digitalisasi sebagai suatu inisiatif penting untuk kami melangkah ke hadapan. Ia membolehkan kami beroperasi dengan lebih cekap dan pada masa yang sama memastikan kami sentiasa memahami dan memenuhi keperluan perkhidmatan pelanggan dengan lebih berkesan.**

## **MEMACU DIGITALISASI BAGI MEMENUHI 'JANJI KAMI'**

Setakat penghujung Disember 2019, KWSP merekodkan lebih 14.60 juta ahli yang sebahagian besarnya ialah warga natif digital. Bagi memastikan kualiti perkhidmatan kekal pada tahap tertinggi dan memenuhi ekspektasi para pelanggan utama, iaitu ahli dan majikan, Bahagian Operasi KWSP terus komited untuk melaksanakan 11 fungsi perkhidmatan teras yang termaktub di dalam 'Janji Kami', iaitu untuk memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik dari segi kepantasan, ketepatan, kemudahan, integriti dan keberkesanan kos.

Bagi mencapai matlamat ini, kami telah menyesuaikan cara melaksanakan fungsi teras Bahagian ini seiring dengan perubahan masa dan keperluan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah melipatgandakan usaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan operasi yang sedia ada melalui Agenda Transformasi Operasi 2.0. Ini membolehkan kami menyediakan penyelesaian perkhidmatan secara menyeluruh (*end-to-end*), yang mantap melalui platform utama kami, iaitu i-Akaun (Ahli) dan i-Akaun (Majikan) dengan pelbagai fungsi dan modul yang berkaitan.

Pada tahun 2019, kami telah mencapai kemajuan dalam melaksanakan Agenda Transformasi Operasi 2.0 melalui penghasilan Rangka Evolusi Digital KWSP yang menggariskan program-program utama di bawah lima teras strategik – '*Customer Centric*', Pembangunan Tenaga Kerja, Penetapan Minda Pemasaran, Ekosistem Kolaboratif dan Pembolehan Digital. Program-program ini kemudian dirangka menjadi pelbagai projek.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan ketersediaan teknologi dan penyelesaian perniagaan yang sesuai bagi membolehkan kami mengakses dan menggunakan data yang lebih menyeluruh dalam masa nyata dengan lebih cekap dan berkesan.

## TRANSFORMASI FUNGSI TERAS OPERASI

Bahagian Operasi KWSP bertanggungjawab terhadap fungsi pendaftaran, pengurusan akaun ahli dan majikan, kutipan caruman, pengeluaran, penamaan serta menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap majikan yang ingkar dan mengendalikan pengurusan perhubungan pelanggan. Di samping itu, Bahagian ini mengawal selia dan mengurus keseluruhan rangkaian perkhidmatan operasi KWSP yang meliputi 68 cawangan di seluruh negara. Bahagian ini turut diberi tanggungjawab untuk menguruskan pejabat dan hartanah KWSP selain menjadi pemacu utama Agenda Transformasi Operasi yang kini sedang dalam fasa pelaksanaan.

Kami juga komited untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang terbaik kepada ahli dan majikan melalui libat urus yang berkesan. Justeru, pelbagai saluran perkhidmatan termasuk Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC), kaunter, kios, e-mel, media sosial dan laman sesawang ([www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)) serta pelbagai saluran digital lain dibangunkan dan sentiasa ditambah baik sejajar dengan trend pengalaman pengguna yang terkini.



*Evolusi Fungsi Teras*

## i-AKAUN

i-Akaun merupakan gerbang utama kepada kemudahan dalam talian KWSP seperti e-Pengeluaran dan e-Caruman. i-Akaun adalah platform utama kami dalam memacu Agenda Transformasi Operasi organisasi. Melaluinya kami menyediakan maklumat yang komprehensif dan kemudahan yang efektif bagi membolehkan ahli dan majikan membuat pilihan yang tepat. Pada masa yang sama, ia juga membolehkan kami mendapat maklum balas segera dan data yang penting untuk memastikan penambahbaikan perkhidmatan dan inovasi produk yang berterusan.

i-Akaun boleh diakses melalui mana-mana pelayar internet bagi membolehkan pelbagai urusan dilaksanakan termasuk memantau caruman, menyemak baki simpanan, membuat pembayaran, memantau status transaksi dan mengemas kini maklumat peribadi. Sepanjang beberapa tahun yang lepas, modul-modul baharu di dalam i-Akaun telah diperkenalkan secara berperingkat demi memenuhi permintaan pelanggan dan sejajar dengan usaha untuk menyediakan perkhidmatan secara digital.

Kami juga menaik taraf laman utama dan pelbagai modul i-Akaun yang berkaitan secara berkala bagi menambah baik pengalaman pelanggan. Salah satu perkembangan penting pada tahun 2019 adalah pelancaran kemudahan i-Invest yang membolehkan ahli mengakses fungsi Skim Pelaburan Ahli (SPA) dalam i-Akaun untuk membuat pelaburan.

Tahun lalu juga menyaksikan lebih ramai ahli dan majikan memilih untuk mengakses i-Akaun bagi melaksanakan transaksi dengan KWSP. Sehingga akhir Disember 2019, 52.06% daripada 14.60 juta ahli dan 99.36% daripada 522,297 majikan telah berdaftar dengan i-Akaun.

## BAHAGIAN OPERASI



Branch Horizon Zero

### e-PENGELUARAN

Kemudahan e-Pengeluaran telah melalui beberapa fasa naik taraf dan penambahbaikan selaras dengan matlamat kami untuk menyediakan penyelesaian menyeluruh (*end-to-end*) bagi transaksi dan proses pengeluaran oleh ahli. Pada tahun 2019, sejumlah 229,616 transaksi pengeluaran perumahan dan 247,983 transaksi pengeluaran pendidikan dilakukan melalui e-Pengeluaran. Kemudahan ini telah diperluas untuk merangkumi pengeluaran berasaskan umur dan pengeluaran simpanan melebihi RM1 juta.

### e-CARUMAN

Kemudahan e-Caruman membolehkan majikan mengemukakan maklumat caruman pekerja (Borang A) dan membuat pembayaran secara dalam talian. Pada tahun 2019, 99.9% majikan yang berdaftar dengan KWSP mengemukakan e-Borang (Borang A) dan 94.9% membuat pembayaran menggunakan kemudahan e-Pembayaran. Di samping itu, sejumlah 3,535,822 transaksi dilakukan melalui *Financial Payment Exchange (FPX)* iaitu platform yang membolehkan majikan membuat pembayaran caruman menggunakan kemudahan perbankan mereka sendiri.

### APLIKASI MUDAH ALIH KWSP

Aplikasi i-Akaun (untuk ahli) dan aplikasi e-Caruman (untuk majikan), membolehkan kami berhubung dengan ahli dan majikan dengan lebih cekap dan berkesan. Aplikasi mudah alih ini menawarkan akses pintas kepada ciri-ciri asas platform i-Akaun dan boleh dimuat turun melalui sistem operasi *Android* dan *iOS*.

Pada tahun 2019, penambahbaikan kepada aplikasi i-Akaun telah dilakukan, termasuk membolehkan muat turun penyata berformat PDF, pemberitahuan bersasar melalui *push notification*, lokasi cawangan terdekat dan pemantauan prestasi dana bagi pengguna i-Invest. Pada tahun 2019, sejumlah 1,454,780 muat turun aplikasi i-Akaun dengan 32.80 juta akses direkodkan.

Sementara itu, aplikasi e-Caruman memudahkan majikan yang mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang untuk mengemukakan Borang A dan membuat pembayaran caruman secara dalam talian. Melalui aplikasi tersebut, majikan dapat mengakses rekod serahan Borang A dan maklumat caruman mereka. Sejumlah 134,024 muat turun aplikasi mudah alih e-Caruman direkodkan pada tahun 2019.

**PENDAFTARAN AHLI DAN MAJIKAN**

Pada tahun 2019, bilangan ahli KWSP meningkat 2.82% kepada 14.60 juta melalui pendaftaran ahli baharu sebanyak 526,766. Daripada jumlah ini, sejumlah 7.63 juta merupakan ahli aktif.

Jumlah bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP pula meningkat sebanyak 2.99% kepada 522,297 melalui pendaftaran majikan baharu sebanyak 72,218 daripada tahun sebelumnya.

**KUTIPAN CARUMAN**

KWSP menerima caruman berjumlah RM75.93 bilion pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 6.24% daripada tahun sebelumnya yang disumbangkan oleh pertambahan bilangan ahli, majikan dan upah yang diterima. Di samping itu, kesedaran dalam kalangan majikan mengenai kepentingan membuat caruman untuk simpanan persaraan dan kesejahteraan sosial pekerja mereka serta pembabitan berkesan bersama para majikan terus menyumbang kepada pertumbuhan ini.

Bagi memudahkan majikan membuat caruman, KWSP menawarkan pelbagai pilihan saluran pembayaran termasuk kaunter KWSP, ejen bank, dan saluran elektronik.

**PENGELUARAN**

Salah satu aktiviti teras Bahagian Operasi ialah pemprosesan permohonan pelbagai pengeluaran oleh ahli. Pada tahun 2019, sejumlah 2.39 juta bilangan permohonan pengeluaran daripada ahli telah diluluskan melibatkan amaun berjumlah RM45.40 bilion di bawah pelbagai skim pengeluaran yang disediakan oleh KWSP. Berbanding tahun 2018, terdapat pengurangan sebanyak 3.26% dalam jumlah bilangan permohonan yang diluluskan dan 5.62% amaun pengeluaran.

**2019****Pendaftaran Ahli  
Dan Majikan****526,766**

Ahli Baharu

**72,218**

Majikan Baharu

**Kutipan  
Caruman****RM75.93  
bilion**Jumlah Caruman  
Yang Diterima**Pengeluaran****2.39  
juta**Bilangan  
Permohonan**RM45.40  
bilion**

Diluluskan

**Penamaan****430,067**

Penamaan Baharu

**LIBAT URUS BERSAMA MAJIKAN**

Untuk melindungi kepentingan pekerja, KWSP telah menjalankan aktiviti libat urus bersama majikan secara berterusan di samping memantau pembayaran caruman bulanan oleh majikan. Di samping itu juga, kami melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang tegas tetapi berhemah terhadap majikan yang ingkar. Bagi tahun 2019, kadar majikan gagal mencarum meningkat sedikit kepada 1.24% berbanding dengan 1.03% pada tahun sebelumnya.

Caruman yang diperolehi daripada aktiviti penguatkuasaan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM3.59 bilion berbanding RM3.88 bilion pada tahun 2018. Sebanyak RM25.42 juta caj pembayaran lewat dan RM19.80 juta dividen juga telah diperolehi daripada majikan yang gagal mencarum dalam tempoh yang ditetapkan.

Dalam menguatkuasakan Seksyen 39 Akta KWSP 1991, sejumlah 2,194 pengarah syarikat dan pemilik perniagaan telah dilarang daripada meninggalkan negara ini kerana gagal melunaskan caruman tertunggak sepanjang tahun 2019. Di samping itu terdapat 4,894 kes pendakwaan baharu dan 1,906 saman sivil telah didaftarkan di mahkamah terhadap majikan yang gagal mencarum.

**PENAMAAN**

Kami terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penamaan. Sebanyak 430,067 penamaan baharu telah didaftarkan pada tahun 2019, yang meningkatkan keseluruhan jumlah penamaan kepada 4.65 juta. KWSP memberi penekanan ke atas perkara ini bagi memudahkan waris atau penama ahli menguruskan simpanan sekiranya berlaku kematian ahli.

## BAHAGIAN OPERASI

### INTERAKSI PELANGGAN DAN SALURAN ELEKTRONIK

Secara keseluruhannya, interaksi bersama pelanggan melalui kaunter KWSP, laman sesawang KWSP, kiosk, i-Akaun dan Pusat Pengurusan Perhubungan (CMC) pada tahun 2019 mencapai jumlah 108.81 juta. Daripada jumlah ini, 96.4% interaksi adalah melalui pelbagai saluran elektronik yang disediakan dengan lebih mudah, cepat dan keberkesanan kos berbanding dengan hanya 3.93% transaksi secara bersemuka.

Daripada jumlah ini, interaksi melalui saluran layan diri seperti laman sesawang KWSP, kiosk dan i-Akaun mencatatkan peningkatan sebanyak 24.12% kepada 104.88 juta interaksi. Manakala CMC mencatatkan sebanyak 1.12 juta interaksi, iaitu pengurangan sebanyak 27.16% berbanding dengan 1.54 juta yang dicatatkan pada tahun 2018.

### TRANSFORMASI PEJABAT CAWANGAN DAN PUSAT PENGURUSAN PERHUBUNGAN (CMC)

Pada tahun 2019, KWSP telah melakar sejarah dengan memperkenalkan ruang pejabat cawangan baharu berkonsep modular yang lebih dinamik dan mesra pelanggan di KWSP Taiping dan KWSP Langkawi. Pejabat cawangan ini dilengkapi dengan keupayaan digital dan reka bentuk dalaman yang menyokong pemberian khidmat nasihat yang lebih efektif kepada pelanggan seiring dengan aspirasi Agenda Transformasi Operasi. Kedua-dua pejabat cawangan ini adalah penanda aras bagi pengubahsuaian seterusnya ke atas pejabat-pejabat cawangan yang lain di seluruh negara. Di samping itu, pejabat CMC juga telah diubahsuai dan dilengkapi dengan infrastruktur terkini untuk memastikan persekitaran kerja yang lebih

kondusif dan penyediaan perkhidmatan sokongan secara digital yang lebih efektif.

### TAHAP KEPUASAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

Kaji selidik pelanggan merupakan salah satu inisiatif operasi KWSP untuk memahami ekspektasi, persepsi dan tahap kepuasan perkhidmatan pelanggan. Berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2019 oleh CMC bersama perunding bebas, KWSP telah mencatatkan penarafan tinggi, iaitu 96.26% bagi tahap kepuasan pelanggan.

### KHIDMAT NASIHAT PERSARAAN

Khidmat Nasihat Persaraan KWSP (RAS) diperkenalkan pada Julai 2014 untuk memantapkan kesedaran dan pengetahuan kewangan ahli bagi menyokong perancangan persaraan yang lebih selesa.

Sehingga penghujung tahun 2019, perkhidmatan ini disediakan di 52 cawangan seluruh negara. Kami telah memberi latihan yang intensif dan komprehensif kepada pegawai-pegawai RAS secara berterusan dalam bidang perancangan kewangan dan persaraan. Seterusnya seramai 83 orang pegawai RAS yang baharu juga telah mendapat kelayakan yang diiktiraf dalam bidang ini. Sepanjang tahun 2019, sejumlah 82,958 ahli direkodkan telah hadir bagi mendapatkan nasihat kewangan daripada pegawai-pegawai RAS yang berkelayakan.

Selain memberi perkhidmatan di pejabat Cawangan KWSP masing-masing, pegawai RAS juga menyertai Mobile Team KWSP untuk memberi khidmat nasihat kepada masyarakat sebagai sebahagian daripada program *outreach* kami. Pada tahun 2019, pegawai RAS telah menjalankan sebanyak 2,585 program ini di seluruh negara dengan penyertaan daripada 255,605 orang.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus menambah baik dan memperkukuh perkhidmatan ini dalam usaha untuk bertemu dengan lebih ramai ahli, di samping menambah baik modul khidmat nasihat meliputi literasi kewangan, kesihatan dan kesejahteraan hidup ahli.

### i-SURI

Program i-Suri telah dilancarkan pada Ogos 2018 untuk golongan suri rumah yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih). Matlamat utama program ini adalah untuk membantu kaum wanita, khususnya suri rumah, menabung untuk persaraan dan perlindungan keselamatan sosial mereka. Di bawah program tersebut, caruman i-Suri yang dibuat oleh ahli layak menerima insentif Kerajaan dengan amaun maksimum sebanyak RM480 setahun.

Sejumlah 81,511 pendaftaran baru ahli i-Suri telah direkodkan pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 28.78% daripada 63,297 pada tahun 2018.

### i-SARAAN

Program i-Saraan disasarkan kepada golongan yang bekerja sendiri untuk membuat caruman KWSP secara sukarela sebagai sebahagian daripada simpanan persaraan mereka. Insentif Kerajaan dalam bentuk caruman padanan sebanyak 15% ataupun sehingga amaun maksimum RM250 diberi kepada mereka yang mencarum di bawah program ini.

Sejumlah 120,738 pendaftaran telah diterima bagi i-Saraan pada tahun 2019, meningkat sebanyak 22.11% daripada 98,874 pendaftaran pada tahun 2018.

# BAHAGIAN STRATEGI



**NURHISHAM HUSSEIN**

*Pemangku Ketua Pegawai Strategi*

**Tahun 2019 menyaksikan KWSP mengambil pendekatan menyeluruh ke arah menetapkan tanda aras untuk persaraan yang berkualiti. Bertumpukan misi untuk memastikan ahli mempunyai simpanan yang mencukupi bagi menghadapi hari tua mereka, Bahagian Strategi mengkaji pelbagai faktor lain yang mempengaruhi keupayaan ahli untuk mengecapi kehidupan yang bermakna serta mencari penyelesaian yang wajar dan inisiatif yang boleh disediakan oleh KWSP.**

**Ketika kami melangkah ke dekad baharu, cabaran yang dihadapi dalam perancangan persaraan seperti kecukupan simpanan dan literasi kewangan masih lagi di paras yang membimbangkan. Sementara itu, cabaran baharu seperti digitalisasi, kesediaan tenaga kerja, dan peningkatan sektor tidak formal, memerlukan pertimbangan semula yang segera ke atas keutamaan strategi.**

**Tahun ini menyaksikan Bahagian Strategi melipatgandakan usaha untuk mentakrif semula perlindungan sosial untuk hari tua, terutamanya mereka yang berada dalam kelompok yang rentan dari segi ekonomi. Ini merangkumi para pesara, penganggur, graduan baharu yang mencari kerja, orang kurang upaya, dan suri rumah.**

## **PENTAKRIFAN SEMULA PERLINDUNGAN SOSIAL DALAM KEADAAN MASA DEPAN YANG TIDAK MENENTU**

Buat pertama kalinya dalam sejarah KWSP, kami melayani lima generasi ahli secara serentak, walaupun terdapat beberapa ciri-ciri yang sama, masing-masing menghadapi cabaran yang berbeza. Ketika kebanyakan rakyat Malaysia yang akan bersara dibebani dengan kekurangan simpanan untuk menampung kenaikan kos penjagaan kesihatan, golongan muda pula dibebani dengan hutang yang semakin meningkat berbanding kenaikan pendapatan yang lembap. Oleh yang demikian, KWSP perlu melipatgandakan usahanya untuk memperluas lagi jaringan perlindungan sosial kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

Kini dikenal pasti sebagai negara yang sedang menua dengan 7% daripada populasinya berusia 65 tahun ke atas, Malaysia dijangka menjadi negara tua dalam tempoh kira-kira 25 tahun lagi, apabila populasi warga tua dijangka meningkat hampir dua kali ganda kepada 14% pada tahun 2045. Dari pelbagai aspek, ini merupakan satu perkembangan yang positif kerana ianya adalah hasil daripada pemakanan dan penjagaan kesihatan yang lebih baik, dan peningkatan akses kepada pendidikan serta peluang pekerjaan untuk kaum wanita. Walau bagaimanapun, tenaga kerja yang menua juga menimbulkan banyak cabaran, termasuk tahap produktiviti tenaga kerja yang semakin menurun, pulangan pelaburan yang lembap, dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

Penggantian pekerja dengan penyelesaian digital turut menjejaskan peluang pekerjaan dalam sektor formal dan menyebabkan lebih ramai pekerja, terutamanya golongan muda, meninggalkan pekerjaan formal bagi menyertai ekonomi gig yang menyediakan pekerjaan sekejap dan sementara. Walaupun kebanyakan pekerjaan seperti

## BAHAGIAN STRATEGI

ini menawarkan fleksibiliti dan kebebasan kepada pekerja, namun ia menimbulkan kekhawatiran terhadap jaminan pendapatan ketika persaraan.

Menjelang penghujung tahun 2019, COVID-19 yang muncul sebagai wabak global terburuk sejak selepas Sepanyol satu abad yang lalu telah mendorong dunia ke arah persekitaran baharu – yang terkesan oleh perintah berkurang, turun naik pasaran, dan ramalan yang meleset apabila dunia bergelut antara usaha menyelamatkan nyawa dan mengekalkan mata pencarian.

### STRATEGI MASA HADAPAN

Dalam persekitaran tidak menentu, tiada kepastian, kompleks dan kabur (VUCA) yang semakin meningkat ini, KWSP harus menilai semula peranannya dalam sistem keselamatan sosial bagi memastikan tiada seorang pun yang ketinggalan dalam visinya untuk membantu ahli mengecapi masa depan yang lebih baik.

Bagi mendepani cabaran ini, KWSP melaksanakan Pelan Boleh Ubah 3 Tahun 2019-2021 (E3YRP) yang menekankan penetapan minda yang mengutamakan pelanggan. Perkara yang diberi keutamaan adalah mengimbangi keperluan segera untuk menambah baik pengalaman ahli pada masa sekarang, melalui strategi yang mengutamakan penggunaan digital dan mudah alih dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan teras kami, tetapi juga pada masa yang sama, melipatgandakan usaha untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan ahli bagi membantu mereka membuat penetapan sendiri mengenai perancangan persaraan.

Pada tahun 2019, kami juga mengaktifkan strategi jangka panjang bagi membolehkan ahli yang lebih celik kewangan memilih untuk membuat keputusan pelaburan mereka sendiri melalui kemudahan i-Invest menerusi aplikasi i-Akaun. KWSP akan terus mempersediakan ahli dalam segmen ini dengan keupayaan untuk mengurus dana KWSP mereka sendiri.

Kami juga merancang untuk mengupayakan ahli dengan memberikan khidmat nasihat yang telus yang dapat meningkatkan tahap literasi kewangan, dan memperluas perkhidmatan ini kepada semua rakyat Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, kami sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan dan inisiatif baharu yang mampu memenuhi keperluan ahli dengan lebih baik dalam dekad baharu ini. Bagi majikan pula, KWSP berhasrat untuk menggalakkan amalan pematuhan sendiri, meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti, dan seterusnya mengurangkan kos perniagaan.

Kami telah melaksanakan sejumlah 35 inisiatif, iaitu lanjutan daripada inisiatif pada tahun sebelumnya dan juga yang baharu bagi tahun 2019. Daripada jumlah ini, 26 merupakan inisiatif strategik yang merangkumi lima inisiatif utama, iaitu Transformasi Perniagaan Digital, Khidmat Nasihat Majikan, Skim Pelaburan Ahli (e-MIS), Hab Data, dan Transformasi ICT. Inisiatif-inisiatif ini bertumpu kepada empat Teras Strategik – Pelaburan Mampan, Bertumpu Pelanggan, Pengupayaan Digital, dan Pembangunan Sumber Manusia. Teras-terras ini merupakan evolusi daripada perancangan sebelumnya, yang bertumpu kepada Operasi, Pelanggan, Persaraan, Pelaburan dan Digital, serta Kecemerlangan Sumber Manusia.

### MENGETENGAHKAN PERBINCANGAN BERKENAAN LITERASI KEWANGAN KEPADA MASYARAKAT

Memandangkan tahap literasi dan kesedaran kewangan yang rendah di negara ini, KWSP meneruskan usaha untuk meningkatkan kefahaman kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia dan membantu mereka merancang untuk masa depan.

Antara usaha tersebut termasuk Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan untuk Individu dan Keluarga di Malaysia, yang dilancarkan bersama dengan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) Universiti Malaya pada bulan Mac 2019.

Belanjawanku menyediakan anggaran perbelanjaan bulanan minimum untuk pelbagai barangan dan perkhidmatan bagi pelbagai kategori isi rumah yang menetap di Lembah Klang. Panduan ini menunjukkan tanda aras perbelanjaan minimum untuk mencapai taraf hidup atau kesejahteraan hidup yang munasabah bagi rakyat Malaysia, serta maklumat mengenai perbelanjaan berkaitan keperluan asas, penglibatan sosial, simpanan yang disyorkan, pembayaran balik pinjaman, dan kecemasan. Panduan ini telah diguna pakai oleh pegawai Khidmat Nasihat Persaraan KWSP dalam sesi bimbingan dan nasihat kewangan kepada ahli.

Untuk membantu meningkatkan kesedaran kewangan secara menyeluruh, KWSP juga merupakan anggota pengasas Rangkaian Pendidikan Kewangan (FENetwork), satu usaha sama antara agensi yang dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Pada bulan Julai 2019, FENetwork telah melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan untuk tempoh lima tahun.

Strategi ini memberi fokus kepada peningkatan tahap literasi kewangan negara dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek kesedaran kewangan – menabung dan mengurus wang, merancang untuk masa depan yang mampan, dan perlindungan daripada penipuan dan skim kewangan tidak sah – yang bermatlamat untuk memperengkap rakyat Malaysia dengan pengetahuan untuk membuat keputusan kewangan yang tepat dan memupuk sikap positif terhadap pengurusan kewangan.

Bagi menyokong usaha ini, KWSP telah menerbitkan *My Money Matters*, satu panduan yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk membantu setiap individu memulakan perancangan kewangan dan memahami keperluan kewangan mereka pada setiap peringkat kehidupan dengan menggariskan langkah-langkah amalan baik seperti perancangan belanjawan, kepelbagaian pendapatan, dan rancangan persaraan.



### PERSIDANGAN KESEJAHTERAAN SOSIAL ANTARABANGSA 2019 (ISWC 2019)

KWSP menganjurkan persidangan antarabangsanya yang ke-lapan pada bulan November 2019. Persidangan ini dinamakan semula sebagai Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) daripada nama sebelumnya, iaitu Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa, bagi lebih mencerminkan lagi isu-isu yang pantas mengubah dunia dan yang perlu diberi perhatian segera.

ISWC 2019 juga menunjukkan kepekaan KWSP terhadap cabaran untuk beroperasi dalam persekitaran global yang tidak menentu, dengan perubahan teknologi dan demografik, dan bagaimana faktor-faktor ini memberi kesan kepada kehidupan dan dunia pekerjaan.

Bertemakan *Shaping Destiny - Between Hope and Extinction*, ISWC 2019 dihadiri kira-kira 500 peneraju pemikiran tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi idea yang

membuka minda dan perbincangan mengenai penyelesaian yang mampu mencekutkan perubahan dan mewujudkan impak positif kepada masyarakat.

Antara penceramah terkemuka di persidangan tersebut ialah Dr Jane Goodall, pengasas Jane Goodall Institute; Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); Dzameer Dzulkipli, pengasas Teach for Malaysia; Malene Rydahl, Pengarang *Happy as a Dane*, dan *Freaky Clown (FC)*, pengasas bersama dan ketua penggodaman beretika di Cygenta. Para penceramah membincangkan topik-topik berkaitan ekonomi, alam sekitar, dan isu awam serta impak jangka masa yang lebih panjang dan meluas terhadap kesejahteraan hidup manusia dan keupayaan untuk mengecapi kehidupan yang bermakna.

Dalam persidangan yang sama, kami juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Perkhidmatan Pencen Nasional (NPS) Korea, yang merupakan antara dana pencen terbesar di dunia dengan jumlah aset

di bawah pengurusan (AUM) sebanyak USD600 bilion, sebagai antara usaha berterusan kami untuk mendalami bidang perlindungan sosial dengan mempelajari amalan terbaik oleh negara-negara lain. MoU ini, yang memanfaatkan kedua-dua belah pihak, memformalkan kerjasama dalam mengendalikan aktiviti latihan yang merangkumi bidang dasar dan inisiatif pencen, projek penyelidikan dan perkongsian maklumat amalan terbaik.

Perbincangan semasa ISWC 2019 menyimpulkan bahawa persaraan yang berkualiti hanya mampu dicapai secara mampan dalam jangka panjang melalui takrifan baharu "keselamatan sosial", yang mengambil kira faktor gangguan dan huru-hara zaman sekarang dan juga keperluan untuk masih kekal relevan ketika waktu susah mahupun senang. Justeru, di samping menerajui idea-idea bernas untuk membuat perubahan, KWSP secara proaktif mewujudkan langkah-langkah persediaan bagi masa depan yang lebih baik dengan menerapkan nilai kemampan sebagai strategi utama.

## BAHAGIAN STRATEGI

**Dalam usaha mencapai matlamat ELC untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pembelajaran Kesejahteraan Sosial, Fakulti Keselamatan Sosial telah ditubuhkan sebagai medium pembelajaran dan bimbingan kepada anggota KWSP khususnya, serta rakyat Malaysia amnya, untuk meningkatkan kefahaman berkenaan dasar keselamatan sosial negara dan pengurusan kewangan yang lebih cekap dan teratur.**

### MEMUPUK PEMIKIRAN KRITIS DALAM POLISI KESEJAHTERAAN SOSIAL

Tahun 2019 menyaksikan fasa baharu *EPF Learning Campus* (ELC) sebagai tunjang utama pusat pembelajaran dan pembangunan anggota KWSP. Pelbagai usaha baharu telah diambil oleh ELC untuk meningkatkan kualiti pembelajaran sama ada dari segi infrastruktur mahupun kualiti pengajaran dan kandungan pembelajaran.

Dalam usaha mencapai matlamat ELC untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pembelajaran Kesejahteraan Sosial, Fakulti Keselamatan Sosial telah ditubuhkan sebagai medium pembelajaran dan bimbingan kepada anggota KWSP khususnya, serta rakyat Malaysia amnya, untuk meningkatkan kefahaman berkenaan dasar keselamatan sosial negara dan pengurusan kewangan yang lebih cekap

dan teratur. Kami turut mengetengahkan keupayaan untuk mencakna pemikiran yang kritis dalam pembangunan program pembelajaran kami, selaras dengan usaha-usaha KWSP untuk kekal relevan pada masa hadapan. Keupayaan ini diterapkan dalam program tahunan KFAIR 2019 yang dianjurkan pada bulan Oktober. Program yang bertemakan *'Brave New World: Staying True to Our Core'* ini adalah bertujuan mempersiapkan anggota dengan keupayaan dan pengetahuan ketika mengharungi cabaran dalam dunia yang sentiasa berubah.

Sementara itu, kolaborasi strategik juga dilaksanakan bersama organisasi tempatan seperti Kwasa Land Sdn. Bhd. dalam bidang kepimpinan, dan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK),

dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk program pembangunan polisi khususnya dalam bidang keselamatan sosial. ELC turut menjadi pilihan beberapa organisasi antarabangsa untuk menjalinkan kolaborasi strategik yang merangkumi program seperti *International Training Centre (ITC) – ILO For Policy Making Program dan Behavioral Insight for Policy Making*.

Pada masa akan datang, ELC akan memperkukuh operasi secara menyeluruh menerusi kolaborasi yang boleh meningkatkan kepakaran dalam bidang keselamatan sosial, dan menyediakan anggota ELC dengan kompetensi yang mencukupi dan corak pemikiran yang mantap untuk terus berkembang dalam bidang Pembelajaran dan Pembangunan, serta mengambil pendekatan secara digital untuk memberi pengalaman pelanggan yang lebih baik.



## MENINGKATKAN KESEDARAN MELALUI KOMUNIKASI BERKESAN

Dalam persekitaran yang semakin kompleks yang mempengaruhi keputusan dan hasil perniagaan, KWSP peka akan keperluan mendesak untuk membantu ahli menerima realiti baharu ini. Untuk memaklumkan kepada ahli mengenai inisiatif KWSP dan hasilnya kepada mereka, kami telah berubah daripada menggunakan pendekatan paternalistik kepada pendekatan yang lebih kolaboratif dan interaktif.

Dengan ini, KWSP memanfaatkan media sejagat yang lebih meluas merangkumi media sosial dan media digital, dan media massa tradisional, untuk berhubung dengan ahli dan majikan yang terdiri daripada pelbagai kategori dan generasi. Di samping terus melindungi dana persaraan ahli, kami juga ingin berkomunikasi dengan semua rakyat Malaysia tentang kepentingan kesejahteraan sosial dan literasi kewangan dalam menjamin kesejahteraan hidup semasa hari tua.

Kami turut mempersiapkan anggota KWSP untuk mendepani persekitaran yang semakin kompleks yang akan memberi kesan ke atas pelaburan dan operasi kami. Portal anggota yang baru dikemas kini (Infoklik), e-mel bermaklumat, sesi perbincangan tidak formal, dan perjumpaan bersama anggota (*townhall*) diadakan untuk memastikan anggota sentiasa maklum mengenai perkembangan dan dasar terkini yang melibatkan operasi KWSP. Sebagai wakil kepada organisasi, anggota KWSP memainkan peranan penting dalam memberikan jaminan kepada ahli dan masyarakat umum mengenai transformasi yang giat dilaksanakan oleh KWSP.

## MENINGKATKAN KEMAHIRAN WARGA KWSP

Oleh kerana anggota kami di teras KWSP, kami giat melaksanakan usaha untuk memupuk dan mengekalkan bakat terbaik bagi memastikan kesejahteraan dan kemajuan kerjaya mereka yang berterusan dalam keluarga korporat kami. Di samping pelbagai usaha untuk memastikan tahap pembabitan anggota dikekalkan, KWSP

juga mempunyai inisiatif khusus demi memberikan yang terbaik kepada anggota kami.

Program *Trailblazers* yang sebelumnya dikenali sebagai Program Pemacu Pembangunan (*Accelerated Development Programme*), membantu kami untuk mengenal pasti bakat dengan prestasi terbaik dalam organisasi. Mereka ini diberi latihan intensif bercorak *bootcamp* dengan pendedahan kepada aspek-aspek kepimpinan dan strategi. *Trailblazers* 2019 juga mengambil pendekatan baharu berdasarkan siri latihan *Shark Tank* untuk melengkapkan bakal pemimpin kami dengan kemahiran era digital seperti pembangunan *use-case*, *prototyping*, dan *pitching*.

Jabatan *People Matters* kami juga menganjurkan *Future-Fit* 2019 yang merupakan sesi kepimpinan pemikiran dalaman untuk manfaat anggota kami. Program dua hari yang bertemakan *Leadership Next: Digital Frontrunner* itu merupakan satu kejayaan kepada organisasi dengan penyertaan lebih 200 peserta. Program ini dirangka untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kompetensi digital yang penting seperti pemasaran digital, strategi media sosial, dan analitik data, yang boleh meningkatkan kepercayaan dan pengalaman pelanggan.

Beberapa penceramah terkemuka dijemput untuk berkongsi buah fikiran dan pengalaman mereka, termasuk Sharala Axyrd, pengasas Centre for Applied Data Science (*CADS*); Joel Neoh, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Fave; Francesca Chia, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif GoGet; Datuk Jake Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Astro Radio; dan Nadhir Ashafiq, pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif theLorry.com.

## MEMACU STRATEGI UNTUK TINDAKAN PELAKSANAAN

Untuk memudahkan pelaksanaan E3YRP, Mesyuarat Strategi Lembaga KWSP 2019 (BSM2019) diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Mesyuarat tersebut membincangkan masa depan KWSP, cabaran utama kami, dan

strategi untuk melangkah maju ke hadapan. BSM2019 juga merupakan kali pertama Lembaga KWSP, Panel Pelaburan, dan Jawatankuasa Penasihat Syariah bertemu dalam satu mesyuarat bersama pihak Pengurusan. Lembaga KWSP juga telah mencadangkan agar mesyuarat ini diadakan dua kali setahun.

Oleh kerana terdapat perubahan dalam barisan pengurusan pada tahun 2019, kami juga menganjurkan *Retreat* Pengurusan 2019 (MR2019) di Langkawi, Kedah untuk menyelaraskan jangkaan setiap individu di samping memupuk hubungan kerja dan pemahaman yang lebih baik dalam barisan pengurusan ke arah mencapai matlamat bersama.

Sorotan utama MR2019 ialah pembentangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif berhubung status KWSP dari segi operasi, pelaburan, teknologi digital serta strategi. *Retreat* ini yang dihadiri lebih 95% daripada pihak Pengurusan telah melakarkan hala tuju KWSP demi menyediakan masa depan yang lebih baik untuk ahli.

Untuk mendekati 5,842 anggota kami di seluruh negara, KWSP telah mengadakan 10 sesi *Townhall* Bersama Ketua Pegawai Eksekutif, 20 *roadshow*, dan pelbagai mesyuarat pengurusan di peringkat negeri dan wilayah. Bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan, kami juga memanfaatkan modul pembelajaran dalam talian dengan meluas, di samping sentiasa membuat makluman kepada anggota melalui saluran komunikasi dalaman kami.

Akhirnya, adalah semakin jelas bahawa perspektif umum berkenaan keselamatan sosial yang mentakrifkannya sebagai jumlah simpanan persaraan yang mencukupi merupakan satu tanggapan yang sempit. Maka, ketika kami melangkah ke dekad baharu, KWSP akan memperluas pengertian persaraan yang bukan sahaja sebagai satu sasaran kewangan semata-mata, tetapi juga sebagai cara ahli boleh menjalani kehidupan yang mampan ketika mereka menghampiri tempoh persaraan.

# KEWANGAN

Ringkasan Kewangan dan Analisis	117
Laporan Ketua Audit Negara	120
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Selaku Pemegang Amanah	124
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	125
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019	126
Penyata Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	128
Penyata Perubahan dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	132
Penyata Perubahan dalam Ekuiti bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	134
Penyata-penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	135
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	138
Hartanah KWSP di Malaysia	321
Glosari	322

# RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

## KEPUTUSAN KEWANGAN

### Pendapatan Pelaburan Kasar

KWSP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM39.20 bilion, RM5.99 bilion atau 18% lebih tinggi berbanding RM33.21 bilion yang dicatatkan pada 2018. Daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar ini, RM21.60 bilion atau 55% adalah dari Faedah dan Keuntungan Dari Pelaburan, RM12.41 bilion atau 32% adalah dari Dividen Dari Pelaburan, RM3.13 bilion atau 8% adalah dari Keuntungan Modal atas Penjualan Pelaburan dan RM2.06 bilion atau 5% adalah dari Lain-lain Pendapatan Pelaburan.

Sebagai tabung simpanan persaraan yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan modal simpanan ahli, pendapatan pelaburan KWSP bergantung kepada aliran yang mantap dan konsisten dari Faedah dan Keuntungan Dari Pelaburannya, di mana pada 2019, ianya berjumlah RM21.60 bilion; pertumbuhan sebanyak RM1.58 bilion atau 8% berbanding RM20.02 bilion yang dicatatkan pada tahun 2018. Pelaburan KWSP juga memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang membayar dividen yang stabil, di mana pada 2019, telah menyumbangkan RM12.41 bilion kepada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar, peningkatan sebanyak 4% berbanding jumlah yang dicatatkan pada tahun 2018. Pertumbuhan pendapatan pelaburan daripada faedah, keuntungan dan dividen adalah sejajar dengan pertumbuhan aset KWSP.

Keuntungan Modal atas Penjualan Pelaburan meningkat sebanyak lebih daripada 100% atau RM1.75 bilion berbanding jumlah yang dicatatkan pada tahun 2018. Peningkatan ini disumbang oleh peningkatan keuntungan modal portfolio instrumen berpendapatan tetap, daripada aset pelaburan yang dinilai pada Kos Terlunas dan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain, disebabkan oleh penurunan kadar pulangan

di seluruh dunia terutamanya di Amerika Syarikat dan Malaysia.

Pada 2019, disebabkan pergerakan Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing, pelaburan KWSP mencatatkan Kerugian Bersih atas Tukaran Mata Wang Asing Nyata sebanyak RM241.80 juta dan Kerugian Bersih atas Tukaran Mata Wang Asing Tidak Nyata sebanyak RM178.33 juta. Jumlah kedua-duanya adalah Kerugian Bersih atas Tukaran Mata Wang Asing sebanyak RM420.13 juta dan ini mewakili hanya -1% daripada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar yang dicatatkan pada 2019.

Bagi aset pelaburan KWSP yang dinilai pada Nilai Saksama melalui Untung Rugi, KWSP mencatatkan Keuntungan Bersih Nyata sebanyak RM1.04 bilion dan Keuntungan Bersih Tidak Nyata sebanyak RM1.30 bilion. Jumlah kedua-duanya sebanyak RM2.34 bilion mewakili 6% daripada jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar dan disumbangkan oleh penambahbaikan nilai *mark-to-market* aset pelaburan.

Dari segi pecahan di antara Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah untuk Pendapatan Pelaburan Kasar, RM35.59 bilion adalah disumbangkan oleh Simpanan Konvensional manakala baki RM3.61 bilion oleh Simpanan Syariah.

### Pendapatan Lain

Pendapatan lain menurun sebanyak 10% kepada RM170.92 juta daripada RM189.65 juta pada 2018. Penurunan yang ketara adalah disebabkan oleh keuntungan atas penjualan Hartanah KWSP pada tahun 2018 yang tinggi berbanding tahun semasa. Penurunan ini juga disumbangkan oleh Dividen terkumpul yang dikutip daripada majikan disebabkan pembayaran lewat iaitu sebanyak RM3.27 juta. Kenaikan bagi Lain-lain Pendapatan sebanyak RM5.81 juta terutamanya oleh penerimaan pembayaran

balik insurans untuk bangunan KWSP Petaling Jaya sebanyak RM5.50 juta.

### Perbelanjaan Operasi

Pada 2019, Perbelanjaan Operasi KWSP menurun sebanyak 3% kepada RM1,367.95 juta berbanding RM1,410.90 juta pada 2018. Penyumbang utama kepada penurunan ini ialah Kos Staf yang menurun sebanyak RM106.76 juta yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran kepada Pelan Peralihan Kerjaya 2.0 (CTP) yang berjumlah RM115.00 juta. Sementara itu, peningkatan dalam Kos Manfaat Pekerja sebanyak RM51.40 juta yang disebabkan oleh semakan ke atas peruntukan bagi kos perubatan dan gratuiti kepada pesara untuk CTP yang mana ianya mengimbangi penurunan tersebut.

### Gaji, Elaun dan Kos Staf

Kos Staf menurun sebanyak 9% kepada RM1,031.47 juta berbanding RM1,138.23 juta pada 2018 disebabkan oleh pembayaran kepada 269 staf yang mengambil Pelan Peralihan Kerjaya 2.0 (CTP) berjumlah RM115.00 juta pada 2018. Penurunan ini diimbangi dengan peningkatan kesan daripada kenaikan gaji tahunan, kos latihan serta pembelanjaan perubatan.

### Susut Nilai dan Pelunasan

Susut nilai dan pelunasan merangkumi susut nilai dalam hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, aset hak atas penggunaan, pelunasan aset tak ketara serta pelunasan prabayaran tanah milik pajak. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, susut nilai dan pelunasan menaik sebanyak 9% kepada RM96.40 juta, berbanding RM88.87 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan penambahan susut nilai atas aset hak atas penggunaan sebanyak RM8.53 juta selaras dengan implementasi MFRS 16 Pajak pada tahun 2019.

## RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

### Kos Pembaikan dan Penyelenggaraan

Kos pembaikan dan penyelenggaraan termasuk menyelenggara peralatan komputer, bangunan serta kos pembersihan dan juga caj utiliti. Untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019, kos pembaikan dan penyelenggaraan meningkat sebanyak 2% kepada RM88.64 juta, berbanding RM86.92 juta pada tahun sebelumnya. Faktor utama peningkatan disebabkan kenaikan kos pembaikan dan penyelenggaraan untuk peralatan komputer sebanyak RM4.03 juta dan kos pembaikan dan penyelenggaraan pembekalan barang utiliti bangunan atas pemilikan dan penyewaan premis sebanyak RM0.85 juta. Manakala, kos pembaikan dan penyelenggaraan untuk peralatan elektrik dan loji, bangunan dan mesin menurun masing-masing sebanyak RM2.22 juta dan RM1.09 juta yang mengimbangi peningkatan ini.

### Caj Berkanun

Caj berkanun merangkumi bayaran Bantuan Kematian dan Bantuan Hilang Upaya kepada waris dan ahli masing-masing di bawah Seksyen 58(1) dan 58(2) termasuk Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) dalam Akta KWSP, 1991 yang telah diiktiraf pada tahun tersebut. Penurunan 2% kepada RM71.05 juta berbanding RM72.40 juta pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh penurunan bayaran Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3) dalam Akta KWSP, 1991 dalam tahun 2019 berjumlah RM4.08 juta berbanding tahun 2018.

### Keuntungan Bersih Boleh Diagih kepada Ahli

KWSP mencatatkan keuntungan bersih boleh diagih kepada ahli berjumlah RM36.78 bilion yang disumbangkan oleh Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah masing-masing berjumlah RM33.54 bilion dan RM3.24 bilion. Nisbah-nisbah yang digunakan di dalam pengiraan adalah seperti berikut:

#### Nisbah Simpanan Ahli (MSR)

# 9.79%

#### Nisbah Pendapatan Syariah (SIR)

# 25.02%

#### Nisbah Aset Syariah (SAR)

# 39.07%

#### Nisbah Pilihan Masuk (OIR)

# 0.44%

## KEDUDUKAN KEWANGAN

### Aset Pelaburan

Setakat 31 Disember 2019, nilai Aset Pelaburan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain berjumlah RM434.13 bilion atau 48% daripada jumlah aset pelaburan, meningkat sebanyak RM59.72 bilion atau 16% berbanding tahun 2018. Aset Pelaburan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain, yang sebahagian besarnya terdiri daripada pelaburan dalam ekuiti tersenarai, terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM248.94 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM185.19 bilion.


Bagi pendedahan KWSP kepada aset yang menjana pendapatan dan berisiko rendah, iaitu Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan masing-masing berjumlah RM305.19 bilion atau 34% dan RM59.52 bilion atau 6%. Bagi Aset Pelaburan pada Kos Terlunas pecahan antara Aset Konvensional dan Syariah adalah masing-masing berjumlah RM191.50 bilion dan RM113.69 bilion manakala untuk Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, pecahan Aset Konvensional dan Syariah adalah masing-masing berjumlah RM52.18 bilion dan RM7.34 bilion.

Pada tahun 2019, suntikan tambahan juga dibuat ke dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama terutamanya ke dalam kelas aset berkaitan inflasi asing. Secara kumulatif, pegangan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama masing-masing berjumlah RM39.12 bilion atau 4% daripada jumlah aset pelaburan, peningkatan sebanyak RM2.62 bilion atau 7% daripada RM36.50 bilion pada 2018. Jumlahnya terdiri daripada Aset Konvensional berjumlah RM33.05 bilion dan Aset Syariah berjumlah RM6.07 bilion.

Terdapat peningkatan sebanyak 30% atau RM12.69 bilion dalam Deposit dengan Institusi Kewangan yang membawa jumlah kepada RM54.70 bilion atau 6% daripada jumlah Aset Pelaburan KWSP.

Selain itu, Lain-Lain Aset Pelaburan adalah Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, Hartanah Pelaburan dan Aset Dipegang Untuk Jualan dimana masing-masing berjumlah RM16.40 bilion, RM1.16 bilion dan RM 0.07 bilion.

## RINGKASAN KEWANGAN DAN ANALISIS

**Liabiliti**

Jumlah liabiliti menurun sebanyak 29% kepada RM3.01 bilion daripada RM4.23 bilion pada tahun 2018, sebahagian besar disebabkan oleh kontrak tukaran mata wang hadapan telah mencapai tahap matang pada tahun 2019 dan penurunan akrual ke atas pembelian instrumen pelaburan pada akhir tahun.

**Pemiutang dan Liabiliti Terakru**

Setakat 31 Disember 2019, pemiutang dan liabiliti terakru KWSP sebanyak RM2.04 bilion adalah lebih rendah sebanyak 26% berbanding RM2.75 bilion pada 31 Disember 2018. Sebahagian besar penurunan disebabkan oleh pengurangan pembelian instrumen ekuiti global dan domestik pada akhir tahun.

**Caruman**

Setakat 31 Disember 2019, caruman terkumpul mencecah RM916.59 bilion menunjukkan peningkatan 9% atau RM76.95 bilion, daripada baki penutup RM839.64 bilion tahun 2018. Simpanan Konvensional

merekodkan caruman terkumpul berjumlah RM827.39 bilion manakala Simpanan Syariah pula berjumlah RM89.20 bilion. Simpanan terkumpul ahli dalam Akaun Caruman seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, mencatatkan pertumbuhan berikutan caruman daripada majikan melebihi jumlah pengeluaran yang dibayar kepada ahli dan waris. Ini menyebabkan aliran masuk tunai bersih yang konsisten sepanjang tahun.

**Kutipan Caruman pada Tahun Semasa**

Pada 2019, sejumlah RM72.81 bilion telah dikutip daripada majikan, berbanding RM68.73 bilion pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM4.08 bilion atau 6%, sejajar dengan kenaikan jumlah ahli yang aktif. Secara purata, kira-kira RM6.07 bilion telah dikutip setiap bulan pada 2019.

**Pengeluaran dan Pengembalian Caruman pada Tahun Semasa**

Jumlah pengeluaran dan pengembalian tahun 2019 berjumlah RM44.80 bilion terdiri daripada RM37.57 bilion untuk Simpanan Konvensional manakala Simpanan Syariah

berjumlah RM7.23 bilion, berbanding RM47.62 bilion pada tahun sebelum. Jumlah ini menunjukkan penurunan RM2.82 bilion atau 6%, sebahagian besar adalah daripada Skim Pelaburan Simpanan Ahli KWSP. Maklumat lanjut mengenai pengeluaran disediakan pada ruangan Statistik dalam Laporan Tahunan ini. Secara purata, kira-kira RM3.73 bilion telah dibayar kepada ahli dan waris setiap bulan pada tahun semasa.

**Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli**

Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli adalah sebanyak RM8.30 bilion setakat pada 31 Disember 2019, merangkumi RM1.59 bilion dalam Lebihan Kumulatif dan RM6.71 bilion dalam Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.63 bilion, atau lebih daripada 100%, daripada Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli sebanyak -RM7.33 bilion pada tahun 2018, selari dengan peningkatan baki dalam Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain setakat pada 31 Disember 2019 disebabkan peningkatan dalam prestasi pasaran stok.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Aset Bersih Boleh Diagih Kepada Ahli dan Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

## **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Saya juga telah memaklumkan Lembaga bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 40 dalam penyata kewangan.

### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga berdasarkan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
5 OKTOBER 2020



# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA SELAKU PEMEGANG AMANAH

Kami, **TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR** dan **KHALID BIN SUFAT** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga, selaku wakil Pemegang Amanah kepada **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR**  
GELARAN : PENERUSI KWSP  
TARIKH : 5 OKTOBER 2020  
TEMPAT : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **KHALID BIN SUFAT**  
GELARAN : AHLI LEMBAGA KWSP  
TARIKH : 5 OKTOBER 2020  
TEMPAT : KUALA LUMPUR

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Saya, **SAZALIZA BIN ZAINUDDIN**, selaku wakil Pemegang Amanah dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA** dengan ikhlasnya mengaku bahawa Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan ]  
sesungguhnya diakui ]  
oleh penama di atas di ]  
KUALA LUMPUR ]  
pada 5 OKTOBER 2020 ]



SAZALIZA BIN ZAINUDDIN

Di hadapan saya



PESURUHJAYA SUMPAH

No. 86, Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN		
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 1 JANUARI 2018 (RM'000)
<b>ASET</b>				
Baki Bank dan Wang Tunai		<b>16,914,803</b>	14,892,306	21,755,804
Deposit dengan Institusi Kewangan	3	<b>57,117,886</b>	46,385,338	36,077,790
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	4	<b>3,734,695</b>	3,414,366	3,608,729
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	5	<b>94,816,688</b>	93,678,506	85,337,988
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>17,368,522</b>	16,967,147	23,086,171
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprensif Lain	7	<b>447,381,972</b>	381,579,319	385,752,528
Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	8	<b>304,326,067</b>	291,154,477	270,270,319
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama	9	<b>3,352,289</b>	2,965,158	3,080,190
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	10	<b>16,822,850</b>	15,595,301	16,662,724
Aset Dipegang untuk Jualan	12	<b>662,200</b>	66,583	213,425
Inventori	13	<b>3,116,443</b>	3,140,136	1,759,360
Prabayaran Tanah Milik Pajak	14	-	52,440	55,285
Aset Tak Ketara	15	<b>318,406</b>	292,339	35,362
Hartanah Pelaburan	16	<b>23,930,684</b>	23,514,203	23,218,301
Aset Hak atas Penggunaan	17	<b>273,781</b>	-	-
Hartanah, Loji dan Peralatan	18	<b>566,392</b>	555,404	402,094
Aset Cukai Tertunda	19	<b>65,235</b>	41,240	41,459
		<b>990,768,913</b>	894,294,263	871,357,529
<b>EKUITI</b>				
Kepentingan Tak Kawal		<b>3,634,717</b>	3,444,215	3,093,629
<b>LIABILITI</b>				
Pemiutang Pengeluaran Caruman		<b>16,126</b>	15,511	16,991
Pemiutang dan Liabiliti Terakru	20	<b>4,828,799</b>	5,884,583	5,255,702
Deposit dan Pendahuluan	21	<b>34,398,206</b>	32,183,025	33,000,453
Liabiliti Pajakan	17	<b>503,153</b>	-	-
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	<b>371,880</b>	992,789	492,121
Pinjaman dan Overdraf	22	<b>18,126,680</b>	15,827,980	15,636,116
Peruntukan Cukai		<b>26,408</b>	63,561	50,495
Manfaat Pekerja	23	<b>346,114</b>	321,810	341,714
Liabiliti Cukai Tertunda	19	<b>225,342</b>	80,168	31,830
		<b>58,842,708</b>	55,369,427	54,825,422
<b>Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>				
Caruman		<b>916,586,744</b>	839,642,921	768,508,567
Lebihan Kumulatif dan Rizab		<b>11,704,744</b>	(4,162,300)	44,929,911
	24	<b>928,291,488</b>	835,480,621	813,438,478
		<b>990,768,913</b>	894,294,263	871,357,529

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2019

	Nota	KWSP		
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 1 JANUARI 2018 (RM'000)
<b>ASET</b>				
Baki Bank dan Wang Tunai		14,668,712	12,167,214	18,938,977
Deposit dengan Institusi Kewangan	3	54,701,006	42,011,917	27,619,830
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	4	2,324,529	1,626,967	2,477,335
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	5	59,769,327	59,378,178	61,851,753
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	16,398,018	16,407,036	13,037,988
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	7	434,132,954	374,405,679	382,057,883
Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	8	305,190,360	292,486,626	270,779,049
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama	9	1,666,000	1,666,000	1,666,000
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	10	11,259,846	11,052,696	11,044,130
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	11	26,195,205	23,781,586	22,069,350
Aset Dipegang untuk Jualan	12	75,666	66,389	265,985
Prabayaran Tanah Milik Pajak	14	-	47,178	49,862
Aset Tak Ketara	15	29,818	26,957	20,731
Hartanah Pelaburan	16	1,157,023	1,194,154	1,287,196
Aset Hak atas Penggunaan	17	105,374	-	-
Hartanah, Loji dan Peralatan	18	221,092	223,612	226,277
		<b>927,894,930</b>	836,542,189	813,392,346
<b>LIABILITI</b>				
Pemiutang Pengeluaran Caruman		16,126	15,511	16,991
Pemiutang dan Liabiliti Terakru	20	2,043,029	2,753,654	2,139,722
Deposit dan Pendahuluan	21	297,151	241,758	209,896
Liabiliti Pajak	17	60,523	-	-
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	6	249,901	899,050	317,689
Manfaat Pekerja	23	346,114	321,810	341,714
		<b>3,012,844</b>	4,231,783	3,026,012
<b>Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>				
Caruman		916,586,744	839,642,921	768,508,567
Lebihan Kumulatif dan Rizab		8,295,342	(7,332,515)	41,857,767
	24	<b>924,882,086</b>	832,310,406	810,366,334
		<b>927,894,930</b>	836,542,189	813,392,346

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN	
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan Pelaburan Kasar	25	41,262,777	37,163,619
Perbelanjaan Pelaburan	26	(1,529,052)	(1,361,670)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan Pelaburan	27	(132,074)	(41,842)
Rosot Nilai Dicitat Semula/(Rosot Nilai) Bersih atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Usaha Sama	28	5,082	(14,008)
Pendapatan Pelaburan Bersih		39,606,733	35,746,099
Lain-lain Pendapatan	29	239,336	966,709
<b>Jumlah Pendapatan</b>		39,846,069	36,712,808
Perbelanjaan Operasi	30	(4,394,852)	(4,773,862)
Caj Berkanun	31	(71,050)	(72,396)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		(4,465,902)	(4,846,258)
<b>Keuntungan Bersih</b>		35,380,167	31,866,550
Perkongsian Keuntungan/(Kerugian) dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		858,396	(90,629)
Keuntungan Bersih sebelum Cukai dan Zakat		36,238,563	31,775,921
Cukai dan Zakat	32	(312,420)	(312,354)
<b>Keuntungan Bersih selepas Cukai dan Zakat</b>		35,926,143	31,463,567
<b>Keuntungan Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>	24.2	(35,673,812)	(31,536,579)
Keuntungan/(Kerugian) bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)		252,331	(73,012)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN	
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)
<b>Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain:</b>			
<b>Item tidak akan diklasifikasikan semula ke Untung atau Rugi</b>			
Pelarasan Manfaat Pekerja untuk Tahun Kewangan Semasa	23	-	(3,879)
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.3	<b>10,310,879</b>	(49,801,894)
Pendapatan Tidak Patuh Syariah bagi Lebihan Keuntungan daripada Pengkelasan Semula Sekuriti daripada Syariah kepada Konvensional	33.4	<b>1,592</b>	10,410
Keuntungan Nyata Bersih terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.2	<b>11,705,457</b>	18,214,809
Cukai Pendapatan Dibayar Berkaitan Pelaburan Global	24.2	<b>(118,305)</b>	(247,340)
		<b>21,899,623</b>	(31,827,894)
<b>Item akan atau mungkin diklasifikasikan semula ke Untung atau Rugi</b>			
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.3	<b>3,632,781</b>	(2,280,693)
Perubahan pada Nilai Saksama bagi Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula ke Untung atau Rugi atas Penjualan		<b>(57,246)</b>	1,925,528
Elaun Rosot Nilai terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		<b>(14,258)</b>	132,867
Perbezaan Tukaran Mata Wang Asing		<b>502,973</b>	(567,556)
Pergerakan Bersih atas Nilai Derivatif untuk Lindung Nilai Aliran Tunai		<b>(30,715)</b>	52,229
Perkongsian Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain daripada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>399,069</b>	(333,450)
		<b>4,432,604</b>	(1,071,075)
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain sebelum Diagih kepada Ahli</b>		<b>26,332,227</b>	(32,898,969)
<b>Amaun Boleh Diagih kepada Ahli</b>		<b>(26,294,225)</b>	32,885,131
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)		<b>38,002</b>	(13,838)
<b>Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif bagi Kumpulan (Bahagian Kepentingan Tak Kawal)</b>		<b>290,333</b>	(86,850)

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KWSP	
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan Pelaburan Kasar	25	<b>39,197,556</b>	33,210,866
Perbelanjaan Pelaburan	26	<b>(1,064,404)</b>	(987,518)
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan Pelaburan	27	<b>(50,899)</b>	6,597
Rosot Nilai Bersih atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu, dan Usaha Sama	28	<b>(37,882)</b>	(32,981)
Pendapatan Pelaburan Bersih		<b>38,044,371</b>	32,196,964
Lain-lain Pendapatan	29	<b>170,918</b>	189,651
<b>Jumlah Pendapatan</b>		<b>38,215,289</b>	32,386,615
Perbelanjaan Operasi	30	<b>(1,367,954)</b>	(1,410,902)
Caj Berkanun	31	<b>(71,050)</b>	(72,396)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(1,439,004)</b>	(1,483,298)
<b>Keuntungan Bersih Boleh Diagih kepada Ahli</b>	24.2	<b>36,776,285</b>	30,903,317

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KWSP	
		31 DISEMBER 2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 31 DISEMBER 2018 (RM'000)
<b>Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain:</b>			
<b>Item tidak akan diklasifikasikan semula ke Untung atau Rugi</b>			
Pelarasan Manfaat Pekerja untuk Tahun Kewangan Semasa	23	-	(3,879)
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.3	<b>9,962,465</b>	(50,165,173)
Pendapatan Tidak Patuh Syariah bagi Lebihan Keuntungan daripada Pengkelasan Semula Sekuriti daripada Syariah kepada Konvensional	33.4	<b>1,592</b>	10,410
Keuntungan Nyata Bersih terhadap Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.2	<b>11,705,457</b>	18,214,809
Cukai Pendapatan Dibayar Berkaitan Pelaburan Global	24.2	<b>(118,305)</b>	(247,340)
		<b>21,551,209</b>	(32,191,173)
<b>Item akan atau mungkin diklasifikasikan semula ke Untung atau Rugi</b>			
Keuntungan/(Kerugian) Tidak Nyata Bersih atas Penilaian Semula Nilai Saksama terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.3	<b>3,633,635</b>	(2,297,962)
Perubahan pada Nilai Saksama bagi Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain Diklasifikasikan Semula ke Untung atau Rugi atas Penjualan	24.3	<b>(201,610)</b>	1,925,528
Elaun Rosot Nilai terhadap Pelaburan dalam Instrumen Hutang pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	24.3	<b>(14,088)</b>	132,867
		<b>3,417,937</b>	(239,567)
Jumlah Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain Boleh Diagih kepada Ahli		<b>24,969,146</b>	(32,430,740)
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli		<b>61,745,431</b>	(1,527,423)

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH BOLEH DIAGIH KEPADA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN	
		2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 2018 (RM'000)
Pada 1 Januari	a	<b>835,480,621</b>	813,438,478
<b>Tambah/(Tolak):</b>			
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli		<b>61,968,037</b>	(1,348,552)
Terimaan dan Pelarasan Caruman untuk Tahun Kewangan Semasa		<b>75,928,078</b>	71,466,971
Pengeluaran dan Pengembalian Caruman		<b>(44,803,394)</b>	(47,620,251)
Dividen ke atas Pengeluaran Caruman		<b>(294,694)</b>	(344,345)
Pelarasan Kes-kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) dan Akaun Rejek		<b>(3,741)</b>	(30,880)
Pergerakan Aset Bersih daripada Perubahan Pegangan Ekuiti di dalam Syarikat Subsidiari		<b>16,581</b>	(51,705)
Pergerakan dalam Rizab Lain Syarikat Subsidiari		-	(29,095)
<b>Pada 31 Disember</b>	a, 24	<b>928,291,488</b>	835,480,621

- a. Baki aset bersih boleh diagih kepada ahli setakat 1 Januari 2018 berjumlah RM813,438.48 juta adalah jumlah selepas pelaksanaan MFRS 9 pada 1 Januari 2018. Sebelum MFRS 9 dilaksanakan, baki penutup aset bersih boleh diagih kepada ahli setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM814,321.39 juta.

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

## PENYATA PERUBAHAN DALAM ASET BERSIH BOLEH DIAGIH KEPADA AHLI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KWSP	
		2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 2018 (RM'000)
Pada 1 Januari	a	832,310,406	810,366,334
<b>Tambah/(Tolak):</b>			
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli		61,745,431	(1,527,423)
Terimaan dan Pelarasan Caruman untuk Tahun Kewangan Semasa		75,928,078	71,466,971
Pengeluaran dan Pengembalian Caruman		(44,803,394)	(47,620,251)
Dividen ke atas Pengeluaran Caruman		(294,694)	(344,345)
Pelarasan Kes-kes Caruman Tanpa Maklumat Lengkap (CTML) dan Akaun Rejek		(3,741)	(30,880)
<b>Pada 31 Disember</b>	a,24	<b>924,882,086</b>	832,310,406

- a. Baki aset bersih boleh diagih kepada ahli setakat 1 Januari 2018 berjumlah RM810,366.33 juta adalah jumlah selepas pelaksanaan MFRS 9 pada 1 Januari 2018. Sebelum MFRS 9 dilaksanakan, baki penutup aset bersih boleh diagih kepada ahli setakat 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM810,399.33 juta.

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	KUMPULAN	
	2019 (RM'000)	DINYATAKAN SEMULA 2018 (RM'000)
Pada 1 Januari	<b>3,444,215</b>	3,093,629
<b>Tambah/(Tolak):</b>		
Tambahan/(Kurangan) dalam Aset Bersih Bahagian untuk Kepentingan Tak Kawal	<b>290,333</b>	(86,850)
Pergerakan Aset Bersih daripada Perubahan Pegangan Ekuiti di dalam Syarikat Subsidiari	<b>47,878</b>	577,595
Dividen Dikreditkan kepada Kepentingan Tak Kawal	<b>(147,709)</b>	(140,159)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>3,634,717</b>	3,444,215

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		DINYATAKAN SEMULA	DINYATAKAN SEMULA	DINYATAKAN SEMULA	DINYATAKAN SEMULA
		2019 (RM'000)	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>					
Keuntungan Bersih sebelum Cukai dan Zakat		<b>36,238,563</b>	31,775,921	<b>36,776,285</b>	30,903,317
Pelarasan untuk:					
Perkongsian (Keuntungan)/Kerugian dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>(858,396)</b>	90,629	-	-
Kerugian Tidak Nyata Bersih atas Tukaran Mata Wang Asing	25	<b>776,904</b>	165,254	<b>178,327</b>	128,540
Keuntungan Tidak Nyata Bersih dari Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	25	<b>(1,599,256)</b>	(1,094,044)	<b>(1,301,073)</b>	(183,309)
Rosot Nilai Bersih atas Deposit dengan Institusi Kewangan	27	<b>(165)</b>	205	<b>619</b>	(139)
Rosot Nilai Bersih atas Penghutang Sewa	27	<b>20</b>	(2,373)	<b>20</b>	(2,373)
Rosot Nilai Bersih atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	27	<b>80,646</b>	177,449	<b>(24,641)</b>	23,426
Rosot Nilai Bersih atas Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	27	<b>13,453</b>	23,016	<b>13,621</b>	27,375
Rosot Nilai Bersih atas Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	27	<b>67,851</b>	(54,250)	<b>61,280</b>	(54,886)
Rosot Nilai Bersih atas Komitmen dan Kontingensi	20,27	<b>(29,731)</b>	(102,205)	-	-
Rosot Nilai Bersih atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Usaha Sama	28	<b>(5,082)</b>	14,008	<b>37,882</b>	32,981
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah-Ditarik Balik	29	<b>(7,109)</b>	-	-	-
Kerugian/(Keuntungan) atas Pelupusan Aset Dipegang untuk Jualan	29	<b>4</b>	(13,464)	-	(21,557)
Kerugian atas Pelupusan Aset Hak atas Penggunaan	29	<b>3,938</b>	-	-	-
Keuntungan atas Pelupusan Hartanah Pelaburan	29	-	(642,288)	-	-
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	29	<b>842</b>	148	<b>842</b>	148
Manfaat Pekerja	23,30	<b>38,178</b>	(13,220)	<b>38,178</b>	(13,220)
Pelunasan Prabayaran Tanah Milik Pajak	14,30	-	659	-	498
Pelunasan Aset Tak Ketara	15,30	<b>36,992</b>	47,837	<b>12,782</b>	14,753
Susut Nilai Hartanah Pelaburan	16,30	<b>321,770</b>	793,145	<b>35,581</b>	35,536
Susut Nilai Aset Hak atas Penggunaan	17a,30	<b>17,882</b>	-	<b>8,534</b>	-
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	18,30	<b>50,226</b>	60,936	<b>39,503</b>	38,085
Rosot Nilai Bersih atas Hartanah Pelaburan	16,30	<b>(8,334)</b>	2,057	-	(6,497)
Rosot Nilai Bersih atas Penghutang Pelbagai	30	<b>72,225</b>	52,845	<b>(161)</b>	563
Hapus Kira/Kerugian Bersih	30	<b>115</b>	84	<b>59</b>	84
Pelarasan daripada Akaun Kerja dalam Pembinaan ke Penyata Untung atau Rugi	18	<b>14,223</b>	15,428	<b>14,223</b>	15,428
Pendapatan Dividen dari Syarikat Subsidiari		-	-	<b>(766,478)</b>	(1,087,029)
Pendapatan Dividen dari Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		<b>(237,670)</b>	(220,500)	<b>(693,317)</b>	(609,005)
Pendapatan Faedah dari Aset Kewangan		<b>(24,121,523)</b>	(22,230,683)	<b>(21,602,690)</b>	(20,022,313)
Belanja Keuntungan atas Liabiliti Pajak	17b,30	<b>12,228</b>	-	<b>2,468</b>	-
Pelunasan Kos Perolehan Pinjaman		<b>16,973</b>	18,618	-	-
		<b>10,895,767</b>	8,865,212	<b>12,831,844</b>	9,220,406

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

**PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	KUMPULAN		KWSP	
	DINYATAKAN SEMULA		DINYATAKAN SEMULA	
Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
<u>(Tambahn)/Kurangan dalam Aset Operasi:</u>				
Deposit dengan Institusi Kewangan	<b>(20,557,634)</b>	(15,657,328)	<b>(20,563,862)</b>	(14,419,225)
Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan	<b>(704,042)</b>	12,551,560	<b>(366,508)</b>	11,941,762
Penghutang, Deposit dan Prabayaran	<b>(918,520)</b>	397,319	<b>(697,479)</b>	789,713
Tuntutan Cukai Belum Diterima	-	23,742	-	60,000
Faedah/Dividen Terakru	<b>4,132</b>	530,688	-	-
Lain-lain Penghutang	<b>94,175</b>	75,381	-	-
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	<b>962,036</b>	(15,689,501)	<b>1,131,765</b>	(13,983,446)
Pembelian Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	<b>(546,254,834)</b>	(466,756,815)	<b>(546,144,356)</b>	(466,749,852)
Penjualan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain	<b>511,328,162</b>	453,885,594	<b>511,372,608</b>	453,817,304
Pembelian Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	<b>(124,461,841)</b>	(162,763,077)	<b>(125,238,816)</b>	(162,763,077)
Penjualan Aset Pelaburan pada Kos Terlunas	<b>111,696,901</b>	130,422,613	<b>112,768,739</b>	130,685,077
Inventori	<b>257</b>	810	-	-
	<b>(68,811,208)</b>	(62,979,014)	<b>(67,737,909)</b>	(60,621,744)
<u>Tambahan/(Kurangan) dalam Liabiliti Operasi:</u>				
Pemiutang Pengeluaran Caruman	<b>615</b>	(1,480)	<b>615</b>	(1,480)
Pemiutang dan Liabiliti Terakru	<b>(1,878,554)</b>	803,956	<b>(808,020)</b>	613,932
Deposit dan Pendahuluan	<b>3,161,832</b>	65,022	<b>55,393</b>	31,862
Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi	<b>(649,150)</b>	581,361	<b>(649,149)</b>	581,361
Manfaat Pekerja	<b>(13,874)</b>	(10,564)	<b>(13,874)</b>	(10,564)
	<b>620,869</b>	1,438,295	<b>(1,415,035)</b>	1,215,111
Faedah Diterima	<b>25,056,084</b>	23,190,202	<b>21,307,754</b>	19,757,465
Faedah Dibayar	<b>(677,033)</b>	(941,558)	-	-
Bayaran Cukai dan Zakat	<b>(335,599)</b>	(452,141)	-	-
Cukai Diperolehi	<b>319,514</b>	9,497	-	-
	<b>(32,931,606)</b>	(30,869,507)	<b>(35,013,346)</b>	(30,428,762)

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

## PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	KUMPULAN		KWSP	
		DINYATAKAN SEMULA		DINYATAKAN SEMULA	
		2019 (RM'000)	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>					
Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi		(5,596)	38,409	-	-
Pembelian Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		(5,085,436)	(1,895,188)	-	-
Penjualan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain		1,697	-	-	-
Pembelian Aset Pelaburan pada Kos Terlunas		(449,022)	-	-	-
Penjualan Aset Pelaburan pada Kos Terlunas		-	3,438	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama		(235,038)	(817,544)	-	-
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu		(303,720)	(87,318)	(276,146)	(64,584)
Pulangan Modal daripada Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu		50,982	56,018	50,982	56,018
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari		-	-	(5,505,892)	(5,692,533)
Pulangan Modal daripada Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari		-	-	3,169,799	3,691,424
Dividen Diterima dari Syarikat Subsidiari		-	-	766,478	1,087,029
Dividen Diterima dari Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama		719,812	609,005	693,317	609,005
Hasil daripada Penjualan Hartanah-Ditarik Balik		18,221	-	-	-
Hasil daripada Penjualan Aset Dipegang untuk Jualan		-	585,330	-	543,535
Hasil daripada Penjualan Aset Hak atas Penggunaan		711	-	-	-
Kos Pembangunan Hartanah		15,689	17,034	-	-
Pembelian Aset Tak Ketara	15	(33,569)	(283,835)	-	-
Pembelian Hartanah Pelaburan	16	(1,040,671)	(3,101,592)	-	-
Hasil Penjualan Hartanah Pelaburan		-	1,629,784	-	-
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	18	(136,549)	(251,504)	(75,361)	(72,465)
Hasil Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		35,983	706	11	190
<b>Tunai Bersih Digunakan untuk Aktiviti Pelaburan</b>		<b>(6,446,506)</b>	<b>(3,497,257)</b>	<b>(1,176,812)</b>	<b>157,619</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Terimaan daripada Pinjaman	22	3,899,417	1,615,070	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman	22	(1,927,826)	(1,480,934)	-	-
Bayaran Dividen kepada Kepentingan Tak Kawal		(148,146)	(139,783)	-	-
Dividen Pengeluaran/Pelarasannya		(294,694)	(344,345)	(294,694)	(344,345)
Bayaran Pajakan		(14,887)	-	(6,279)	-
Faedah Dibayar atas Bayaran Pajakan		(12,228)	-	(2,468)	-
Caruman Bersih		31,120,943	23,815,840	31,120,943	23,815,840
<b>Tunai Bersih dari Aktiviti Pembiayaan</b>		<b>32,622,579</b>	<b>23,465,848</b>	<b>30,817,502</b>	<b>23,471,495</b>
Tambahan/(Kurangan) dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		(6,755,533)	(10,900,916)	(5,372,656)	(6,799,648)
Pelarasannya Perbezaan Pertukaran Mata Wang Asing		(101,223)	(361,762)	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari	34	50,986,770	62,249,448	44,995,675	51,795,323
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember</b>	34	<b>44,130,014</b>	<b>50,986,770</b>	<b>39,623,019</b>	<b>44,995,675</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama Penyata ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

KWSP ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951 yang kemudiannya dipinda sebagai Akta KWSP, 1991. Lembaga KWSP adalah badan pemegang amanah kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan satu Skim Caruman Ditetapkan.

Aktiviti utama KWSP adalah untuk menerima dan mengutip caruman, memproses pengeluaran caruman dan lain-lain faedah kepada ahli atau waris ahli apabila syarat-syarat pengeluaran dipenuhi serta melaburkan semua wang yang diterima untuk kepentingan ahli. Aktiviti utama Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama adalah seperti yang dinyatakan di Nota 40 dan 41 kepada Penyata Kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Ibu Pejabat KWSP terletak di Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Setakat 31 Disember 2019, KWSP beroperasi di 68 buah cawangan yang terletak di bandar-bandar utama seluruh Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga KWSP pada 5 Oktober 2020.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dengan piawaian perakaunan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelumnya dalam menguruskan perkara yang dianggap material berhubung dengan Penyata Kewangan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 2.1 Asas Penyediaan

#### (a) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS*), Akta KWSP 1991 (Akta 452).

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten untuk tempoh yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Kumpulan dan KWSP telah mengguna pakai piawaian perakaunan dan pindaan buat pertama kali bagi tahun pelaporan kewangan bermula 1 Januari 2019:

- a) MFRS 16 "Pajakan";
- b) Pindaan kepada MFRS 9 "Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif";
- c) Pindaan kepada MFRS 128 "Kepentingan Jangka Masa Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama";
- d) Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran Piawaian MFRS 2015 - 2017;
- e) Pindaan kepada MFRS 119 "Rancangan Pindaan, Penangguhan atau Penyelesaian"; dan
- f) Tafsiran IC 23 "Ketidakpastian berkaitan Pengenaan Cukai Pendapatan".

Kumpulan dan KWSP telah menerimapakai MFRS 16 buat pertama kali bagi penyata kewangan tahun 2019 dimana tarikh pelaksanaan awal adalah pada 1 Januari 2019 dengan menggunakan pendekatan peralihan retrospektif ringkas.

Wajaran praktikal yang dipilih dan kesan terperinci dari perubahan polisi perakaunan terhadap pajakan dinyatakan dalam Nota 42. Perincian polisi perakaunan mengenai pajakan dinyatakan secara berasingan dalam Nota 2.9.

Pindaan lain yang disenaraikan di atas tidak memberi kesan kepada jumlah yang diiktiraf pada tempoh sebelumnya dan dijangka tidak akan mempengaruhi dengan ketara bagi tempoh semasa atau tempoh masa depan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

## 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

## (a) Penyata Pematuhan (Samb.)

Kumpulan dan KWSP berhasrat untuk mengguna pakai piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") sebagaimana berikut, jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa:

## Polisi Perakaunan Baru kepada MFRS

Deskripsi	Berkuat Kuasa bagi Tempoh Tahunan Bermula pada atau selepas
MFRS 17 "Kontrak Insurans"	1 Januari 2023

## Pindaan/Penambahbaikan kepada MFRS

Deskripsi	Berkuat Kuasa bagi Tempoh Tahunan Bermula pada atau selepas
MFRS 3 "Kombinasi Perniagaan" (Definisi Perniagaan)	1 Januari 2020
MFRS 7 "Pendedahan Instrumen Kewangan" (Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah)	1 Januari 2020
MFRS 9 "Instrumen Kewangan" (Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah)	1 Januari 2020
MFRS 16 "Pajakan" (COVID-19 berkaitan Penyewaan Konsensi)	1 Januari 2020
MFRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" (Definisi Material)	1 Januari 2020
MFRS 108 "Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran, dan Kesilapan" (Definisi Material)	1 Januari 2020
Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018 - 2020	1 Januari 2022
MFRS 3 "Kombinasi Perniagaan" (Merujuk kepada Kerangka Konsep)	1 Januari 2022
MFRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" (Hasil sebelum Penggunaan yang Dimaksudkan)	1 Januari 2022
MFRS 137 "Beban Kontrak" (Kos untuk Memenuhi Kontrak)	1 Januari 2022
MFRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" (Klasifikasi Liabiliti antara Semasa atau Bukan Semasa)	1 Januari 2023
MFRS 17 "Kontrak Insurans"	1 Januari 2023
MFRS 10 "Penyata Kewangan Disatukan" (Penjualan atau Caruman Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Syarikat Usaha Sama)	Tangguh
MFRS 128 "Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama" (Penjualan atau Caruman Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Syarikat Usaha Sama)	Tangguh

Kumpulan dan KWSP merancang untuk mengguna pakai piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang disebut di atas dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2020 untuk piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020.

Penggunaan permulaan piawaian perakaunan, tafsiran atau pindaan dijangka tidak mempunyai sebarang kesan kewangan material pada tempoh semasa dan Penyata Kewangan masa lalu bagi Kumpulan dan KWSP.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (b) Asas Pengukuran

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWSP telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah selain yang didedahkan di Nota 2.

##### (c) Fungsi dan Pembentangan Mata Wang

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsi KWSP. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam ("RM") dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan

Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, pendedahan yang disertakan dan pendedahan liabiliti luar jangka. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa bagi aset atau liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

##### Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling penting ke atas amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan Disatukan:

##### i. Rosot Nilai atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama

Kumpulan dan KWSP menilai sama ada terdapat sebarang tanda-tanda bahawa Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama mungkin mengalami rosot nilai pada setiap tarikh pelaporan.

Kumpulan dan KWSP menentukan sama ada pelaburannya mengalami rosot nilai berikutan tanda-tanda rosot nilai seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai pasaran dan amaun dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjejaskan pelaburan dan kemerosotan prestasi kewangan pelaburan yang disebabkan oleh perubahan dalam persekitaran ekonomi.

##### ii. Rosot Nilai Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain

Kumpulan dan KWSP menggunakan asas pandang ke hadapan untuk menilai Kerugian Kredit Dijangka yang berkaitan dengan Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Metodologi rosot nilai yang diterapkan bergantung pada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Untuk Aset Pelaburan dan Aset Kewangan pada kos terlunas, Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain dengan pendedahan yang timbul daripada komitmen pinjaman dan kontrak jaminan kewangan, Kumpulan dan KWSP menggunakan tiga kategori untuk Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain dan dengan pendedahan yang timbul daripada komitmen pinjaman dan kontrak jaminan kewangan yang mencerminkan risiko kredit mereka dan bagaimana Kerugian Kredit Dijangka ditentukan untuk setiap kategori tersebut. Ringkasan andaian yang menyokong model Kerugian Kredit Dijangka bagi Kumpulan dan KWSP dinyatakan dalam Nota 2.16.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.1 Asas Penyediaan (Samb.)****(d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)****Pertimbangan (Samb.)****iii. Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda**

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun dibawa dalam Penyata Kewangan.

Aset Cukai Tertunda diiktiraf setakat mana kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh ditolak atau kerugian cukai belum digunakan, dapat digunakan.

**Anggaran dan Andaian**

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah aset dan liabiliti dibawa dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan seperti di bawah. Penyata Kewangan Disatukan telah disediakan oleh Kumpulan berdasarkan andaian dan anggaran pada parameter yang tersedia. Terdapat keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa depan, walau bagaimanapun, mungkin berubah disebabkan oleh perubahan pasaran atau keadaan yang timbul yang berada di luar kawalan Kumpulan. Perubahan tersebut ditunjukkan dalam andaian apabila ianya berlaku.

**i. Rosot Nilai atas Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama**

Sekiranya tanda-tanda itu wujud, aset-aset tersebut tertakluk kepada penilaian rosot nilai. Penilaian rosot nilai meliputi perbandingan di antara amaun dibawa pelaburan dan amaun anggaran pelaburan boleh pulih.

Bergantung kepada jenis dan lokasi pelaburan, Kumpulan dan KWSP akan memilih kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urus niaga yang terkini. Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, Kumpulan dan KWSP membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah boleh pulih daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap nilai dibawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan KWSP termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa hadapan berdasarkan tren tertentu masa lalu. Oleh kerana kepekaan yang tinggi terhadap perubahan dalam andaian, Kumpulan dan KWSP percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan di atas boleh menyebabkan nilai dibawa pelaburan melebihi dengan ketara daripada jumlah boleh pulih.

**ii. Elaun Kerugian Kredit Dijangka Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain**

Ukuran Elaun Kerugian Kredit Dijangka untuk Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain adalah sesuatu yang memerlukan penggunaan model yang kompleks dan andaian penting mengenai keadaan ekonomi masa hadapan dan tingkah laku kredit (misalnya, kemungkinan pelanggan mungkir dan kerugian yang terhasil). Penjelasan mengenai input, teknik-teknik andaian dan anggaran yang digunakan untuk mengukur Kerugian Kredit Dijangka yang lebih terperinci dinyatakan di dalam Nota 2.16.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

###### Anggaran dan Andaian (Samb.)

##### ii. Elaun Kerugian Kredit Dijangka Aset Pelaburan pada Kos Terlunas dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (Samb.)

Beberapa pertimbangan penting juga diperlukan dalam mengaplikasikan keperluan perakaunan untuk mengukur Kerugian Kredit Dijangka seperti:

- (a) Menentukan kriteria untuk peningkatan risiko kredit yang ketara;
- (b) Memilih model dan andaian yang sesuai untuk pengukuran Kerugian Kredit Dijangka;
- (c) Mengenal pasti bilangan dan wajaran relatif senario pandang ke hadapan untuk setiap jenis produk/pasaran dan Kerugian Kredit Dijangka yang berkaitan; dan
- (d) Mengenal pasti kumpulan aset kewangan yang serupa untuk tujuan mengukur Kerugian Kredit Dijangka.

Maklumat terperinci tentang pertimbangan dan anggaran yang dibuat oleh Kumpulan dalam bidang di atas dinyatakan dalam Nota 2.16.

##### iii. Rosot Nilai atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menganggarkan rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, Kumpulan dan KWSP diperlukan untuk menganggarkan jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, Kumpulan dan KWSP membuat pertimbangan mengenai keadaan kewangan pelanggan atau peminjam dan nilai boleh nyata bersih cagaran.

##### iv. Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai

Bagi instrumen ekuiti yang dibawa pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain, penilaian kos instrumen dilaksanakan setiap tahun bagi setiap instrumen ekuiti. Apabila wujud bukti berlakunya penurunan nilai saksama yang signifikan terhadap ekuiti tersenarai, kerugian tidak nyata di Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain bagi sekuriti tersebut akan diiktiraf sebagai kerugian nyata melalui pemindahan kerugian nyata tersebut kepada Lebihan Kumulatif. Penurunan kos bagi instrumen ini adalah berdasarkan amaun kerugian yang signifikan yang dipindahkan daripada Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain kepada Lebihan Kumulatif.

##### v. Penilaian Hartanah Pelaburan

Bagi tujuan penilaian rosot nilai hartanah pelaburan yang dibawa pada kos, amaun dibawa dibandingkan dengan nilai saksama bagi hartanah pelaburan tersebut untuk menilai sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Pengukuran nilai saksama bagi tujuan ini diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai bebas yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

##### vi. Cukai Tertunda dan Cukai Pendapatan

Kumpulan dan KWSP adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang percukaian yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.1 Asas Penyediaan (Samb.)****(d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)****Anggaran dan Andaian (Samb.)****vii. Obligasi Manfaat Perubatan Pesara**

Nilai semasa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian adalah digunakan untuk menentukan kos bersih bagi perubatan pesara, termasuk kadar diskaun dan jangkaan kadar kos perubatan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Kumpulan dan KWSP melaksanakan penilaian aktuari setiap tiga (3) tahun. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2018. Kadar diskaun digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Perubatan Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kos perubatan dikira berdasarkan purata kos perubatan tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWSP.

**viii. Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara**

Nilai semasa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan sebagai asas aktuari dengan menggunakan beberapa andaian. Andaian diguna untuk menentukan jumlah gratuiti, termasuk kadar diskaun, jangkaan kadar kenaikan gaji tahunan dan kadar pelarasan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan ke atas nilai dibawa Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Kumpulan dan KWSP melaksanakan penilaian aktuari setiap tiga (3) tahun. Penilaian aktuari terkini telah dilaksanakan dalam tahun kewangan 2018. Kadar faedah digunakan berdasarkan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi. Kadar faedah ini digunakan bagi menentukan anggaran semasa bagi jangkaan aliran tunai keluar masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan Obligasi Manfaat Gratuiti Pesara.

Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan KWSP mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang bersamaan tempoh liabiliti berkaitan.

Kadar kenaikan gaji tahunan dikira berdasarkan purata kenaikan gaji tahun terdahulu yang dibelanjakan oleh Kumpulan dan KWSP.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.1 Asas Penyediaan (Samb.)

##### (d) Pertimbangan, Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan (Samb.)

###### Anggaran dan Andaian (Samb.)

##### ix. Metodologi yang Digunakan bagi Agihan Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional

Baki caruman ahli telah diklasifikasikan sebagai Simpanan Syariah (SS) atau Simpanan Konvensional (SK) berdasarkan pilihan yang dibuat oleh ahli. Pendedahan kewangan berkaitan dengan caruman ahli berdasarkan SS dan SK adalah didedahkan pada Nota 33.

Untuk memperolehi keputusan kewangan dan lembaran imbangan tahun semasa untuk SS dan SK, nisbah tertentu telah digunakan untuk mengagihkan butiran pendapatan, perbelanjaan serta butiran Penyata Kedudukan Kewangan tertentu. Konsep agihan diperkenalkan dengan tujuan memperoleh keuntungan yang boleh diagihkan untuk kedua-dua SS dan SK dengan adil berdasarkan penyertaan sebenar oleh ahli SS dan SK. Oleh kerana sumber dana yang digunakan untuk melabur dalam aset pelaburan Syariah dibiayai daripada caruman ahli, maka bagi keuntungan yang dijana daripada portfolio Syariah akan diagih kepada ahli SS berdasarkan dana sebenar yang dicarum oleh ahli SS. Baki keuntungan akan diagihkan kepada ahli SK.

Nisbah berikut digunakan oleh KWSP selepas pelaksanaan SS untuk memperuntukkan keuntungan yang boleh diagihkan kepada SS dan SK:

1. Nisbah Pilihan Masuk (*Opt-in Ratio* - OIR) digunakan untuk mengagih baki awal Lebihan Kumulatif untuk pembahagian baki yang dimiliki oleh ahli SS dan SK sewajarnya.
2. Nisbah Simpanan Ahli (*Members Savings Ratio* - MSR) digunakan untuk mengagih jenis pendapatan, perbelanjaan dan butiran Penyata Kedudukan Kewangan tertentu kepada simpanan SS dan SK.
3. Nisbah Aset Syariah (*Shariah Assets Ratio* - SAR) digunakan untuk mengagih Lain-lain Aset Bersih dan Lain-lain Keuntungan Bersih untuk tahun semasa yang diklasifikasikan sebagai item am kepada baki komponen Syariah.
4. Nisbah Pendapatan Syariah (*Shariah Income Ratio* - SIR) digunakan untuk mengagih jenis perbelanjaan pelaburan langsung tertentu dan pendapatan yang dijana daripada Portfolio Pelaburan Syariah kepada SS dan SK.

MSR, SAR dan SIR dikira berdasarkan purata bulanan untuk memastikan sebarang perubahan pada pengiraan nisbah pada tahun semasa dinyatakan dengan tepat pada akhir tahun. Sementara itu, OIR dikira dan dipakai sekali pada setiap awal tahun kewangan.

#### 2.2 Asas Penyatuan

Penyata Kewangan Disatukan merangkumi Penyata Kewangan KWSP dan Syarikat Subsidiari yang disediakan pada akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan KWSP, serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat Subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan dan KWSP memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan Penyata Kewangan yang disatukan, semua baki, urus niaga dan keuntungan atau kerugian tidak nyata antara Kumpulan akan dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dengan Syarikat Bersekutu dan Syarikat Usaha Sama akan dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan atas pelaburan tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut cara yang sama tetapi hanya apabila tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.3 Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari adalah kesemua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) yang mana Kumpulan mempunyai kawalan terhadapnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Keputusan kewangan Syarikat Subsidiari disatukan dalam Penyata Kewangan dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan mulai tarikh kawalan tersebut tamat.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

Kaedah perolehan digunakan bagi perakaunan penyatuan Syarikat Subsidiari. Pertimbangan yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah Syarikat Subsidiari adalah nilai saksama aset yang dipindahkan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Lebih pertimbangan yang dipindahkan dan nilai saksama bahagian Kumpulan atas aset bersih diperoleh yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan dilaporkan sebagai Muhibah seperti di Nota 2.11. Sekiranya kos pengambilalihan ini kurang daripada nilai saksama aset bersih Syarikat Subsidiari yang diambil alih, keuntungan diiktiraf terus dalam Untung atau Rugi.

Kepentingan Tak Kawal merupakan bahagian minoriti terhadap Untung atau Rugi dan aset bersih Syarikat Subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan Tak Kawal diukur pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti Syarikat Subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti Syarikat Subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga antara Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, sebarang kepentingan terkumpul di dalam entiti diukur semula kepada nilai saksamanya pada tarikh hilangnya kawalan tersebut, dengan perubahan dalam amaun dibawa diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Nilai saksama adalah amaun dibawa awal untuk tujuan perakaunan semula ke atas baki kepentingan sebagai Syarikat Bersekutu, Usaha Sama atau Aset Kewangan. Selain itu, sebarang amaun yang sebelumnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain berkaitan dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti berkaitan.

Untung atau rugi atas pelupusan Syarikat Subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih Syarikat Subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan Syarikat Subsidiari dan diiktiraf di Untung atau Rugi yang Disatukan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.4 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat Bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi Syarikat Bersekutu tetapi tiada kuasa untuk melaksanakan kawalan atau kawalan Bersama terhadap polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu. Di bawah kaedah ekuiti, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu pada awalnya diiktiraf pada kos, kemudiannya diselaraskan bagi mengambil kira bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian dalam Untung atau Rugi dan perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain Syarikat Bersekutu di dalam Pendapatan Komprehensif. Dividen diterima atau belum diterima dari Syarikat Bersekutu akan diiktiraf sebagai pengurangan ke atas nilai dibawa pelaburan. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk Muhibah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam Syarikat Bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

Apabila bahagian Kumpulan ke atas kerugian Syarikat Bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam Syarikat Bersekutu, termasuk kepentingan jangka panjang yang pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu, Kumpulan menghentikan pengiktirafan kerugian selanjutnya, melainkan jika terdapat kewajipan perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak Syarikat Bersekutu.

#### 2.5 Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama

Syarikat Usaha Sama adalah pengaturan bersama di mana Kumpulan mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut. Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama. Di bawah kaedah ekuiti, Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama pada awalnya diiktiraf pada kos, kemudiannya diselaraskan bagi mengambil kira bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian dalam Untung atau Rugi dan perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain Syarikat Usaha Sama di dalam Pendapatan Komprehensif. Dividen diterima atau belum diterima dari Syarikat Usaha Sama akan diiktiraf sebagai pengurangan ke atas nilai dibawa pelaburan.

Apabila bahagian Kumpulan ke atas kerugian Syarikat Usaha Sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam Syarikat Usaha Sama (termasuk kepentingan jangka panjang yang pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada Pelaburan Bersih Kumpulan dalam Syarikat Usaha Sama), Kumpulan akan memberhentikan pengiktirafan bahagian kerugian, melainkan jika terdapat kewajipan perundangan atau membuat pembayaran bagi pihak Syarikat Usaha Sama.

Pelaburan dalam Syarikat Usaha Sama dinyatakan pada kos dan kemudian diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.16.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.6 Mata Wang Asing****i. Transaksi dan Baki dalam Mata Wang Asing**

Transaksi dan baki dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsi masing-masing bagi syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh laporan.

Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf dalam Untung atau Rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul di bawah Rizab Tukaran Mata Wang Asing di Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama dimasukkan dalam Untung atau Rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan perkara bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

**ii. Operasi Asing**

Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsi yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan iaitu Ringgit Malaysia ("RM") dalam Penyata Kewangan Disatukan telah diterjemah kepada ("RM") seperti berikut:

- i. Aset dan Liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh laporan;
- ii. Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Untung atau Rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi; dan
- iii. Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke dalam Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain menerusi Rizab Pertukaran Matawang Asing.

**2.7 Instrumen Kewangan****i. Pengiktirafan dan Pengukuran Awal**

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, Kumpulan atau KWSP menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pembelian dan penjualan aset kewangan secara berkala diiktiraf pada tarikh perdagangan, tarikh di mana KWSP telah memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Pelaburan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan perolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak hos dan diambil kira sebagai derivatif jika, dan sekiranya, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri dan risiko ekonomi kontrak hos dan kontrak hos tidak dikategorikan sebagai Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi. Aset kewangan yang mempunyai derivatif terbenam diiktiraf bersama-sama jika ianya telah mengambil kira klasifikasi dan pengukuran. Sekiranya kontrak hos dan derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, ianya akan diakaunkan berdasarkan polisi yang bersesuaian dengan sifat kontrak hos tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Seterusnya

Kumpulan dan KWSP mengkategorikan instrumen kewangan sebagaimana berikut:

##### Aset Kewangan

Klasifikasi aset kewangan mengikut MFRS 9 berdasarkan kategori pengukuran berikut:

- Kos Terlunas;
- Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain; atau
- Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi

Keperluan klasifikasi instrumen hutang dan ekuiti diterangkan di bawah:

##### a) Instrumen Hutang

Instrumen hutang ialah instrumen yang memenuhi takrifan liabiliti kewangan daripada perspektif penerbit instrumen hutang tersebut. Pengkelasan dan pengukuran instrumen hutang seterusnya bergantung kepada:

##### i. Model Perniagaan

Model perniagaan mencerminkan bagaimana Kumpulan dan KWSP mengurus aset kewangan untuk menjana aliran tunai. Maksudnya, sama ada matlamat Kumpulan dan KWSP semata-mata untuk mengumpul aliran tunai kontraktual daripada aset, atau untuk mengumpul aliran tunai kontraktual dan aliran tunai yang terjana daripada penjualan aset. Jika matlamat yang disebut tidak terpakai (contoh: aset kewangan dipegang untuk tujuan perdagangan), maka aset kewangan diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada model perniagaan "lain". Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Kumpulan dan KWSP dalam menentukan model perniagaan untuk portfolio aset adalah termasuk pengalaman lepas mengenai bagaimana aliran tunai untuk aset-aset ini dikumpulkan, bagaimana prestasi aset dinilai dan dilaporkan kepada kakitangan pengurusan utama, dan bagaimana risiko dinilai dan diuruskan.

##### ii. Ciri-ciri Aliran Tunai

Bagi model perniagaan sama ada memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontrak, atau untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan untuk dijual, Kumpulan dan KWSP akan menilai sama ada aliran tunai kontraktual aset kewangan mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah. Dalam membuat penilaian ini, Kumpulan dan KWSP mengambil kira sama ada aliran tunai kontraktual selaras dengan kaedah pinjaman asas, iaitu faedah hanya merangkumi pertimbangan untuk nilai masa wang, risiko kredit, risiko pinjaman asas lain dan margin keuntungan yang selaras dengan kaedah pinjaman asas. Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap menyeluruh apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)****ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Seterusnya (Samb.)****Aset Kewangan (Samb.)****a) Instrumen Hutang (Samb.)****ii. Ciri-ciri Aliran Tunai (Samb.)**

Berdasarkan faktor-faktor ini, Kumpulan dan KWSP mengkelaskan instrumen hutang ke dalam salah satu (1) daripada tiga (3) kategori pengukuran berikut:

**i. Kos Terlunas**

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah dan yang tidak ditetapkan kategorinya pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Jumlah dibawa aset-aset ini diselaraskan oleh apa-apa elauan kerugian kredit yang dijangka diiktiraf dan diukur dengan menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.16. Kos terlunas dikira dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada *Effective Interest Rate* ("EIR"). Pelunasan EIR dimasukkan dalam pendapatan faedah dalam Untung atau Rugi. Kerugian akibat kemerosotan nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam Rosot Nilai Bersih ke atas Aset Pelaburan Kewangan.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai Kos Terlunas terdiri daripada Aset Kewangan pada Kos Terlunas, Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, Penghutang dan Deposit, Deposit dengan Institusi Kewangan dan Tunai dan Baki Bank. Termasuk dalam Aset Kewangan pada Kos Terlunas adalah instrument Pendapatan Tetap Pelaburan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bon dan Sekuriti Hutang Swasta.

**ii. Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain**

Aset kewangan yang dipegang untuk aliran tunai kontraktual dan untuk penjualan aset, di mana aliran tunai aset mewakili semata pembayaran prinsipal dan faedah, dan tidak ditetapkan kategorinya pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, diukur pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Perubahan pada nilai saksama diiktiraf melalui pendapatan komprehensif lain, kecuali pengiktirafan kerugian kemerosotan nilai diukur menggunakan metodologi yang dinyatakan di Nota 2.16, pendapatan faedah dan keuntungan atau kerugian pertukaran asing ke atas kos terlunas aset diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Faedah yang diperolehi semasa memegang aset dilaporkan sebagai pendapatan faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada rosot nilai dikelaskan semula daripada Pendapatan Komprehensif Lain kepada Untung atau Rugi sebagai Rosot Nilai Aset Pelaburan Kewangan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelum ini diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dikelaskan semula kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam Pendapatan Pelaburan Kasar.

Instrumen hutang Kumpulan dan KWSP yang dikelaskan sebagai Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain terdiri daripada Instrumen Pendapatan Tetap Pelaburan Global dan Domestik.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Seterusnya (Samb.)

###### Aset Kewangan (Samb.)

###### a) Instrumen Hutang (Samb.)

###### ii. Ciri-ciri Aliran Tunai (Samb.)

###### iii. Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi

Aset kewangan yang tidak memenuhi kriteria untuk Kos Terlunas atau Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain, termasuk aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan dan derivatif, diukur pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi. Keuntungan atau kerugian pada aset yang kemudiannya diukur pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi dan bukan sebahagian daripada lindung nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperolehi semasa memegang aset dilaporkan sebagai Pendapatan Faedah dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Di samping itu, aset kewangan yang memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain boleh ditetapkan kategorinya terus oleh pengurusan sebagai Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi pada pengiktirafan awal, dengan syarat penetapan kategori itu menghapuskan atau mengurangkan dengan ketara layanan yang tidak konsisten yang akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian atas dasar yang berbeza. Penetapan kategori tersebut ditentukan berdasarkan keperluan instrumen. Sebarang perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Untung atau Rugi dan dibentangkan dalam Pendapatan Pelaburan Kasar. Faedah yang diperolehi diiktiraf dalam Pendapatan Faedah menggunakan kaedah faedah berkesan.

Nilai saksama Kontrak Tukaran Mata Wang Hadapan ditentukan menggunakan kadar pertukaran hadapan pada tarikh penyata kedudukan kewangan dengan nilai yang terhasil didiskaunkan kembali kepada nilai semasa.

###### Pengkelasan Semula Instrumen Hutang

Kumpulan dan KWSP mengklasifikasikan semula pelaburan hutang hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan perubahan aset. Pengkelasan semula berlaku dari permulaan tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan. Perubahan sedemikian dijangka menjadi sangat jarang dan tidak berlaku pada tahun kewangan.

###### b) Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah instrumen yang memenuhi definisi ekuiti dari perspektif penerbit ekuiti tersebut iaitu instrumen yang tidak mengandungi obligasi kontrak untuk membayar dan keterangan yang mempunyai kepentingan sisa dalam aset bersih penerbit ekuiti.

Kumpulan dan KWSP seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti di Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, kecuali di mana pengurusan telah memilih pengiktirafan awal terhadap pelaburan ekuiti yang dipegang bukan untuk diperdagangkan di Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Apabila pilihan ini digunakan, keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan tidak kemudiannya dikelaskan semula kepada Untung atau Rugi, termasuk semasa pelupusan. Dividen yang diperolehi semasa memegang pelaburan ekuiti diiktiraf dalam Untung atau Rugi sebagai Pendapatan Pelaburan Kasar apabila hak untuk pembayaran telah ditetapkan.

Keuntungan dan kerugian ke atas pelaburan ekuiti di Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi, termasuk dividen yang diterima, dimasukkan ke dalam Pendapatan Pelaburan Kasar dalam Untung atau Rugi.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)****ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Seterusnya (Samb.)****c) Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan**

Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana Kumpulan dan KWSP mempunyai komitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos urus niaga yang berkaitan, jika ada. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah pulangan berkesan.

Termasuk dalam Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan Pinjaman Staf dan Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari.

**d) Pinjaman Staf**

Tiada kesan signifikan untuk mencatat Pinjaman Staf pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Terdapat tiga (3) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada staf KWSP pada kadar faedah yang diluluskan oleh Lembaga berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- i. Skim Pinjaman Perumahan;
- ii. Skim Pinjaman Kenderaan; dan
- iii. Skim Pinjaman Peribadi.

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman kepada staf untuk tiga (3) skim di atas adalah tertakluk kepada alokasi dana yang diluluskan oleh Lembaga.

**e) Penghutang**

Penghutang adalah dinilai pada amaun invoice setelah ditolak elaun rosot nilai. Tiada kesan signifikan untuk mencatat Penghutang pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Elaun rosot nilai diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal Penghutang sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 2.16.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui Untung atau Rugi, adalah tertakluk kepada penilaian semula rosot nilai sebagaimana dinyatakan di Nota 2.16.

**Liabiliti Kewangan**

Semua liabiliti kewangan, kecuali yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Untung atau Rugi akan diukur pada kos terlunas.

Kategori nilai saksama melalui Untung atau Rugi terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan), pertimbangan luar jangka dalam kombinasi perniagaan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui Untung atau Rugi akan diukur pada nilai saksama di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)

##### ii. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Seterusnya (Samb.)

###### Liabiliti Kewangan (Samb.)

###### i. Instrumen Lindung Nilai

###### Lindung Nilai Aliran Tunai

Lindung nilai aliran tunai adalah satu perlindungan daripada pendedahan kepada perubahan aliran tunai yang boleh dikaitkan dengan risiko tertentu terhadap aset atau liabiliti yang diiktiraf atau jangkaan transaksi berkemungkinan tinggi yang boleh menjejaskan Untung atau Rugi.

Bahagian perubahan berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditentukan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dan terkumpul dalam Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian tidak berkesan diiktiraf serta merta dalam Untung Atau Rugi. Walau bagaimanapun, jika Kumpulan menamatkan kedudukan lebih awal, untung atau rugi terkumpul diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Lain dibekukan dan dikelaskan semula daripada Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai kepada Untung atau Rugi menggunakan kaedah faedah efektif.

###### ii. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

###### iii. Kontrak Jaminan Kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik pemegang ke atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang tertentu gagal membuat pembayaran apabila tiba masanya, menurut terma asal atau terma yang telah diubahsuai atas instrumen hutang.

Jaminan kewangan yang diterbitkan pada mulanya diukur pada nilai saksama. Ia seterusnya diukur pada tahap yang lebih tinggi dari:

- (a) amaun kerugian dijangka; dan
- (b) amaun yang pada mulanya diiktirafkan kurang jumlah pendapatan terkumpul yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan.

Liabiliti yang diiktiraf daripada kontrak jaminan kewangan dibentangkan di dalam Akruan Bayaran Pelaburan di bawah Pemiutang dan Liabiliti Terakru.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.7 Instrumen Kewangan (Samb.)****iii. Pengiktirafan Pendapatan****i. Faedah, Pembiayaan dan Pendapatan Keuntungan dan Perbelanjaan**

Pendapatan faedah dan perbelanjaan untuk kesemua instrumen kewangan diukur pada kos dilunaskan dan aset kewangan yang menjana keuntungan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain dan Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi akan diiktiraf dalam pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah dalam Untung atau Rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pendapatan faedah ke atas pemberian pinjaman dan pembiayaan diiktiraf berasaskan akruan. Apabila sesuatu akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar, faedah akan digantung dan pelarasan secara retrospektif akan dibuat daripada tarikh pertama berlaku tunggakan sehingga ia diterima atas dasar tunai. Akaun pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik tertunggak selama enam (6) bulan atau lebih.

Yuran pengurusan pinjaman dan komisen diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan pengaturan kontrak.

**ii. Pendapatan Dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf dalam Untung atau Rugi berasaskan akruan apabila hak Kumpulan dan KWSP untuk menerima dividen wujud. Bagi dividen dari ekuiti tersiar harga, pengiktirafan adalah pada tarikh *ex-dividend*.

**iii. Keuntungan Modal**

Keuntungan Modal yang diperolehi atas penjualan instrumen pelaburan turut diiktiraf atas dasar akruan serta mengambil kira kesan atas pertukaran mata wang asing bagi instrumen pelaburan global. Keuntungan Modal diiktiraf apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan instrumen pelaburan telah dipindahkan kepada pembeli.

**2.8 Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai**

Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai dibawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan KWSP dan kos tersebut boleh diukur dengan munasabah.

Nilai dibawa bagi komponen yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Untung atau Rugi bagi tahun kewangan ianya berlaku.

Tanah Milik Bebas dan Kerja dalam Pembinaan tidak disusut dinilai. Semua Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusut dinilai mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Bangunan	30 tahun - 50 tahun
Loji, Bangunan dan Mesin	5 tahun - 10 tahun
Ubahsuai Pejabat/Bangunan	5 tahun - 10 tahun
Perabot, Peralatan dan Pemasangan Tetap	5 tahun
Kenderaan Bermotor	5 tahun
Kelengkapan Pejabat	5 tahun
Perisian dan Perkakasan Komputer	3 tahun - 5 tahun

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.8 Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai (Samb.)

Perabot, Peralatan dan Pemasangan Tetap serta Kelengkapan Pejabat bagi kos kurang daripada RM1,000 seunit disusut nilai sepenuhnya pada tahun perolehan.

Ubahsuai Pejabat/Bangunan pada nilai RM100,000 dan lebih akan dipermodalkan. Bagi ubahsuai di mana kos projek adalah bernilai kurang daripada RM100,000, kos ubahsuai berkenaan dicaj sebagai perbelanjaan tahun semasa.

Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan KWSP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Penilaian ke atas Hartanah juga dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

Susut nilai bagi pembelian bangunan siap di mana kos tanah dan kos bangunan tidak dapat dikenal pasti semasa perolehan dibuat akan mengikut kaedah anggaran usia penggunaan bangunan iaitu 30 hingga 50 tahun.

Bagi setiap Hartanah, Loji dan Peralatan yang dilupuskan, perbezaan di antara ganjaran pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf di Untung atau Rugi. Apabila penggunaan hartanah berubah daripada digunakan sendiri kepada tujuan pelaburan, hartanah tersebut akan dinilai semula berdasarkan nilai saksama dan dikelaskan di bawah Hartanah Pelaburan.

#### 2.9 Pajakan

##### i. Perakaunan oleh Penerima Pajakan

###### Polisi Perakaunan Diguna Pakai Bermula 1 Januari 2019

Mulai 1 Januari 2019, Pajakan diiktiraf sebagai Aset Hak atas Penggunaan dan liabiliti sepadan pada tarikh aset pajakan tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan dan KWSP.

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan dan KWSP memperuntukan pertimbangan kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga relatif itu sendiri. Walaubagaimanapun, untuk pajakan hartanah di mana Kumpulan dan KWSP sebagai penerima pajakan telah menggunakan wajaran praktikal yang dibenarkan oleh MFRS 16 untuk tidak mengasingkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen adalah diakaunkan sebagai komponen pajakan tunggal dan bayaran bagi kedua-dua komponen adalah diukur sebagai Liabiliti Pajakan.

###### **Tempoh Pajakan**

Kumpulan dan KWSP menerima pajakan pelbagai hartanah untuk ruang pejabat dan tanah/cawangan. Ruang pejabat dipajak biasanya untuk tempoh tetap antara satu (1) hingga sembilan (9) tahun manakala pajakan untuk *headlease*/tanah biasanya dipajak untuk tempoh tetap 70 hingga 185 tahun. Pajakan ini mungkin mempunyai pilihan pelanjutan. Rundingan tempoh pajakan dibuat secara individu dan mengandungi pelbagai terma dan syarat yang berbeza.

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan dan KWSP mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan pelanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan pelanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya termasuk dalam tempoh pajakan jika pajakan itu mempunyai kepastian munasabah untuk dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.9 Pajakan (Samb.)****i. Perakaunan oleh Penerima Pajakan (Samb.)****Tempoh Pajakan (Samb.)**

Perjanjian pajakan tidak mengenakan apa-apa kovenan, tetapi aset yang dipajak mungkin tidak digunakan sebagai sekuriti untuk tujuan pinjaman. Sebahagian pajakan menyediakan tambahan bayaran pajakan yang berdasarkan kepada perubahan indeks harga tempatan, amaun ini secara umumnya ditentukan secara tahunan.

Kumpulan dan KWSP mentaksir semula tempoh pajakan apabila berlaku peristiwa penting atau perubahan dalam kawalan Kumpulan dan KWSP dan memberi kesan sama ada Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan pilihan yang sebelum ini tidak diambil kira semasa menentukan tempoh pajakan, atau tidak melaksanakan pilihan yang sebelum ini diambil kira semasa menentukan tempoh pajakan. Semakan tempoh pajakan menghasilkan pengukuran semula Liabiliti Pajakan. Rujuk polisi perakaunan berkenaan pengukuran semula Liabiliti Pajakan di bawah.

**Aset Hak atas Penggunaan**

Aset Hak atas Penggunaan yang bukan merupakan Hartanah Pelaburan akan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Secara umum aset Hak Atas Penggunaan disusut nilai mengikut usia penggunaan aset atau tempoh pajakan, yang mana lebih pendek dengan menggunakan kaedah garis lurus. Jika Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan pilihan pembelian, Aset Hak atas Penggunaan akan disusut nilai berdasarkan usia penggunaan aset sandaran. Tambahan lagi, Aset Hak atas Penggunaan akan dilaras untuk pengukuran semula Liabiliti Pajakan tertentu.

Aset Hak atas Penggunaan adalah diukur pada kos yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Amaun pengukuran awal Liabiliti Pajakan;
- b. Sebarang bayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan pajakan tolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- c. Kos langsung di permulaan pajakan; dan
- d. Kos pemasangan semula.

Kumpulan dan KWSP membentangkan Aset Hak atas Penggunaan yang memenuhi definisi Hartanah Pelaburan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Hartanah Pelaburan. Aset Hak atas Penggunaan yang tidak memenuhi definisi Hartanah Pelaburan dibentangkan sebagai baris berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**Liabiliti Pajakan**

Liabiliti Pajakan pada awal diukur mengikut nilai semasa pembayaran pajakan yang belum dibayar pada tarikh semasa. Bayaran pajakan terdiri daripada:

- a. Bayaran tetap ditolak sebarang insentif pajakan yang belum diterima;
- b. Bayaran pajakan berubah yang berdasarkan indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- c. Amaun dijangka perlu dibayar oleh Kumpulan dan KWSP di bawah nilai sisa terjamin;
- d. Harga pelaksanaan pilihan pembelian dan lanjutan pajakan sekiranya Kumpulan dan KWSP mempunyai kepastian munasabah untuk melaksanakan lanjutan pajakan tersebut; dan
- e. Bayaran penalti bagi menamatkan pajakan, sekiranya terma pajakan menunjukkan Kumpulan dan KWSP melaksanakan pilihan tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.9 Pajakan (Samb.)

##### i. Perakaunan oleh Penerima Pajak (Samb.)

###### Liabiliti Pajak (Samb.)

Bayaran pajak didiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajak. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan, di mana secara umumnya kes pajak dalam Kumpulan dan KWSP, kadar kenaikan faedah pinjaman penerima pajak digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh penerima pajak untuk meminjam dana diperlukan untuk memperoleh aset bersamaan nilai dengan Aset Hak atas Penggunaan dalam persekitaran ekonomi yang sama dengan terma, sekuriti dan syarat.

Bayaran pajak diperuntukkan di antara kos pokok dan kos kewangan. Kos kewangan dicaj ke Untung atau Rugi sepanjang tempoh pajak agar dapat menghasilkan kadar faedah berkala berterusan bagi baki liabiliti bagi setiap tempoh.

Bayaran pajak berubah yang bergantung kepada jualan diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam tempoh di mana syarat yang menggerakkan pembayaran tersebut berlaku. Bagi Kumpulan dan KWSP, bayaran pajak berubah timbul daripada pajak tanah bersamaan dengan sebahagian peratusan sewa yang diterima daripada penyewa komersial tertakluk kepada bayaran minima setahun. Terdapat juga pajak tanah yang tertakluk kepada *peppercorn rent*.

Kumpulan dan KWSP membentangkan Liabiliti Pajak sebagai baris berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Belanja keuntungan atas Liabiliti Pajak dibentangkan dalam belanja operasi dalam Untung atau Rugi.

###### Penilaian Semula Liabiliti Pajak

Kumpulan dan KWSP juga terdedah kepada potensi peningkatan dalam bayaran pajak berubah masa depan yang bergantung kepada indeks atau kadar yang tidak dimasukkan dalam liabiliti pajak sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan kepada bayaran pajak berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, Liabiliti Pajak akan diukur semula dan dilaraskan berbanding Aset Hak atas Penggunaan.

###### Pajakan Jangka Pendek dan Pajak Aset Bernilai Rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajak dengan terma pajak 12 bulan atau kurang. Pembayaran yang berkaitan dengan pajak jangka pendek kelengkapan dan semua pajak aset bernilai rendah diiktiraf pada asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam Untung atau Rugi. Untuk Kumpulan dan KWSP, aset bernilai rendah adalah aset dinilai dengan kos RM20,000 dan ke bawah setiap aset.

###### Polisi Perakaunan yang Digunapakai Sehingga 31 Disember 2018

Pajakan aset di mana risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas tuan sewa, dikelaskan sebagai pajak operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajak operasi ini (bersih dari sebarang insentif yang diterima dari tuan pajak) dicajkan dalam Untung atau Rugi mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajak.

Bayaran pendahuluan yang telah dibuat ke atas tanah milik pajak dianggap sebagai prabayaran sewa pajak dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajak.

Sekiranya pajak operasi ditamatkan sebelum tempoh pajak tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada tuan pajak dalam bentuk penalti akan diiktirafkan sebagai perbelanjaan pada tempoh penamatan dibuat.

##### ii. Perakaunan untuk Pemberi Pajak

Apabila aset disewa di bawah pajak operasi, aset tersebut adalah termasuk dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan jenis aset tersebut. Pendapatan pajak akan diiktiraf mengikut tempoh pajak menggunakan kaedah garis lurus.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.10 Hartanah Pelaburan**

Hartanah Pelaburan terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan dan KWSP sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan. Hartanah Pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Hartanah Pelaburan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki bersih sepanjang anggaran usia penggunaan di antara 40 hingga 50 tahun. Apabila Hartanah Pelaburan dilupuskan, atau ianya tidak digunakan langsung dan dijangka tiada manfaat ekonomi masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ianya dihapuskan daripada Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam tempoh ianya dilupuskan.

Susut nilai bagi bangunan yang diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan adalah pada usia penggunaan 30 hingga 50 tahun sebagaimana di Nota 2.8. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan KWSP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Penilaian semula ke atas Hartanah Pelaburan dibuat setiap lima (5) tahun sekali bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

**2.11 Aset Tak Ketara****a. Muhibah**

Muhibah pada awalnya diukur berasaskan kos, sebagai lebih kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi Kepentingan Tak Kawal ke atas aset dikenal pasti bersih yang diperolehi dan liabiliti yang diambil alih. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang diperolehi melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf dalam Untung atau Rugi. Selepas pengiktirafan awal, Muhibah diukur pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibah disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menunjukkan nilai dibawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas Muhibah tidak boleh dicatat semula. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2.16.

**b. Aset Tak Ketara Lain**

Aset Tak Ketara selain Muhibah, yang diperolehi pada awalnya diukur pada kos. Di awal perolehan, Aset Tak Ketara ini diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul.

Aset Tak Ketara yang mempunyai usia penggunaan akan dilunaskan sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa Aset Tak Ketara mungkin telah mengalami rosot nilai. Caj pelunasan bagi Aset Tak Ketara yang mempunyai usia penggunaan adalah diiktiraf kepada Untung atau Rugi.

Aset Tak Ketara yang tidak mempunyai usia penggunaan tidak akan dilunaskan, dan akan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun, atau lebih kerap jika terdapat peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan mengalami rosot nilai. Usia penggunaan Aset Tak Ketara yang tidak mempunyai usia penggunaan disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada taksiran usia penggunaan perlu terus disokong. Jika tidak, perubahan daripada tidak mempunyai usia penggunaan kepada mempunyai usia penggunaan dilakukan secara prospektif.

Aset Tidak Ketara Lain dan anggaran usia penggunaan ekonominya adalah seperti berikut:

Deposit Teras	Enam (6) tahun
Lesen dan Perisian Teknologi Maklumat	Lima (5) tahun
Lesen Perbankan	Tiada usia penggunaan

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.12 Prabayaran Tanah Milik Pajak

Tanah Milik Pajak dinyatakan pada kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Prabayaran Tanah Milik Pajak dilunaskan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai sisa bersih di sepanjang usia pajakan.

Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf dalam Untung atau Rugi dalam tempoh ianya dilupuskan. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan dan KWSP perlu menilai sama ada terdapat petunjuk rosot nilai. Penilaian semula ke atas Prabayaran Tanah Milik Pajak dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk rosot nilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh dipulih semula sepenuhnya. Rosot nilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai boleh pulih seperti dinyatakan di Nota 2.16.

#### 2.13 Aset Dipegang untuk Jualan

Aset bukan semasa atau pelupusan Kumpulan dan KWSP yang terdiri daripada aset dan liabiliti dikelaskan sebagai Aset Dipegang untuk Jualan, yang dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai dibawa dan nilai saksama ditolak kos jualan, sekiranya nilai dibawa tersebut akan dipulih semula melalui jualan dan bukan melalui penggunaan berterusan.

Tiada susut nilai atau pelunasan diperuntukkan ke atas aset bukan semasa tersebut setelah ia dikelaskan sebagai Aset Dipegang untuk Jualan. Aset tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan dan perbezaan di antara kutipan bersih pelupusan dan jumlah dibawa diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian pada tempoh pelupusan.

Aset yang tidak lagi dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan akan diukur pada amaun yang lebih rendah di antara nilai dibawa sebelum aset tersebut dikelaskan sebagai Aset Dipegang untuk Jualan, diselaraskan bagi sebarang susut nilai, pelunasan atau penilaian semula yang mungkin diiktiraf jika aset tersebut tidak dikelaskan sebagai Aset Dipegang untuk Jualan, dan nilai boleh pulih pada tarikh ia diputuskan untuk tidak dijual.

#### 2.14 Aset Kontrak dan Liabiliti Kontrak

Aset Kontrak adalah hak ke atas hasil yang diterima bagi barangan atau perkhidmatan yang dipindahkan kepada pelanggan. Bagi kes pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, aset kontrak adalah kelebihan pendapatan kumulatif yang diperolehi setakat bil semasa.

Kumpulan dan KWSP menilai aset kontrak bagi rosot nilai pada setiap tempoh pelaporan dan pelunasan diukur pada jumlah yang sama sepanjang tempoh Kerugian Kredit Dijangka bagi aset kontrak.

Liabiliti Kontrak adalah obligasi Kumpulan dan KWSP untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan selepas menerima hasil jualan atau caj dikenakan ke atas pelanggan. Dalam hal pembangunan hartanah dan kontrak pembinaan, liabiliti kontrak adalah kelebihan dari caj terkini berbanding pendapatan kumulatif yang diperolehi. Liabiliti kontrak termasuk bayaran pendahuluan yang diterima daripada pelanggan dan lain-lain pendapatan ditangguhkan di mana Kumpulan dan KWSP telah mengenakan caj atau menerima bayaran sebelum barangan dihantar atau perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

#### 2.15 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank (termasuk yang diuruskan oleh Pengurus Dana Luar), deposit dengan institusi kewangan dan pelaburan mudah cair di mana risiko perubahan pada nilai saksama adalah rendah serta tempoh asal kematangan adalah pada tiga (3) bulan atau kurang. Tunai dan Kesetaraan Tunai ini digunakan oleh Kumpulan dan KWSP untuk menguruskan komitmen jangka pendek.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.16 Rosot Nilai****Aset Bukan Kewangan**

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk rosot nilai setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset bukan kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menilai rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada Muhibah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai dicatat semula pada setiap tahun pelaporan.

Rosot nilai akan dicaj dalam Untung atau Rugi. Bagi aset-aset bukan kewangan lain, jika terdapat sebarang kenaikan dalam nilai boleh pulih, ianya diiktiraf dalam Untung atau Rugi kecuali bagi rosot nilai dicatat semula atas aset bukan kewangan yang dinilai semula di mana ianya diambil kira ke Akaun Lebihan Penilaian Semula.

**Aset Kewangan****Kemosotan Aset Kewangan**

Kumpulan dan KWSP menggunakan pendekatan tiga (3) peringkat untuk mengukur Kerugian Kredit Dijangka bagi kategori aset kewangan berikut yang tidak diukur pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi:

- Instrumen hutang yang diukur pada Kos Telunas dan Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain;
- Komitmen pinjaman; dan
- Kontrak jaminan kewangan.

Tiada Kerugian Kredit Dijangka diiktiraf ke atas pelaburan ekuiti.

Tanda-tanda wajib yang digunakan oleh Kumpulan dan KWSP bagi menentukan sama ada terdapat peningkatan signifikan risiko kredit adalah apabila prinsipal atau faedah atau kedua-dua aset pembiayaan telah terlambat antara satu (1) hingga enam (6) bulan atau mencapai mana-mana petunjuk kualitatif tetapi tidak terhad kepada peningkatan penyebaran kredit dalaman kemudahan sedia ada, pelanggaran perjanjian dan penurunan harga sekuriti. Risiko kredit juga boleh dianggap meningkat dengan signifikan sejak pengiktirafan awal berdasarkan faktor kualitatif yang berkaitan dengan proses pengurusan risiko kredit Kumpulan dan KWSP. Ini akan berlaku untuk pendedahan yang memenuhi beberapa kriteria risiko yang tinggi, seperti penempatan pada senarai amatan. Faktor kualitatif tersebut adalah berdasarkan penilaian pakar dan sejarah pengalaman pihak pengurusan yang berkaitan.

Kumpulan dan KWSP menentukan hari terlebih terhutang melalui pengiraan bilangan hari mulai hari terawal berlalu berhubung pembayaran penuh yang masih tidak diterima.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.16 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)

Sekiranya terdapat bukti bahawa tiada lagi peningkatan signifikan risiko kredit berbanding pengiktirafan awal, elaun rosot nilai ke atas aset kewangan akan kembali diukur pada Kerugian Kredit Dijangka 12 bulan. Beberapa petunjuk kualitatif mengenai peningkatan risiko kredit, seperti kegagalan pembayaran atau toleransi, mungkin menunjukkan peningkatan risiko terhutang yang berterusan selepas petunjuk telah tidak wujud. Bagi kes ini, Kumpulan dan KWSP menentukan tempoh percubaan di mana aset kewangan tersebut diperlukan untuk menunjukkan prestasi cemerlang sebagai bukti bahawa penurunan risiko kredit telah berlaku secukupnya. Apabila terma kontrak pembiayaan telah diubah suai, bukti yang mengiktiraf Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat tidak lagi dipenuhi termasuk sejarah prestasi pembayaran terkini berbanding terma kontrak yang telah diubah suai.

Aset kewangan yang tidak disemak secara individu dikumpulkan bersama-sama bagi tujuan penilaian rosot nilai. Aset kewangan tersebut dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko kredit bagi tujuan pengiraan anggaran kerugian kolektif. Anggaran aliran tunai terhadap kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif bagi tujuan rosot nilai adalah dianggarkan atas sejarah kerugian pengalaman bagi aset di mana ciri-ciri risiko kredit adalah serupa dengan ciri-ciri di Kumpulan.

Aset kewangan bergerak melalui tiga (3) peringkat berikut berdasarkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal:

##### Peringkat 1: Kerugian Kredit Dijangka 12 Bulan

Bagi pendedahan di mana tidak terdapat peningkatan signifikan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan kredit tidak terjejas semasa pengiktirafan awal, bahagian Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat yang dikaitkan dengan kebarangkalian peristiwa ingkar yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang diiktiraf.

##### Peringkat 2: Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Tidak Terjejas

Bagi pendedahan di mana terdapat kenaikan risiko kredit yang signifikan sejak pengiktirafan awal tetapi kredit tidak terjejas, Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat (iaitu menggambarkan baki tempoh hayat aset kewangan) diiktiraf.

Kumpulan dan KWSP menilai jika pendedahan telah meningkat dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal (Peringkat 2) melalui kriteria berikut:

- Kemerosotan kadar kredit seperti yang ditentukan oleh dasar kemerosotan KWSP;
- Kehilangan permulaan kadaran kredit; dan
- Penstrukturan dan penjadualan semula disebabkan oleh peningkatan risiko kredit.

##### Peringkat 3: Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas

Pendedahan dinilai sebagai kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset tersebut telah berlaku. Bagi pendedahan yang telah terjejaskan kredit, Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat diiktiraf dan hasil faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif kepada kos dilunaskan (bersih daripada peruntukan) dan bukannya nilai dibawa kasar.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.16 Rosot Nilai (Samb.)****Aset Kewangan (Samb.)****Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)****Peringkat 3: Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas (Samb.)**

Kumpulan atau KWSP menilai jika pendedahan mengalami penurunan nilai kredit melalui kriteria berikut:

Pelaburan Kewangan pada Kos Terlunas

1. Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
2. Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
3. Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
4. Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
5. Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
6. Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
7. Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain

1. Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
2. Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
3. Penamatan operasi perniagaan/mufliis (bagi kes yang telah difailkan);
4. Syarikat yang dilaburkan telah dikelaskan sebagai PN17;
5. Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
6. Syarikat yang melabur menerima Sijil Audit Bersyarat.

Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

1. Penurunan kadaran gred pelaburan di bawah gred pelaburan yang ditetapkan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan;
2. Kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui;
3. Peminjam menghentikan operasi perniagaan/ kebangkrapan (apabila memfailkan kes itu);
4. Peminjam menerima perintah penggulangan operasi perniagaan;
5. Berita mengenai kes fraud signifikan yang disiarkan/pelantikan penasihat kewangan; dan
6. Peminjam menerima Sijil Audit Bersyarat.

Pengukuran Kerugian Kredit Dijangka

Kerugian Kredit Dijangka diukur sama ada dalam tempoh 12 bulan atau sepanjang hayat bergantung kepada sama ada peningkatan ketara dalam risiko kredit telah berlaku sejak pengiktirafan awal atau sama ada sesuatu aset dianggap mengalami kredit terjejas.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.16 Rosot Nilai (Samb.)

##### Aset Kewangan (Samb.)

##### Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)

##### Peringkat 3: Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas (Samb.)

Pengukuran Kerugian Kredit Dijangka (Samb.)

##### Peringkat 1 dan 2

Kerugian kredit yang dijangkakan daripada pendedahan Peringkat 1 dan 2 adalah produk diskaun Kebarangkalian Ingkar (PD), Pendedahan pada Ingkar (EAD) dan Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD), yang ditakrifkan seperti berikut:

- Kebarangkalian Ingkar (PD) mewakili kemungkinan peminjam ingkar terhadap obligasi kewangannya, sama ada dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang tempoh baki obligasi.
- Pendedahan pada Ingkar (EAD) didasarkan pada jumlah yang dijangkakan oleh Kumpulan pada masa kegagalan, dalam tempoh 12 bulan akan datang atau sepanjang hayat yang selebihnya.
- Kerugian Akibat Kemungkinan (LGD) mewakili jangkaan Kumpulan tentang tahap kerugian pada pendedahan yang mungkir.

Kerugian Kredit Dijangka ditentukan dengan pengiraan Kebarangkalian Ingkar, Pendedahan pada Ingkar dan Kerugian Akibat Kemungkinan untuk setiap bulan akan datang bagi setiap pendedahan individu. Ketiga-tiga komponen ini digandakan dan diselaraskan untuk kemungkinan kelangsungan hidup.

##### Peringkat 3

Peringkat 3 Kerugian Kredit Dijangka diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kaedah asal hasil efektif aset kewangan. Nilai dibawa aset kewangan dikurangkan dan amaun kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam Untung atau Rugi.

##### Penghutang

Kumpulan dan KWSP menggunakan pendekatan mudah seperti yang dibenarkan oleh MFRS 9, yang memerlukan entiti untuk mengiktiraf elaun rosot nilai berdasarkan Kerugian Kredit Dijangka sepanjang hayat pada setiap tarikh laporan kewangan. MFRS 9 membenarkan penggunaan wajaran praktikal dalam mengukur Kerugian Kredit Dijangka dan menyatakan bahawa matriks peruntukan ialah contoh wajaran untuk penghutang perdagangan dan aset kontrak. Entiti yang mengaplikasikan wajaran peruntukan dibenarkan untuk menggunakan pengalaman rugi sejarah terhadap penghutang perdagangan, dan menyelaraskan kadar rugi sejarah untuk menunjukkan maklumat tentang keadaan semasa dan ramalan yang munasabah dan menyokong keadaan ekonomi masa hadapan.

##### Maklumat Masa Hadapan

Penilaian peningkatan signifikan risiko kredit dan pengiraan Kerugian Kredit Dijangka kedua-duanya memasukkan maklumat masa hadapan. Kumpulan telah melakukan analisis sejarah dan mengenal pasti pemboleh ubah ekonomi utama yang memberi kesan kepada risiko kredit dan kerugian kredit yang dijangka untuk setiap portfolio. Penilaian pakar juga telah digunakan dalam proses ini. Ramalan pemboleh ubah ekonomi ini disediakan oleh Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal KWSP secara tahunan dan memberikan pandangan anggaran terbaik ekonomi dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Selain itu, Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal KWSP juga menyediakan senario lain yang mungkin bersama-sama dengan wajaran senario.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.16 Rosot Nilai (Samb.)****Aset Kewangan (Samb.)****Kemerosotan Aset Kewangan (Samb.)****Peringkat 3: Kerugian Kredit Dijangka Sepanjang Hayat - Kredit Terjejas (Samb.)**

Pengukuran Kerugian Kredit Dijangka (Samb.)

**Peringkat 3 (Samb.)**

Turun Nilai/Hapus Kira

Aset kewangan dan elaun rosot nilai yang berkaitan biasanya diturun nilai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, apabila tiada kemungkinan perolehan yang realistik. Dalam keadaan di mana aset kewangan telah dijamin, penurunan nilai biasanya dilakukan selepas penerimaan perolehan daripada realisasi sekuriti.

Walau bagaimanapun, Kumpulan dan KWSP akan meneruskan untuk mengutip dan memantau aset kewangan yang diturun nilainya.

**2.17 Aset Kewangan yang Diubah Suai**

Aset kewangan yang diubah suai termasuk pengubahsuaian yang dilakukan ke atas terma dan syarat asal pembayaran kemudahan pembiayaan berikutan peningkatan risiko kredit pelanggan. Ini termasuk dan tidak terhad kepada penangguhan tempoh dan jadual pembayaran fleksibel termasuk percutian pembayaran, pembayaran keuntungan sahaja, atau permodalan prinsipal atau keuntungan atau kedua-duanya.

Sebaik sahaja aset kewangan tersebut telah diubah suai, tahap pretasi yang memuaskan akan dipantau selama enam (6) bulan sebelum ianya boleh dikelaskan sebagai tidak mengalami rosot nilai kredit.

Kerugian Kredit Dijangka untuk aset kewangan yang diubah suai yang tidak dianggap mengalami rosot nilai kredit akan diiktiraf dalam tempoh 12 bulan. Tetapi jika terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, Kerugian Kredit Dijangka akan diiktiraf untuk sepanjang hayat.

**2.18 Inventori**

Inventori bagi Kumpulan merangkumi Tanah Dipegang untuk Pembangunan, Tanah Dipegang untuk Jualan dan Inventori Hotel.

**a. Tanah Dipegang untuk Pembangunan**

Kos Tanah Dipegang untuk Pembangunan dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos sejarah dan nilai boleh nyata bersih. Kos tanah dipegang untuk pembangunan terdiri daripada harga belian tanah, yuran profesional, duti stem, komisen, yuran penukaran, levi berkaitan dan kos pembangunan langsung yang dibelanjakan untuk menyediakan tanah tersebut untuk pembangunan.

Nilai boleh nyata bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak anggaran kos penyempurnaan dan anggaran kos penjualan. Jika nilai boleh nyata bersih tidak boleh ditentukan, Inventori ini akan dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos atau nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Nilai saksama adalah nilai Inventori yang boleh dijual dalam transaksi urus niaga tulus.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.18 Inventori (Samb.)

##### a. Tanah Dipegang untuk Pembangunan (Samb.)

Tanah Dipegang untuk Pembangunan adalah tanah dimana tiada aktiviti pembangunan signifikan dilakukan atau kegiatan pembangunan dijangkakan tidak dapat diselesaikan dalam kitaran kendalian normal.

Tanah Dipegang untuk Pembangunan akan dipindahkan kepada tanah dipegang untuk jualan apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan aktiviti pembangunan dijangka selesai dalam kitaran kendalian normal Kumpulan.

##### b. Tanah Dipegang untuk Jualan

Tanah Dipegang untuk Jualan merangkumi hartanah yang telah siap, yang dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos sejarah dan nilai boleh nyata bersih. Kos ini termasuk kos berkaitan perolehan tanah atau sebahagian daripadanya dan semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan berdasarkan asas yang munasabah ke atas aktiviti tersebut.

##### c. Inventori Hotel

Kos Inventori Hotel dikira menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu (*first-in first-out*) dan termasuk perbelanjaan perolehan inventori dan kos-kos lain yang terlibat untuk membawa inventori tersebut ke lokasi semasa.

#### 2.19 Cukai dan Zakat

##### a. Cukai

KWSP dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan perenggan 20 – Jadual 6, Bahagian I, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Cukai pendapatan Syarikat Subsidiari atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai dibawanya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada dasarnya, Liabiliti Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan Aset Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ke tahap di mana keuntungan boleh dicukai berkemungkinan untuk digunakan ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusan niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusan niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset dinyatakan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Untung atau Rugi kecuali jika ia timbul daripada urusan niaga yang diiktiraf secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam Penyata Kedudukan Kewangan, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal yang mana cukai tertunda dimasukkan dalam Muhibah atau Muhibah Negatif terhasil.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.19 Cukai dan Zakat (Samb.)****b. Zakat**

Zakat yang dinyatakan adalah mewakili zakat perniagaan yang dibayar oleh Syarikat Subsidiari yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah. Zakat dikira berdasarkan kaedah modal kerja pada kadar 2.5%.

**2.20 Manfaat Pekerja****a. Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus, caruman kepada Institusi Keselamatan Sosial dan bayaran gratuity kepada staf kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan KWSP. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja manakala pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**b. Pelan Caruman Ditetapkan**

Caruman dibuat kepada KWSP bagi pekerja yang telah memilih untuk menerima faedah KWSP.

**c. Manfaat Jangka Panjang**

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Lain-lain Pendapatan Komprehensif dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan di Untung atau Rugi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja. Jenis-jenis manfaat pekerja jangka panjang yang akan diiktiraf secara akruan ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Faedah perubatan pesara;
- ii. Gratuity kepada pesara; dan
- iii. Bayaran award cuti gantian (termasuk bahagian syer caruman majikan ke atas amaun bayaran ini).

Pengiraan amaun tanggungan faedah perubatan dan tanggungan gratuity kepada pesara adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap tiga (3) tahun.

Pengiraan amaun tanggungan bagi gratuity kepada staf kontrak dan bayaran award cuti gantian kepada staf yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

**d. Manfaat Penamatan**

Manfaat Penamatan perlu dibayar apabila staf menerima pemberhentian sukarela sebagai gantian untuk manfaat ini. Kumpulan dan KWSP mengiktiraf Manfaat Penamatan apabila terdapat komitmen ketara untuk menamatkan perkhidmatan staf semasa mengikut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan menarik kembali pelan tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.21 Pinjaman dan Overdraf

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga. Pada tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Sebarang perbezaan antara amaun kutipan (selepas ditolak kos urus niaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam Untung atau Rugi sepanjang tempoh pinjaman. Faedah, dividen, kerugian dan keuntungan berkaitan dengan suatu instrumen kewangan atau bahagian komponen yang dikelaskan sebagai tanggungan adalah seperti yang dilaporkan dalam perbelanjaan pelaburan dalam Untung atau Rugi.

Pinjaman dikelaskan sebagai tanggungan semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian tanggungan untuk sekurang-kurangnya selama 12 bulan selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Yuran yang dibayar bagi memperolehi kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman setakat mana sebahagian atau keseluruhan kemudahan pinjaman, yang berkemungkinan diluluskan.

#### 2.22 Peruntukan bagi Liabiliti

Peruntukan bagi Liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan KWSP mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lalu dan berkemungkinan terdapat aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa ke atas wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menjelaskan obligasi.

#### 2.23 Liabiliti Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3)

Liabiliti Kos Invokasi di bawah Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 adalah bertujuan membiayai bayaran caruman syer pekerja bagi potongan yang dibuat atas gaji pekerja bersama amaun dividen atas caruman tersebut sekiranya majikan gagal membayar syer caruman pekerja tersebut didedahkan sebagai Caj Berkanun dalam Untung atau Rugi KWSP serta sebahagian daripada Pemiutang dan Liabiliti Terakru dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

#### 2.24 Aset dan Liabiliti Luar Jangka

Aset Luar Jangka merupakan jangkaan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan dan KWSP. Kumpulan dan KWSP tidak mengiktiraf Aset Luar Jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

Kumpulan dan KWSP tidak mengiktiraf Liabiliti Luar Jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di Penyata Kewangan. Liabiliti Luar Jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu (1) atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan dan KWSP atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti Luar Jangka juga wujud bagi kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

#### 2.25 Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli

Caruman dikreditkan ke akaun ahli mengikut bulan caruman atas dasar terimaan tunai kecuali kes pengkreditan berasaskan Invokasi Seksyen 50(3), Akta KWSP, 1991 seperti dinyatakan di Nota 2.23.

Aset Bersih Boleh Diagih kepada Ahli adalah obligasi semasa KWSP kepada ahli. Aset bersih bagi KWSP telah dikira seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang meliputi Akaun Caruman Ahli, Lebihan Kumulatif dan Rizab.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)****2.26 Dividen Dikreditkan/Dibayar kepada Ahli**

Dividen tahunan dikira atas baki pembuka pada 1 Januari (selepas ditolak pengeluaran) dan dicampur caruman mengikut bulan caruman dan dikreditkan ke akaun ahli pada penutupan akhir tahun kewangan. Dividen ke atas pengeluaran adalah dikira dari awal tahun pengeluaran sehingga ke tarikh akaun caruman didebitkan. Pendapatan yang diterima dalam tahun semasa diagih kepada semua ahli KWSP secara maksimum selepas mengiktiraf semua perbelanjaan tahun semasa berlandaskan polisi perakaunan KWSP yang diluluskan oleh Lembaga.

**2.27 Rizab****Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain**

Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain telah diwujudkan untuk mengakaunkan pergerakan perubahan nilai saksama bagi aset kewangan yang dikelaskan sebagai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Akaun Rizab Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain dikreditkan apabila terdapat perubahan positif kepada nilai saksama Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain. Sebaliknya, akaun rizab ini didebitkan apabila berlaku perubahan negatif kepada nilai saksama Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain atau terdapat transaksi penjualan bagi Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain.

Sila rujuk Nota 2.1 (d) (iv) di bawah Anggaran dan Andaian untuk polisi perakaunan Turun Nilai Kos atas Ekuiti Tersenarai.

**2.28 Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan diiktiraf sebagaimana dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan iaitu pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga. Kumpulan atau KWSP mengiktiraf pendapatan apabila (atau semasa) memindahkan kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau semasa) pelanggan memperoleh kawalan ke atas aset tersebut.

Kumpulan atau KWSP memindahkan kawalan ke atas suatu barangan atau perkhidmatan pada sesuatu masa kecuali salah satu daripada kriteria di bawah dipenuhi:

- (i) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh Kumpulan atau KWSP; atau
- (ii) keupayaan Kumpulan atau KWSP menyediakan atau menambah baik aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset disediakan atau ditambah baik.

Pendapatan merangkumi nilai saksama bayaran yang diterima atau boleh diterima bagi penjualan barangan atau perkhidmatan dalam aktiviti rutin Kumpulan. Pendapatan diiktiraf sebagai nilai bersih selepas cukai, bayaran balik, rebat dan diskaun dan tidak mengambil kira jualan dalam antara Kumpulan. Pendapatan Kumpulan dijelaskan di bawah:

**Pengiktirafan Pendapatan atas Penjualan Hartanah**

Pendapatan hasil daripada jualan hartanah siap diukur pada harga transaksi tetap yang dipersetujui di bawah perjanjian jual beli ditolak jangkaan bayaran ganti rugi yang ditentukan (LAD), berdasarkan kaedah nilai yang dijangkakan.

Pendapatan daripada penjualan hartanah yang siap diiktiraf apabila kawalan aset dipindahkan kepada pelanggan dan kemungkinan Kumpulan dan KWSP akan menerima bayaran bagi menukar aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### 2.29 Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan Risiko Kewangan KWSP secara keseluruhannya adalah untuk mengoptimalkan pembentukan nilai untuk ahli-ahlinya disamping meminimalkan potensi impak buruk daripada perubahan kadar faedah dan keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu.

KWSP perlu memastikan aktiviti-aktiviti pelaburan adalah seimbang di antara sasaran dividen tahunan dan pelbagai risiko kewangan.

Keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko KWSP diguna pakai untuk meminimumkan potensi kesan buruk ke atas prestasi kewangan. Pelaburan KWSP adalah berdasarkan kepada alokasi strategik yang luas untuk jangka masa panjang dan alokasi dana yang optimum secara strategik untuk kelas-kelas aset. Alokasi Aset Strategik atau SAA secara lazimnya adalah berdasarkan kepada profil risiko/pulangan penanda aras untuk setiap kelas aset. Kepelbagaian potensi alokasi aset akan menghasilkan magnitud risiko yang berbeza. Berdasarkan pulangan dan risiko tertentu untuk setiap alokasi aset, Panel Pelaburan boleh menyelaraskan alokasi dana bagi KWSP sehingga mencapai alokasi optimum yang strategik.

SAA melibatkan aras tertinggi dalam membuat keputusan pelaburan dan merupakan langkah terpenting di dalam proses pelaburan kerana ia menentukan tahap risiko majoriti bagi pelaburan.

Keputusan mengenai SAA adalah tertakluk kepada Penyataan Risiko Kawalan KWSP seperti berikut:

- i. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 10% jangkakan dividen menurun ke tahap kurang daripada 2.50% pada mana-mana tahun sepanjang 10 tahun akan datang.
- ii. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada satu per tiga jangkakan dividen tahunan menurun kurang daripada inflasi +2% pada mana-mana tahun sepanjang tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- iii. KWSP tidak akan bertoleransi lebih daripada 10% jangkakan terdapat nilai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain negatif pada akhir mana-mana tahun yang lebih besar daripada 5% dari nilai buku aset.

Antara keputusan lain di dalam proses pelaburan ialah mengenai Alokasi Aset Taktikal (TAA), yang membenarkan KWSP untuk mempelbagaikan alokasi bagi setiap kelas aset berpandukan kepada alokasi strategik yang ditentukan di dalam SAA dan mencegah penyimpangan berlebihan daripada SAA.

Dalam mencapai misinya, KWSP perlu mengurus pelbagai risiko yang timbul dari persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah. Risiko-risiko ini termasuklah risiko operasi dan risiko kewangan.

#### a. Risiko Operasi

Risiko Operasi ditakrifkan sebagai risiko kegagalan hasil daripada ketidakcukupan atau kegagalan proses dalaman, manusia atau sistem, atau daripada kejadian luaran.

Pengurusan Risiko Operasi (*Operational Risk Management, ORM*) adalah bagi menyokong dan menambah baik aktiviti di dalam semua bidang operasi. ORM merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan dan budaya korporat KWSP.

Kaedah Kad Skor Risiko Korporat (*Corporate Risk Scorecard, CRS*) merupakan pendekatan pengurusan risiko yang konsisten dengan piawaian MS ISO 31000:2010 *Risk Management - Principles and Guidelines* yang telah diguna pakai dalam pelaksanaan pengurusan risiko operasi di KWSP. Salah satu daripada ciri utama kaedah kad skor ini adalah ciri Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (*Risk and Control Self-Assessment, RCSA*) yang membolehkan anggota KWSP menilai sendiri dan mengemaskini profil risiko mereka.

#### b. Risiko Kewangan

Risiko Kewangan adalah risiko yang berkaitan dengan perubahan pelbagai aspek ekonomi yang memberi implikasi kepada kestabilan kewangan KWSP. Terdapat tiga (3) jenis risiko kewangan yang dihadapi oleh KWSP sebagaimana berikut:

- i. Risiko Pasaran (yang terdiri daripada risiko harga, risiko kadar faedah dan risiko pertukaran mata wang asing);
- ii. Risiko Kecairan; dan
- iii. Risiko Kredit.

Polisi terperinci mengenai setiap jenis risiko kewangan yang disenaraikan di atas adalah sebagaimana yang didedahkan di Nota 37.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 3. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

## 3.1 KUMPULAN

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Deposit Bermasa		21,854,735	14,889,023
Deposit Tetap		7,993,605	10,176,759
Komoditi Murabahah		16,593,346	11,487,665
Deposit Berkanun dengan Bank Negara Malaysia		1,090,000	1,053,000
Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia	34	250,472	106,371
Akaun Pasaran Wang dalam Mata Wang Pelbagai		6,526,514	4,326,907
Akaun Pasaran Wang dengan Bank of New York Mellon		13	61,720
Akaun Pasaran Wang Diuruskan oleh Pengurus Dana Dalamann		-	2,383
Akaun Pasaran Wang Diuruskan oleh Pengurus Dana Luaran		2,809,850	4,282,324
		57,118,535	46,386,152
Elaun Rosot Nilai	37.1b	(649)	(814)
	37.1a	57,117,886	46,385,338

Struktur kematangan bagi Deposit Kasar dengan Institusi Kewangan, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		56,013,503	45,333,152
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		1,105,032	1,053,000
	37.1c	57,118,535	46,386,152

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**3. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN (SAMB.)****3.2 KWSP**

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Deposit Bermasa		<b>21,854,735</b>	14,889,023
Deposit Tetap		<b>4,822,594</b>	5,959,867
Komoditi Murabahah		<b>18,437,917</b>	12,386,174
Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia	34	<b>250,472</b>	106,371
Akaun Pasaran Wang dalam Mata Wang Pelbagai		<b>6,526,513</b>	4,326,907
Akaun Pasaran Wang dengan Bank of New York Mellon		<b>13</b>	61,720
Akaun Pasaran Wang Diuruskan oleh Pengurus Dana Luaran		<b>2,809,850</b>	4,282,324
		<b>54,702,094</b>	42,012,386
Elaun Rosot Nilai	37.1b	<b>(1,088)</b>	(469)
	37.1a	<b>54,701,006</b>	42,011,917

Struktur kematangan bagi Deposit Kasar dengan Institusi Kewangan, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		<b>54,687,062</b>	42,012,386
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		<b>15,032</b>	-
	37.1c	<b>54,702,094</b>	42,012,386

Tempoh kematangan bagi Deposit Bermasa, Deposit Tetap, Komoditi Murabahah dan Akaun Pasaran Wang dengan Bank Negara Malaysia adalah kurang daripada tiga (3) bulan, maka ianya diambil kira sebagai tunai dan kesetaraan tunai di dalam Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan KWSP.

Butiran mengenai aset Deposit dengan Institusi Kewangan yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2019 adalah ditunjukkan dalam Nota 37.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah ditunjukkan dalam Nota 37.1b.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 4. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN

## 4.1 KUMPULAN

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		48,299	43,363
Deposit Sewa		5,188	5,862
Penghutang Sewa		112,547	82,755
Pendahuluan Tidak Bercagar untuk Projek Usaha Sama		514,322	463,014
Hartanah-Ditarik Balik		113,262	133,505
Penghutang Perdagangan		361,645	428,342
Cukai Boleh Pulih		625,424	1,131,276
Akruan Pelbagai Item Bukan Pelaburan dan Deposit		568,896	633,763
Akruan Pendapatan Dividen		370,301	458,906
Akruan Penjualan Pelaburan		1,545,992	527,443
Akruan Cukai Barangan dan Perkhidmatan		26,933	36,862
Caj Perkhidmatan Belum Terima		7,066	6,421
		<b>4,326,410</b>	3,978,047
Elaun Rosot Nilai:			
Pendahuluan Tidak Bercagar untuk Projek Usaha Sama	37.1b	(510,130)	(458,821)
Lain-lain	37.1b	(81,585)	(104,860)
		<b>3,734,695</b>	3,414,366

Struktur kematangan bagi Penghutang, Deposit dan Prabayaran Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan	2,443,680	1,815,634
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan	1,882,730	2,162,413
	<b>4,326,410</b>	3,978,047

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**4. PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN (SAMB.)****4.2 KWSP**

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Sumbangan Dana Kursi		26,535	26,535
Prabayaran		7,216	6,020
Deposit Sewa		1,927	1,801
Penghutang Sewa		14,617	8,152
Amaun Terhutang daripada Syarikat Subsidiari		52,399	122,915
Tuntutan Cukai atas Dividen Belum Terima		5,741	270,750
Akruan Pelbagai Item Bukan Pelaburan dan Deposit		1,702	2,346
Akruan Pendapatan Dividen		675,153	837,442
Akruan Penjualan Pelaburan		1,537,271	349,517
Akruan Cukai Barangan dan Perkhidmatan		332	765
Caj Perkhidmatan Belum Terima		7,066	6,421
		<b>2,329,959</b>	1,632,664
Elaun Rosot Nilai	37.1b	<b>(5,430)</b>	(5,697)
		<b>2,324,529</b>	1,626,967

Struktur kematangan bagi Penghutang, Deposit dan Prabayaran Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan	2,295,982	1,598,399
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan	33,977	34,265
	<b>2,329,959</b>	1,632,664

Butiran mengenai Penghutang dan Deposit (tidak termasuk Prabayaran) yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2019 adalah dinyatakan dalam Nota 37.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah dinyatakan dalam Nota 37.1b.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN

## 5.1 KUMPULAN

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Pinjaman dan Pembiayaan		<b>57,727,846</b>	57,049,122
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	5.1a	<b>2,892,531</b>	3,259,796
Pinjaman dan Pembiayaan Secara Islamik:			
Pembiayaan Hartanah		<b>5,169,539</b>	4,340,082
Pembiayaan Peribadi		<b>19,994,419</b>	20,562,134
Pinjaman Staf		<b>219,370</b>	206,803
Sewa Beli dan Pembiayaan Auto		<b>969,437</b>	213,898
Pembiayaan Penyambung dan Lain-lain Pembiayaan Berjangka		<b>6,543,798</b>	6,172,953
Kredit Pusingan		<b>703,389</b>	743,218
Pembiayaan Perdagangan		<b>564,641</b>	971,116
Pinjaman dan Pembiayaan Secara Konvensional:			
Pembiayaan Akhir:			
Rancangan Pembiayaan Perumahan Biasa		<b>864,289</b>	1,063,043
Rancangan Pembiayaan Perumahan Kos Rendah		<b>3,252</b>	3,367
Pinjaman Staf		<b>76,417</b>	77,403
Sewa Beli dan Pembiayaan Auto		<b>17,080</b>	17,319
Pembiayaan Penyambung dan Lain-lain Pembiayaan Berjangka		<b>989,528</b>	1,043,820
		<b>96,735,536</b>	95,724,074
Elaun Rosot Nilai:			
Pinjaman dan Pembiayaan	37.1b	<b>(367)</b>	(434)
Pinjaman Staf	37.1b	<b>(74)</b>	(213)
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	37.1b	<b>(7,739)</b>	(62)
Pembiayaan dan Pinjaman Korporat	37.1b	<b>(783,156)</b>	(1,238,056)
Pembiayaan dan Pinjaman Peribadi	37.1b	<b>(1,127,512)</b>	(806,803)
	37.1a	<b>94,816,688</b>	93,678,506

- a. Termasuk di dalam Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama ini adalah baki berjumlah RM1,979.79 juta yang tidak bercagar dan dikenakan faedah dalam lingkungan 4% hingga 8% (2018: 4% hingga 8%) setahun dan mempunyai tarikh kematangan dari tahun 2025 hingga 2026 kecuali pinjaman kepada syarikat bersekutu dan usaha sama di bawah Tanjung Wibawa Sdn Bhd, Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd., Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd. dan Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd. yang tiada tempoh pembayaran balik.

Termasuk di dalam Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama ini juga adalah pinjaman daripada syarikat subsidiari KWSP, Naungan Sentosa Sdn Bhd kepada syarikat bersekutu berjumlah RM147.23 juta. Pembiayaan ini tidak bercagar, dikenakan faedah sebanyak 7.65% (2018: 7.9%) dan dibayar balik pada bila-bila masa atas pilihan syarikat bersekutu tersebut.

Baki pinjaman kepada Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama berjumlah RM765.51 juta adalah tidak bercagar, mempunyai faedah berubah dan matang pada 15 Disember 2020. Faedah berubah ini adalah berdasarkan pinjaman kepada Hartanah SPV ditolak margin berkaitan untuk tahun kewangan yang berkenaan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)****5.1 KUMPULAN (Samb.)**

Struktur kematangan bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		4,688,473	6,302,876
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		92,047,063	89,421,198
	37.1c	<b>96,735,536</b>	95,724,074

**5.2 KWSP**

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Pinjaman dan Pembiayaan	5.2a	57,727,846	57,049,122
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu		-	148,800
Pinjaman dan Pembiayaan Secara Islamik:			
Pinjaman Staf		174,572	165,526
Pinjaman dan Pembiayaan Secara Konvensional:			
Pinjaman Staf		76,097	77,023
Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari	5.2b	1,791,330	1,962,936
		<b>59,769,845</b>	59,403,407
Elaun Rosot Nilai:			
Pinjaman dan Pembiayaan	37.1b	(367)	(434)
Pinjaman Staf	37.1b	(74)	(213)
Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari	37.1b	(77)	(24,520)
Pinjaman kepada Syarikat Bersekutu	37.1b	-	(62)
	37.1a	<b>59,769,327</b>	59,378,178

- a. Pinjaman dan Pembiayaan ini diberikan kepada pelbagai Agensi dan Syarikat yang sebahagian besarnya dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

## 5. PINJAMAN, PENDAHULUAN DAN PEMBIAYAAN (SAMB.)

## 5.2 KWSP (Samb.)

- b. Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari KWSP ini tidak bercagar dan tanpa faedah kecuali pendahuluan modal kepada Kwasa Singapore Solo Pte. Ltd., Kwasa Singapore Duo Pte. Ltd. dan Kwasa Singapore Trio Pte. Ltd. di mana faedah dikenakan sebanyak 4.00% setahun. Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari ini juga tiada tempoh pembayaran balik kecuali KWASA Europe S.à.r.l. di mana tempoh pembayaran balik adalah selepas tamat tempoh pinjaman, iaitu 10 tahun daripada tarikh efektif perjanjian pendahuluan modal. Pendahuluan Modal kepada Syarikat Subsidiari yang gagal ujian 'SPPI' berdasarkan MFRS 9 telah diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi (Nota 6).

Struktur kematangan bagi Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan Kasar, tanpa elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

	Nota	2019 (RM'000)	2018 (RM'000)
Matang dalam tempoh 12 Bulan		1,428,887	3,243,952
Matang dalam tempoh melebihi 12 Bulan		58,340,958	56,159,455
	37.1c	59,769,845	59,403,407

Butiran mengenai aset Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan yang ditaksir sebagai mengalami rosot nilai bagi Kumpulan dan KWSP setakat 31 Disember 2019 adalah dinyatakan dalam Nota 37.1a. Manakala pergerakan rosot nilai terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Rosot Nilai adalah dinyatakan dalam Nota 37.1b.

## 6. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

## 6.1 KUMPULAN

	Nota	DINYATAKAN SEMULA					
		2019			2018		
		Nilai Nosional	Nilai Saksama	Liabiliti	Nilai Nosional	Nilai Saksama	Liabiliti
		(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Aset Pelaburan Dipegang untuk Dagangan		-	13,893,280	-	-	11,666,153	-
Instrumen Ekuiti		-	665,540	-	-	517,694	-
Instrumen Hutang		-	1,530,652	-	-	4,460,751	-
Instrumen Lindung Nilai:	6b						
- Kontrak Tukaran Mata Wang Hadapan		57,603,886	1,095,082	93,577	36,097,199	172,335	646,195
- Swap Mata Wang Bersilang		1,315,840	79,061	155,993	1,644,821	77,291	252,659
- Swap Kadar Faedah		10,148,967	4,341	121,978	9,168,897	13,802	93,737
Lain-lain Aset/Liabiliti Kewangan Derivatif		-	100,566	332	-	59,121	198
	37.1a	69,068,693	17,368,522	371,880	46,910,917	16,967,147	992,789

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**6. ASET/LIABILITI KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI (SAMB.)****6.2 KWSP**

	Nota	DINYATAKAN SEMULA					
		2019			2018		
		Nilai Nosional	Nilai Saksama	Liabiliti	Nilai Nosional	Nilai Saksama	Liabiliti
